

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 8	Isnin	12 Mei 2008
---------------	--------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BWAH P.M.18(1):	
■ Desak Kerajaan Junta Myanmar Tangguh Rancangan Pungutan Suara Perlembagaan	
- <i>Y.B. Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)</i>	(Halaman 30)
USUL:	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong	
- <i>Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai)</i>	(Halaman 32)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 72)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 12 Mei 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sejauh manakah kementerian mengkaji perubahan yang berlaku sekarang. Apakah rumusannya dan persiapan kementerian pada masa akan datang.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan cuaca yang berlaku pada masa sekarang adalah kesan daripada kegagalan iklim semula jadi dunia, yang berlaku akibat daripada perubahan suhu air laut di kawasan tengah Lautan Pasifik, yang kita sebut fenomena *El-Nino* dan *La-Nina* dan perubahan suhu air laut di Lautan Hindi yang berdekatan dengan perairan Sumatera yang kita sebut fenomena *Indian Ocean Dipole*.

Di samping itu perubahan cuaca juga dipengaruhi oleh kesan daripada pemanasan global. Kajian kesan jangka pendek terhadap perubahan iklim dan keadaan cuaca ekstrem, kementerian saya dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengadakan satu kajian awal berhubung dengan perubahan cuaca dan kejadian cuaca ekstrem di Malaysia.

Pada masa sekarang, kementerian saya melalui agensi pelaksana Jabatan Meteorologi Malaysia, sedang menjalankan kajian saintifik berhubung dengan kesan jangka panjang akibat daripada perubahan cuaca dan kajian cuaca ekstrem di negara kita dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia dan agensi antarabangsa iaitu *Hadley Centre for Climate Prediction and Research, Meteorological Office, United Kingdom*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan bagi persiapan untuk masa akan datang adalah termasuk:

- (i) telah melaksanakan satu kajian nasional pada tahun 2000 tentang impak perubahan iklim akibat daripada pemanasan global terhadap sektor ekonomi di Malaysia;
- (ii) menubuhkan Jawatankuasa Nasional Perubahan Iklim di bawah MOSTI pada tahun 1995 lagi dan kini dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bermula pada tahun 2004;
- (iii) menyediakan *National Communication* kedua berhubung dengan status perubahan iklim terkini serta kajian yang perlu untuk menyesuaikan kepada perubahan iklim terhadap sektor-sektor utama negara kita seperti pertanian, sumber air, saliran, pengurusan pantai, keselamatan makanan, kesihatan, penempatan manusia dan sumber tenaga; dan
- (iv) mengadakan Seminar Kebangsaan Mengenai Impak Cuaca Ekstrem Dan Perubahan Iklim Terhadap Sosioekonomi Negara pada Oktober 2008. Ini untuk meningkatkan kefahaman, jalinan hubungan saintifik dengan perubahan sosioekonomi akibat perubahan iklim yang dialami oleh negara kita. Di samping itu juga, seminar ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan risiko bencana berhubung dengan perubahan iklim.

Kerajaan berharap, dengan beberapa rancangan yang telah dilaksanakan dan sedang dirancang, negara akan sentiasa bersedia untuk menghadapi apa juga perubahan cuaca. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat berpuas hati dengan jawapan tadi, sangat komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu perkara iaitu tentang *public awareness* dengan izin, ataupun kesedaran awam. Sejauh mana kerajaan akan menggunakan segala ruang yang ada, pendidikan, kempen, media masa dan sebagainya, supaya orang awam, rakyat, lebih bersedia untuk berdepan dengan segala kemungkinan akibat daripada perubahan iklim yang sangat berubah sekarang ini. Lebih-lebih lagi kerajaan tidak akan dipersalahkan apabila sesuatu bencana berlaku, bantuan diberikan lambat kerana semuanya di luar kemungkinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang akan diambil kesempatan pula oleh pihak lain di dalam menghadapi ini kerana ada yang akan mengambil kesempatan atau menanggung di air yang keruh. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang. Pihak kita semua, sememangnya telah faham bahawa bukan senang untuk mentafsirkan ataupun hendak membuat tentang, bilakah cuaca buruk atau ekstrem itu akan menimpa.

Namun jentera kita, saya katakan tadi sentiasa bersedia. Jadi *public awareness* ini dalam beberapa peringkat ini telah pun dan sentiasa diadakan. Pertama, di peringkat teknikal, kita keluarkan misalnya setiap hari, amaran-amaran dan maklumat kepada Majlis Keselamatan Negara dan peringkat negeri serta juga pegawai-pegawai tertinggi kita di setiap negeri jika apa-apa amaran. Misalnya mengenai dengan Tsunami, mengenai dengan hujan atau ribut, dan memberikan kita berada dalam keadaan bersiap sedia.

Di peringkat awam juga, makluman-makluman didedahkan, pameran-pameran dibuat juga oleh kementerian kita serta agensi-agensi di peringkat negeri untuk sentiasa memberi makluman di peringkat awam.

Di peringkat sekolah, kelab-kelab alam sekitar ataupun penjagaan alam, sentiasa mengadakan aktiviti melalui sekolah dan juga pegawai-pegawai serta jabatan kita di peringkat negeri. Begitu juga NGO-NGO khususnya persatuan-persatuan yang berasaskan kepada penjagaan alam sekitar, sentiasa digalakkan untuk bekerjasama bagi mengadakan pengedaran maklumat daripada pihak jabatan kita dan juga di peringkat negeri supaya maklumat-maklumat mengenai *awareness* atau pendedahan ini sentiasa dalam keadaan yang berterusan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kubang Kerian.

■1010

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selepas negara dilanda dengan tragedi tsunami, kerajaan telah memperkenalkan sistem amaran awal sebagai langkah-langkah pencegahan untuk mengatasi masalah tersebut. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kecekapan ataupun tahap teknologi peralatan yang dimaksudkan dengan sistem amaran awal ini, pernah diuji ataupun adakah jumlahnya menepati lokasi-lokasi penting dalam negara kita.

Apakah ada sistem ataupun teknologi yang lain selain daripada sistem amaran awal ini yang telah diperkenalkan sebagai langkah-langkah proaktif kerajaan terhadap sistem keadaan cuaca yang semakin tidak menentu pada hari ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini sememangnya kerajaan peka dan apabila pengalaman kita dengan tsunami seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Kubang Kerian kita lebih berada dalam tahap yang lebih tinggi dari segi kepakaran dan juga langkah-langkah yang perlu diambil. Sebenarnya tiga minggu yang lalu, satu seminar antarabangsa telah pun

diadakan di Kuala Lumpur yang dihoskan oleh jabatan dan kementerian kita mengenai dengan *early warning system*.

Laporan-laporan kita sedang *compile* dengan izin untuk pengetahuan bukan sahaja bagi pihak kerajaan tapi pihak awam dan hanya mengatakan bahawa berbanding dengan negara-negara dirantau ini kita masih setanding dengan kebanyakan negara-negara di rantau ini untuk mengalami apa juga keadaan mengenai dengan tsunami dan seterusnya. Ini dilaksanakan melalui *networking* dengan negara-negara ASEAN dan Asia di rantau ini dengan pengumpulan maklumat bersama dan *sharing* dengan izin, *sharing of information*.

Kedua, kita juga telah memasang beberapa peralatan termasuk *tsunami buoy* yang setakat ini dua telah pun dipasang. Satu di perairan antara Sumatera antara Indonesia dan Malaysia dan satu di perairan perkarangan Pulau Layang-layang yang boleh memberikan maklumat awal. Selain daripada itu, misalnya peralatan yang lain dipasang dengan *monitoring waves*, *monitoring* dengan gambar, kamera yang kita pasang di beberapa pantai-pantai termasuk di Kudat misalnya dan tujuh tempat yang lain yang membolehkan kita mengenal keadaan dan mendapat maklumat *hands-on* jika apa-apa perkembangan ataupun simptom yang penting bagi kita untuk menganalisis dan memberi amaran-amaran yang tertentu.

Selain daripada itu, seperti mana yang saya katakan tadi, sistem kawalan cuaca adalah di peringkat keseluruhan negara kita yang akan memberi gambaran mahupun cuaca, mahupun angin tiupan dan seterusnya mengenai perkembangan ombak di lautan. Terima kasih.

2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan "*mean monthly household income*" dan "*median monthly household income*" untuk negara dan setiap negeri di Malaysia bagi tiap-tiap tahun sejak 2000.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bagan. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perangkaan daripada Siri Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) dengan izin *household income survey* tahun 2002-2004 dan yang terkini tahun 2007 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan isi rumah kasar purata dan penagak purata *mean*, penagak median di Malaysia menunjukkan peningkatan dalam tempoh tahun 2002 hingga 2007.

Pendapatan isi rumah kasar purata, *mean* meningkat kepada RM3,686 sebulan. Manakala pendapatan penengah, *median* pula meningkat kepada RM2,542 sebulan bagi tahun 2007. Maklumat pendapatan purata dan penengah secara terperinci mengikut negeri bagi tahun 2002, 2004 dan 2007 yang telah dipinta oleh Yang Berhormat daripada

Bagan akan dikemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat kerana ada 96 butiran perangkaan yang terpaksa diberi berlandaskan kepada negeri-negeri yang ada dari Johor sampai ke Putrajaya. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya nak bertanya bahawa sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak kalau kita lihat dari sudut statistik dan sudut ekonomi, *median monthly income* atau penengah adalah satu ukuran yang lebih tepat dan lebih mencerminkan keadaan yang sebenar. Apa yang digunakan pada masa ini ialah *mean monthly income* untuk memberikan gambaran bahawa kemampuan setiap keluarga di Malaysia mempunyai keadaan ekonomi atau mutu kehidupan yang baik adalah tidak betul sama sekali.

Bolehkah negara kita menggunakan *international benchmark* dengan izin supaya kita mencerminkan keadaan yang sebenar iaitu bahawa *median monthly income* dengan izin untuk setiap isi padu rumah ialah RM2,542 dan bukan RM3,686 kerana.. saya tak mahu berikan kuliah tentang mengapa *mean monthly income* tidak tepat berbanding dengan *median monthly income*. Saya rasa Yang Berhormat pun telah diberikan *briefing*, taklimat oleh pegawai-pegawai.

Di sini, kerana ia tidak memberikan gambaran yang betul, ramai orang tanya “*Mana saya ada satu bulan RM3,686*”. So, ini adalah tidak tepat. Haraplah kalau kita boleh memberikan keadaan yang sebenar bahawa RM2,542...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...ialah keadaan yang betul. Oleh sebab itu kalau ini adalah statistik yang betul barulah kerajaan boleh merancang dasar-dasar mengikut keperluan setiap keluarga. Di sini seperti yang Tuan Yang di-Pertua faham dalam keadaan inflasi...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya. Dalam keadaan inflasi adakah kerajaan sedar bahawa dalam keadaan inflasi yang begitu tinggi kalau kita gunakan RM2,542 dan bukan RM3,686, adalah begitu pentingnya tindakan segera diambil untuk mengurangkan beban kepada rakyat Malaysia khususnya dalam aspek kenaikan harga makanan yang ada sekarang.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bagan. Kerajaan juga prihatin seperti mana prihatinnya Yang Berhormat kerana ukuran pendapatan yang dikatakan sebagai *mean* dan *median*. Saya ingin mengatakan di sini bahawa sebanyak 38,083 isi rumah telah ditemu duga untuk membuat kajian ini. Kajian ini diagihkan kepada banyak lokasi dan juga mengikut kadar ekonomi dan juga pendapatan keluarga, *urban* dan juga *rural* dengan izin.

Maka responden-responden yang digunakan yang telah memberi input kepada *survey* ini, data yang dikutip memang sah, *reliable* dengan izin dan *representative* dengan izin dari segi *ethnicity*, lokasi, luar bandar dan bandar. Untuk maklumat Yang Berhormat daripada Bagan, HIS, *household income* ini dengan *survey*nya *methodolgy* yang digunakan memang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan juga dari segi konsistensi adalah amalan antarabangsa. Maka data-data yang kita kutip itu telah digunakan oleh *World Bank* dan IMF sebagai ukuran.

■1020

Maka saya pun ingin mengatakan kepada Yang Berhormat Bagan bahawa katakan kita membuat *survey*, dengan izin, maka ada golongan-golongan yang berpendapatan cukup tinggi dan ada yang rendah. Maka dalam kita punya *survey data*, kita telah *capture*, dengan izin, isi-isi rumah yang mendapat RM700 contohnya, sebagai pendapatan isi rumah dan ada juga isi rumah yang ada RM10 ribu atau RM20 ribu. Maka data untuk RM700 itu ada lagi. Maka bila kita buat ukuran medium dan min itu, kita buat satu ukuran *averaging*, puratakan. Maka dengan konsep ini, kerajaan masih mempunyai sistem-sistem lain untuk membantu.

Baru-baru ini ICU telah mengeluarkan *focus group* di mana e-Kasih akan membuat kajian di seluruh Malaysia untuk mengenal pasti miskin tegar dan miskin sahaja untuk memastikan bahawa tidak ada golongan yang tertinggal daripada proses pembangunan pengagihan kekayaan kepada semua. Maka pelbagai program melalui pelbagai kementerian akan dikenal pasti untuk memastikan golongan itu dapat dibantu. Maka kita rasakan bahawa sistem ini masih konsisten dan representatif di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berpendapat bahawa jawapan yang diberi tidak tepat kerana pendapatan purata seluruh negara 3,006 dan 2,242. Bagi negeri tidak disenaraikan, 13 negeri mungkin JPM boleh beri keluar semua tiap-tiap negeri kerana kalau kita kata 3,686, di Sabah kemiskinan 24%, purata seluruh negara 3%, 800% miskin. [Tepuk]

Seorang Ahli: Soalan?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini mesti mukadimah dulu. Jadi saya minta mungkin satu kajian yang terperinci kalau boleh dibuat. Timbalan menteri baru, dia belum sampai Sabah Sarawak, belum pun menjelajah, jadi kita minta menjelajah. Jangan harap soalan daripada pegawai sahaja. Pegawai punya jawapan ini sudah tidak boleh, sudah ketinggalan zaman, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Itu permintaan, Yang Berhormat, bukan soalan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kalau sekiranya kita mahu bersoal...

Tuan S.K. Devamany: Soalan, Yang Berhormat, soalan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ada mukadimahnyanya. Ada mukadimahnyanya dulu. Jadi kita punya Ahli Yang Berhormat Cameron Highlands ini, dia memang ahli sejarah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang juga mukadimah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi saya minta, Tuan Speaker...

Tuan S.K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah jadi ahli ekonomi.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Speaker, saya minta mungkin kalau kerajaan mengkaji dan membuat apa juga data, mesti yang terperinci sekali. Pertama, saya pertikaikan 3,686 ini tidak betul. *[Tepuk]* Keduanya, kenapa negeri-negeri tidak disenaraikan. 13 buah negeri, senaraikan, di Sabah berapa peratus, di Sarawak berapa peratus, senang kita boleh dapat jawapan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi saya mahu minta kepada timbalan menteri supaya mengkaji semula, kalau boleh. Kaji semula dengan secara terperinci dan beritahu kepada Dewan yang mulia ini, kalau boleh.

Tuan S.K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat dari Kalabakan, rakan seperjuangan saya. Baik. Saya ingin menceritakan kepada Yang Berhormat Kalabakan bahawa kita ada PGK, Pendapatan Garis Kemiskinan, ukurannya sendiri di mana bantuan-bantuan disalurkan berdasarkan kepada statistik-statistik. Contohnya, bila kita ambil 2007 di Semenanjung Malaysia, garis kemiskinan – RM420, miskin – RM740. Ia ada satu lagi pendekatan berbeza untuk membantu golongan miskin tegar dan miskin seperti mana yang dikatakan di Sabah Sarawak, di pedalamannya begitu jauh ketinggalan dan sebagainya.

Maka ukuran itu digunakan untuk menyalurkan bantuan-bantuan melalui pelbagai kementerian yang ada. Saya mengakui bahawa kita masih tidak *perfect*, tidak sempurna dari konteks penilaian yang dibuat dan saya akan beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa adanya saya di situ dengan menteri saya sendiri, dengan Jabatan Perdana Menteri akan cuba sedaya upaya untuk membantu supaya meringankan beban rakyat. Itulah hasrat dan matlamat kita bersama. Terima kasih.

[Soalan No. 3 – Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] tidak hadir]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, minta...

Tuan Yang di-Pertua: Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat dari Tumpat tidak dapat hadir pada hari ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Soalan ini dijawab oleh kementerian yang berkenaan kerana tidak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat.

4. Dato' Lee Chee Leong [Kampar] minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah kementerian merancang untuk menambah pengambilan lepasan SPM menyertai kursus perguruan secara PISMP; dan
- (b) menyerap semua Guru Sandaran Dalam Cuti (KDC) memandangkan keperluan mendesak di SJKC dan terdapat ramai pemohon bagi kursus perguruan di kalangan lepasan SPM dan guru sandaran.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (IPM) di Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan program utama guru bagi menyediakan bekalan guru terlatih. Untuk makluman, pengambilan Guru Pelatih Lepas SPM bagi mengikut PISMP ini adalah berdasarkan unjuran yang disediakan oleh Jawatankuasa Unjuran Keperluan Guru KPM.

Sehubungan dengan itu, pengambilan Guru Pelatih PISMP bagi Januari 2006 dan tamat pada Disember 2009 adalah seramai 1,517 orang, pengambilan bagi Januari 2007 dan tamat pada Disember 2010 adalah 2,015, manakala KPM mengunjurkan pengambilan Guru Pelatih PISMP bagi Januari 2009 seramai 3,996 orang. Daripada jumlah pengambilan tersebut, memang terdapat peningkatan pengambilan Guru Pelatih PISMP.

Bagi menjawab soalan seksyen (b) soalan tersebut, KPM masih memerlukan khidmat Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) atas sebab-sebab tertentu. Antaranya, kekurangan guru dalam subjek-subjek kritikal seperti 'bahasa Cina' di SJKC. Bagi memenuhi keperluan guru-guru terlatih, KPM melaksanakan pelbagai alternatif, khususnya berkaitan dengan khidmat GSTT. Antaranya:

- (i) GSTT yang sedang mengikuti Program Latihan Khusus Dalam Cuti (KDC) di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) akan diserap sebagai guru terlatih setelah menamatkan kursus dengan jayanya.
- (ii) GSTT yang bukan di bawah Program KDC pula boleh memohon untuk mengikuti mana-mana Program BPG sekiranya mereka berminat dan memenuhi syarat mengikut prosedur sedia ada; dan

- (iii) melonggarkan syarat kemasukan ke IPG bagi Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) iaitu khususnya syarat kepujian dalam bahasa Malaysia serta bilangan kredit di peringkat SPM.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya diberi peluang. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya memang melihat statistik lepasan STPM yang diberikan kursus oleh kementerian memang banyak. Walau bagaimanapun, kekurangan guru ini bukan lagi satu rahsia. Ianya berlaku di mana-mana, di luar bandar, di bandar, di kawasan saya pun berlaku. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian ini secara pendekatan yang lebih bijaksana menyelesaikan masalah sebab saya faham kerajaan kita ini penyelesaian masalah, bukan pencetus masalah. Jadi masalah ada.

Bagaimana masalah kekurangan guru ini diatasi dari semasa ke semasa tanpa perlu mengambil guru sambilan yang tidak berpengetahuan, Tuan Yang di-Pertua dan ini mendatangkan masalah kualiti kepada pelajar tersebut sebab diberi pendidikan awal oleh guru-guru yang tidak berkualiti. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya bagi mengatasi masalah kekurangan guru ada beberapa pendekatan yang boleh digunakan. Kalau kita masih lagi menghadapi masalah kekurangan kaedah yang digunakan iaitu menggaji Guru Sandaran Tidak Terlatih merupakan salah satu cara yang paling cepat bagi mengisi kekosongan yang terdapat di sekolah-sekolah tetapi itu bukan penyelesaian jangka panjang. Ada tiga kaedah yang boleh digunakan.

Yang pertama, apabila kita menyerap Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) ini masuk, kita memberikan Kursus Dalam Cuti iaitu bagi 'bahasa Cina' atau bahasa Tamil. Ianya telah dilakukan.

■1030

Untuk tahun ini sahaja GSTT di SJK(C) seramai 3,095 orang. Maka kaedah yang akan digunakan ialah kita akan melatih GSTT ini secara berperingkat dan mereka ini berkhidmat di sekolah dan pada waktu yang sama apabila sampainya cuti sekolah mereka pergi mengikuti KDC. Itu cara yang pertama.

Kaedah yang kedua ialah kita ada Kursus Perguruan Lepas SPM sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu PISMP. Di situlah kita boleh mengambil pelajar-pelajar lepasan SPM untuk mengikuti kursus dan ia memakan masa yang agak panjang iaitu lima setengah tahun. Mungkin itu secara jangka panjang ianya boleh dilakukan kerana ramai yang berminat selepas SPM.

Satu kaedah yang paling cepat ialah dengan kita menyerap graduan-graduan melalui Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di mana setiap tahun kita melakukannya. Untuk tahun ini diadakan pengambilan pada bulan Januari dan kita

merasakan masih ada kekurangan dan kita perlu tambah, maka dibuat pula pengambilan untuk bulan Julai. Sebagai satu contoh yang paling ketara, KPLI ini sebenarnya cara yang paling cepat untuk kita mendapatkan guru iaitu setelah mendapat ijazah pertama mereka boleh memohon. Dalam tempoh setahun mereka dilatih menjadi guru.

Maka dengan tiga kaedah ini, dicampur pula dengan kaedah pengambilan GSTT yang lebih fleksibel saya yakin secara jangka panjang ia dapat diatasi dan dipantau dari semasa ke semasa kerana keperluan guru ini mengikut unjuran dan PIPP yang telah direncanakan oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya sedar bahawa sebelum Yang Berhormat menjadi timbalan menteri pun masalah ini berlarutan. Sejak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun kita nampak ada masalah yang sama.

Beberapa Ahli: Soalannya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Soalan mesti dikuti. Yang Berhormat, apakah faktor atau sebab musabab yang mengakibatkan keadaan yang rumit ini. Itu yang pertama dan seterusnya dengan adanya akronim yang banyak seperti GSTP, KPLI, KDC dan PISMP, ini bermakna pihak kerajaan tidak dapat menyelesaikan. Jika hendak selesai dengan menambah akronim sahaja ia tidak bermakna.

Yang Berhormat, kita ada menaikkan taraf 26 ataupun 27 maktab perguruan untuk melatih guru-guru termasuk guru-guru 'bahasa Cina', bahasa Tamil, dan bahasa Malaysia. Mengapa pihak KPM... Ha, kita gunakan akronim pula iaitu KPM, Kementerian Pelajaran atau Pendidikan pada masa dahulu. Kementerian Pelajaran boleh mengatasi semua masalah ini termasuk...

Beberapa Ahli: Soalan. Soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana tidak ada sambungan daripada soalan yang pertama!

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat mukadimah Yang Berhormat. Soalannya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Soalannya apakah faktor-faktor dan seterusnya mengapa pihak KPM tidak dapat mengatasi semua faktor ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan Yang Berhormat Menteri.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya kalau kita menyebut tentang faktor, ada beberapa faktor. Pertama, oleh kerana sebelum ini kita membuat unjuran yang kadangkala berasaskan kepada negeri. Jadi, pendekatan yang digunakan sekarang sepatutnya melihat keperluan dalam semua aliran. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah berapa faktor yang turut melibatkan orang

ramai. Saya mengambil contoh KPLI. Kita telah menyediakan sebanyak 770 tempat untuk pengajian Cina di sekolah rendah tetapi apa yang berlaku yang memohon cuma 628 orang. Mereka yang hadir temu duga dan akhirnya menerima tawaran hanya seramai 434 untuk kategori sekolah jenis kebangsaan Cina. Ini menggambarkan bahawa tidak ada *takers* untuk KPLI di mana graduan ini kalau mereka hendak menjadi guru, itu adalah *optional* yang terakhir.

Oleh itu kali ini kita memang serius untuk melakukan sesuatu iaitu kita membuka satu pengambilan untuk Julai tahun ini. Kita tambahkan lagi seramai 200 orang lebih dan kita akan melihat sambutan yang menggalakkan untuk lebih ramai lagi yang masuk.

Kedua, mungkin persoalan yang akan ditimbulkan ialah kenapa kita tidak mengambil lepasan SPM. Ini disebabkan ia akan mengambil masa yang agak lama iaitu lima setengah tahun berbanding dengan KPLI yang hanya setahun. Kita kena memperbanyakkan dalam konteks kita hendak memartabatkan profesion perguruan dan kita hendak mereka menjadi guru berijazah. Maka itulah pendekatan yang perlu kita lakukan. Dengan KPLI adalah kaedah yang paling cepat. Berbanding dengan KDC, dimulakan dengan mereka menjadi guru, GSTT dan pada waktu yang sama mereka kena mengikuti kursus sekurang-kurangnya tiga tahun dan diserap.

Oleh itu tiga pendekatan yang saya katakan mempunyai tempoh pengajian yang berlainan. Dalam konteks ini sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia memang mengambil pendekatan yang lebih pragmatik. Kita akan meninjau dari segi unjuran. Apabila unjuran diperolehi oleh kementerian ini kita akan menyemak sama ada JPN mempunyai data yang sama dan akhirnya kita akan membuat pengambilan berdasarkan keperluan dan unjuran yang tepat. Terima kasih.

5. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh MARA untuk membantu pemandu teksi supaya mereka dapat berdikari khususnya pemandu-pemandu teksi yang telah membawa teksi lebih daripada 15 tahun.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, MARA telah diberi tanggungjawab untuk membantu pemandu teksi supaya dapat berdikari khususnya pemandu-pemandu teksi yang telah membawa teksi lebih daripada 15 tahun dengan menyediakan kemudahan pembiayaan membeli teksi baru. Sejak Mei 2003 sehingga 16 April 2008, MARA telah memberi pinjaman bernilai RM27.8 juta kepada 762 pemandu teksi. Pemberian pinjaman tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat pemandu-pemandu tersebut mempunyai lesen teksi, memandu teksi sendiri sepenuh masa dan berumur tidak melebihi 60 tahun. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Soalan tambahan. Pada tahun 70-an, MARA memperkenalkan satu skim di mana MARA membeli kereta-kereta untuk pemandu-pemandu yang berdaftar dan memohon ini daripada syarikat-syarikat pengedar dan dijual kepada pemandu itu secara ansuran. Ia lebih murah. Adakah skim ini hendak dilaksanakan semula dan adakah skim bantuan ini akan diberikan juga kepada bumiputera Sabah dan Sarawak. Adakah MARA berhasrat untuk meluaskan skim bantuan ini untuk kaum-kaum India dan Cina yang miskin dari golongan pemandu teksi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, skim yang kita wujudkan pada hari ini ialah satu tabung yang dinamakan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam. Di bawah skim tabung ini kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk membeli pengangkutan awam dan untuk individu kita telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta. Kita telah letakkan peruntukan ini di MARA dan Bank Rakyat. Kita dalam usaha untuk memohon dan menambah supaya peruntukan sebanyak RM60 juta ini akan menjadi RM100 juta bagi pinjaman kepada individu.

Kedua, skim pinjaman ini kita meluaskan sehingga Sabah dan Sarawak serta terbuka kepada pemandu-pemandu daripada golongan bukan Melayu asalkan mereka mempunyai syarat-syarat dan kelayakan sebagaimana yang telah kita tetapkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah satu daripada masalah yang dihadapi oleh pemandu teksi ialah untuk mendapatkan permit sendiri membawa teksi. Saya ingin tahu apakah langkah kementerian untuk memudahkan dan memperbanyakkan permit baru ini kepada pemandu teksi di mana mereka menunggu begitu lama. Oleh kerana disebabkan mereka masih menyewa, mereka menaikkan tambang teksi sesuka hati iaitu kalau tidak mengikut kadar bayaran yang diminta oleh mereka tidak boleh naik.

Kedua, apakah tindakan kementerian untuk memastikan teksi-teksi di negara kita ini ditukar baru kerana teksi jenis Proton Saga ini memang tidak selesa, sempit, kecil, *absorber* pun tidak bagus dan sebagainya. Ini memalukan kita berbanding dengan negara Indonesia. Terima kasih.

■1040

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli di Dewan ini, sebenarnya kerajaan telah pun membekukan lesen pengeluaran teksi mulai daripada 10 September 2004. Ertinya 10 September 2004, lesen teksi tidak lagi dikeluarkan kepada syarikat mahupun kepada individu.

Kementerian sedang menyediakan Kertas Kabinet untuk kita mengkaji supaya kita membuka semula lesen ini khususnya kita akan pertimbangkan untuk diberikan kepada individu-individu. Kita juga sedar masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kerana apabila teksi ini diberi kepada syarikat, kita dapati kos sewa dan sewa beli teksi ini sangat tinggi. Pendapatan mereka juga tidak setimpal, kebajikan pemandu juga tidak dijaga dan masalah tidak guna meter, masalah tidak mahu mengambil penumpang dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita yakin jika kita keluarkan kepada individu dengan meletakkan syarat-syarat yang tertentu, kami yakin perkhidmatan teksi akan dapat kita perbaiki.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk kita mendapat teksi yang standard, buat masa ini kita sedang mengkaji takrif kereta nasional, bukan sahaja daripada PROTON. Kedua, kita akan mengadakan perjumpaan dengan PROTON untuk meminta PROTON menyediakan *design*; satu bentuk teksi yang standard di seluruh negara. Jadi bila kita nampak sahaja kereta ini, kita sudah tahu ini teksi. Tidak seperti hari ini, kita tengok cacamarba. Melainkan ada lambang teksi yang membezakan teksi dengan kereta-kereta biasa. Terima kasih.

6. Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah doktor pakar dan kakitangan sokongan yang telah dihantar ke Hospital Lahad Datu dan Kunak.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga 31 Mac 2008, Hospital Lahad Datu mempunyai pakar-pakar yang ditempatkan secara sepenuh masa terdiri daripada pakar perubatan am, pakar kanak-kanak, pakar bedah am dan pakar sakit puan. Manakala pakar-pakar lain, mengikut lawatan secara berskala daripada hospital berdekatan sama ada Hospital Dutchess of Kent di Sandakan dan daripada Hospital Tawau. Hospital Kunak pula dikategorikan sebagai hospital daerah tanpa pakar. Sehingga kini, pengisian kakitangan di Hospital Kunak adalah sebanyak 171 daripada 204 jawatan; sementara Hospital Lahad Datu, 292 jawatan diisi daripada 422 jawatan sedia ada. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maklumat yang kita peroleh iaitu pakar yang ada di Hospital Daerah Lahad Datu hanya berjumlah empat orang iaitu dua orang berasal daripada India dan dua orang berasal daripada Mesir ataupun *Egypt* dengan izin. Bukan kita tidak mensyukuri nikmat yang kita peroleh di kawasan Parlimen Silam ini. Namun kita sedia maklum, kawasan saya ini terdiri daripada kawasan yang berbilang kaum.

Jadi kalaulah kita mengharapkan pakar tempatan lebih mudah berkomunikasi, soalan saya, apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menempatkan pakar secara optimum. Agar pesakit tidak lagi perlu ke tempat yang lebih jauh seperti Tawau ataupun Kota Kinabalu untuk memudahkan pesakit yang ada di kawasan Parlimen Silam untuk berurusan. Ini kerana Parlimen Silam juga merupakan kawasan POIC. Pesakit itu ataupun yang akan datang ke hospital itu adalah mereka yang penduduknya luar daripada Malaysia. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Susah hendak pusing, tetapi mengikut peraturan, saya kena tengok, saya kena menghadap Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Silam. Saya rasa soalan tambahan daripada Yang Berhormat menandakan Yang Berhormat begitu prihatin tentang Hospital Lahad Datu, hospital di kawasan Yang Berhormat.

Saya rasa saya sudah sampai ke Lahad Datu Tuan Yang di-Pertua. Bangunan yang paling tersergam indah di Lahad Datu itu adalah hospital sahaja. Memang betul empat pakar daripada perkhidmatan yang disediakan, dua daripada Egypt dan dua daripada India. Kita memang berhadapan dengan isu tidak cukup pakar. Ekoran daripada itu, antara halangan-halangan yang dihadapi oleh kementerian bukan sahaja kekurangan pakar, tetapi yang lebih penting bilangan doktor dan doktor pakar yang datang dari Sabah pun, dia tidak hendak balik Sabah Tuan Yang di-Pertua. Dia sudah minum agaknya air di Lembah Klang, dia sudah seronok duduk di Lembah Klang.

Apa pun, untuk mengatasi jangka pendek dan jangka panjang, sebab itu kita ambil pakar daripada luar negara. Sejak tahun 2008, kita tambah daripada 400 pakar yang kita latih tiap-tiap tahun, kita tambah kepada 600. Kita bagi prioriti kepada doktor-doktor pakar daripada Sabah dan Sarawak kerana kita percaya lebih baik mereka pulang ke negeri asal mereka bagi memastikan sistem penyampaian kesihatan ini dapat dioptimumkan. Ini supaya pesakit-pesakit tidak perlu pergi ke hospital-hospital yang lebih besar. Saya faham Tuan Yang di-Pertua, daripada Lahad Datu ke Kota Kinabalu itu empat jam. Kalau naik kapal terbang, 35 minit. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalaulah kita ikut kategori hospital-hospital di negara kita, rakyat pun nampak kita akan buat perbezaan atas hospital juga. Kalau kita nampak macam ini, rakyat pun akan marah kenapa kita bezakan dia punya kategori?

Mungkin di bandar ada ramai pakar, di luar bandar kita tidak mahu ambil tahu. Isu-isu ini kita kata, kekurangan doktor pakar ini bukan isu hari ini, sudah lama. Saya di sini mahu bersuara kepada kementerian, apakah rancangan dan tindakan akan diambil

daripada Kementerian Kesihatan untuk menyelesaikan masalah isu yang sudah lama ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada sahabat saya Yang Berhormat Bintulu. Macam jawapan daripada Kementerian Pelajaran, isu-isu lama tetapi kita kena faham, ini adalah isu global, kekurangan pakar. *[Dewan riuh]* Kekurangan pakar dan persoalannya dia Yang Berhormat, isu lama tidak selesai.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan dia Yang Berhormat spesifik, iaitu Lahad Datu dan Kunak, sekarang jadi global pula. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Maksud saya...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Kekurangan pakar dan kekurangan doktor ini bukan hanya dihadapi oleh Malaysia. Itu maksud saya. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila seseorang Ahli Yang Berhormat menjawab, yang lain tolong senyap.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Macam gas, macam petroleum. Sebab itu, antara perkara yang menjadi isu kenapa kita berhadapan dengan masalah ini adalah pertama, dia punya taburan demografi dan epidemiologi.

■1050

Trend penyakit masa kini ia tidak sama dengan trend dahulu. Jadi, bila perkara ini berlaku umpamanya saya beri contoh, kalau dulu denggi hanya di bandar-bandar besar, denggi sekarang sudah sampai ke daerah dan dia bukan lagi penyakit bandar. Kita semua tahu bahawa dahulu masa kita merdeka 70% luar bandar, 30% bandar sekarang sudah bertukar.

Ekoran daripada itu, kita terpaksa melihat kembali jumlah-jumlah bidang kepakaran yang patut kita penuhi bagi memenuhi perubahan dan taburan demografi dan epidemiologi ini, sebab itu tahun ini kita dapat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bagi peruntukan tambahan daripada biasanya RM300 juta, sekarang jadi RM1 bilion untuk kita melatih bukan sahaja doktor dan doktor pakar, tetapi juga para saintis umpamanya kita perlu pakar pemakanan, kerana masalah sekarang orang lebih makan daripada kurang makan. Jadi, perkara-perkara ini akan terus menjadi isu selagi manusia ada, selagi penyakit ada, selagi Yang Berhormat ada. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, saya rasa ini adalah jawapan yang paling tidak profesional daripada Yang Berhormat Menteri. [*Dewan riuh*][*Tepuk*] Masalah ini adalah masalah yang paling meruncing...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Selalu ini macam. Persoalannya mahu selesai atau tidak.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, itu hak dia, cara dia untuk menjawab. Kalaupun ada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak puas hati itu adalah jawapan daripada menteri malahan kalau dia tidak mahu menjawab pun boleh.

7. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapakah kerajaan perlu membelanjakan RM108 juta untuk membina LCCT untuk AirAsia, sebuah syarikat swasta, sedangkan KLIA masih "*under utilized*" sehingga kini. Kenapa tiada Tender Terbuka diadakan sebelum memberikan projek pembinaan kepada Fajarbaru Builder Group Bhd. dan mengapa ada keperluan untuk membina satu lagi LCCT yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pengangkutan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kerajaan telah membuat keputusan untuk membina sebuah *Low Cost Carrier* Terminal ataupun LCCT pada tahun 2005 untuk menampung operasi syarikat penerbangan tambang murah ataupun *Low Cost Carrier*, dengan izin termasuk AirAsia berasaskan pertimbangan berikut:

- (i) keperluan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah atau LCC untuk mencapai masa *turnaround*, dengan izin yang singkat iaitu 20 minit yang sukar dicapai di Bangunan Terminal Utama KLIA;
- (ii) Operasi LCC tidak memerlukan pelbagai kemudahan yang disediakan di Bangunan Terminal Utama di KLIA untuk syarikat-syarikat penerbangan perkhidmatan penuh ataupun *full service carrier* seperti *aerobridges*, dengan izin *airlines lounges* dan sebagainya;
- (iii) mengatasi masalah kesesakan yang berlaku di Bangunan Terminal Utama KLIA semasa waktu sibuk khususnya pada waktu pagi di kaunter daftar masuk, balai berlepas serta tapak memakir;
- (iv) peningkatan operasi penerbangan tambang murah yang tinggi sejak AirAsia mula beroperasi dan kesedaran bahawa kadar

pertumbuhan kategori penerbangan ini akan terus meningkat pada tahun-tahun yang akan datang;

- (v) pemindahan operasi penerbangan tambang murah akan dapat melegakan Bangunan Terminal Utama KLIA dan rancangan serta pembinaan bangunan satelit kedua yang melibatkan kos pembinaan yang tinggi dapat ditunda selama tiga hingga lima tahun.

Untuk maklumat Yang Berhormat, LCCT di KLIA adalah untuk kegunaan semua syarikat penerbangan LCC dan bukan semata-mata untuk operasi AirAsia sahaja. Pada ketika ini, syarikat-syarikat penerbangan tambang murah yang lain seperti AirAsia X, AirAsia Thailand, dan AirAsia Indonesia serta Sibu Pacific dan Tiger Airways juga menggunakan kemudahan LCCT di KLIA.

Oleh sebab keperluan LCCT adalah begitu mendesak dan perlu dibina dalam masa yang singkat, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek ini secara rundingan terus kepada Fajarbaru Builder Group Bhd.

Mengenai soalan keperluan satu lagi LCCT baru pula, ingin saya maklumkan Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan untuk meningkatkan LCCT yang sedia ada untuk menampung keperluan trafik dari 10 ke 15 juta penumpang setahun. Projek ini adalah bertujuan untuk menampung kadar pertumbuhan yang tinggi bagi penerbangan LCC serta keperluan Air Asia X yang telah melancarkan penerbangan jarak jauh ke destinasi-destinasi antarabangsa menggunakan pesawat yang lebih besar iaitu A330. Adalah dijangkakan LCCT yang dipertingkatkan itu akan dapat menampung keperluan trafik sehingga tahun 2012 atau selewat-lewatnya 2015 tertakluk pada kadar pertumbuhan trafik tahunan.

Oleh sebab kawasan tanah yang terhad di LCCT, yang tidak membolehkan kemudahan ini dipertingkatkan bagi menampung jumlah trafik yang melebihi 15 juta penumpang setahun, kerajaan mempunyai rancangan jangka masa panjang untuk membina sebuah kompleks LCCT baru di satu tapak yang berlainan di KLIA. Apabila projek ini dilaksanakan kelak, LCCT yang sedia ada akan diubahsuai dan dijadikan sebuah kompleks kargo.

Untuk maklumat Yang Berhormat, reka bentuk LCCT sedia ada telah mengambil kira keperluan ini dan kerja-kerja pengubahsuaianya dapat dilaksanakan dengan kos yang munasabah. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengatakan pembinaan LCCT itu, salah satu hasratnya ialah untuk *turnaround* dalam masa yang singkat. Adakah Menteri

Pengangkutan sedar bahawa di LCCT, AirAsia *flight*nya sering *delay* bukannya 1 jam, bukannya 2 jam, kadang-kadang 20 jam, kadang-kadang 15 jam sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak?

Yang keduanya kenapakah perlu menjalankan *appointment* Fajarbaru Builder Group Bhd. ini melalui rundingan terus. Oleh kerana syarikat Fajarbaru ini adalah satu syarikat dengan izin, *investment holding and provision for management services*. Ia bukanlah satu syarikat yang ada pengalaman untuk membina *airport*, lapangan terbang dan ada dua syarikat di negara kita yang ada pengalaman membina *airport* iaitu Global Aviation dan juga satu lagi syarikat yang dimiliki oleh Tan Sri Ting Pek King, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa bekas Timbalan Menteri Pengangkutan ada seorang *middleman*nya yang bernama Lee Peng Seng menjalankan...

Beberapa Ahli: Soalan-soalan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Soalannya adalah, nantilah hendak tanya ini. *[Dewan riuh][Ketawa]* Tidak sabar ke? Takut ke hendak jaga Barisan Nasional ke?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong senyap. Tolong senyap.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Soalannya sudah tanya dah. Kita mahu Menteri Pengangkutan, hendak beri dia tahu latar belakangnya, sebab dia baru. Yang Berhormat masih baru. Ini Barisan Nasional dia selalu hendak tutup.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun baru Yang Berhormat, tetapi saya pandai. *[Dewan riuh]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, pun baru juga.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia orang banyak korek, banyak tutup-tutup. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tolong senyap, tolong senyap. Soalan Yang Berhormat soalan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang ketiga, soalan ketiga. Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak bahawa harga RM108 juta ini adalah amat tinggi untuk pembinaan di LCCT ini sekarang, di mana strukturnya adalah besi sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri, semua kita baru tetapi pandai menjalankan tugas. Sila, jawab, Yang Berhormat Wangsa Maju pun baru.

■1100

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat tunjuk minat dalam soal ini. Di sini terdapat tiga soalan dan baru atau tidak itu bukan soalnya. Yang penting saya hendak tegaskan bahawa apa yang dituduh ataupun didakwa tadi

oleh Yang Berhormat, saya hendak tegaskan bahawa kiranya ianya adalah sah dan sekiranya ia benar-benar satu penyelewengan, Yang Berhormat sememangnya berhak membawa kes begini ke muka pengadilan. Apa yang saya perlu buat di sini adalah saya kena berikan penjelasan ataupun apa yang saya tahu kepada Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat tadi, rupanya-rupanya Yang Berhormat sudah campur-aduk ataupun hubung-kaitkan soal *turn around time* dengan izin, ataupun masa *turn around* untuk LCC yang saya sebutkan tadi 20 minit. Itu biasanya dikenakan pada semua LCC bukan pada AirAsia semata-mata, tapi apa pula Yang Berhormat bangkitkan itu adalah kualiti khidmat khususnya kualiti khidmat AirAsia yang kononnya selalu lambat penerbangan.

Jadi di sini saya hendak tegaskan pada Yang Berhormat bila LCCT ini direka bentuk, ianya kena ikut kehendak LCC sejagat dunia dan bukannya mengikut kes keadaan masing-masing. Ini yang pertama.

Yang keduanya Yang Berhormat, menunjukkan minat pada Fajar Baru. Apa yang saya difahamkan, apa yang saya tahu dan apa yang saya teliti dokumen-dokumen yang ada pada saya, sesungguhnya projek berkenaan adalah satu projek yang agak mendesak dan tempoh penyerahannya atau pembinaannya itu pun ambil masa hanya sembilan bulan. Ini yang pertama. Yang Berhormat mempertikaikan tiada pengalamannya, sebab syarikat ini menurut Yang Berhormat tiada pengalaman dalam pembinaan terminal.

Suka saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, sesungguhnya kalau kita melihat secara dekat reka bentuk LCCT yang sedia ada ini pun, ianya lebih mirip kepada gudang ataupun gudang kargo. Itu pun tadi saya sebut dalam jawapan saya. Patutnya ia adalah *design* atau reka bentuk bagi gudang yang mengendalikan kargo, dan itu pun merupakan satu-satunya yang diambil kira dan dalam pembinaan gudang kargo yang saya sebutkan tadi itu, saya difahamkan bahawa Syarikat Fajar Baru sememangnya mempunyai pengalaman pada masa lepas dalam bidang ini. Ini yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga membangkitkan soal jumlah peruntukan RM108 juta. Yang Berhormat mempertikaikannya sebagai jumlah yang tinggi. Itu pun saya kira, ini bukanlah satu komen yang objektif, sebab biasanya kalau kita cakap sesuatu yang tinggi kenalah ada bandingannya. Banding dengan apa? Banding dengan LCCT di negara jiran pun ada juga asasnyanya. Misal kata saiznya, keluasannya dan juga spesifikasinya. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri kerana adalah jelas bahawa projek ini diluluskan sebelum Yang Berhormat Menteri

mempunyai jawatan di kementerian ini. Sama ada kalau projek ini mendesak pun, bolehkah tender rundingan diberikan, memandangkan bahawa mengikut atur cara kewangan untuk projek sebanyak RM108 juta ini, mestilah diberikan secara tender terbuka. Bukankah ini tidak mengikut *international benchmark*? Kalau pun dalam keadaan mendesak, tender terbuka pun boleh dijalankan secara mendesak.

Dalam keadaan sedemikian, apakah jaminan yang boleh diberikan sekiranya ada harga yang lebih rendah, sekiranya ada masa yang boleh dibuat dengan lebih pendek apakah jaminan yang boleh diberikan untuk memastikan kepentingan awam dipelihara kerana inilah satu lagi contoh di mana kroni kapitalisme dijalankan oleh Barisan Nasional...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...dan harap perkara ini akan dihentikan. Sekian.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan cuba hendak menghubungkaitkan soalan susulannya dengan kroni. Untuk makluman Yang Berhormat, saya tak bela kroni. Itu bukan amalan saya dan suka...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya sebut...

Datuk Ong Tee Keat: ...nanti Yang Berhormat. Saya akan jawab.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...menteri yang lepas. Saya tak kaitkan dengan menteri.

Datuk Ong Tee Keat: Saya akan jawab. Ini mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan sila duduk.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau menteri menjawab tolonglah jangan ganggu. Kan itu peraturan mesyuarat kita.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya tak buat tuduhan ke atas beliau. Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Saya cakap menteri yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap Peraturan Mesyuarat 35(1). Berdiri dahulu, lepas itu arah muka kepada Tuan Yang di-Pertua, lepas itu saya tengok muka Ahli Yang Berhormat, kalau saya kata sila cakap, barulah boleh cakap. Sila menteri kalau ada lagi.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, ada. Belum jawab lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila jawab.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu mukadimah sahaja dan untuk makluman Yang Berhormat Bagan dan Dewan yang mulia ini, tidak pernah menjadi amalan kita bagi setiap projek, khasnya projek yang besar di mana *direct negotiation* dengan izin, ataupun rundingan terus diadakan.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat untuk projek LCCT ini, yang sedia ada, walaupun fasa yang pertama yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Wangsa Maju itu sememangnya mengambil masa yang begitu singkat dan ianya terpaksa dikendalikan melalui *direct negotiation* dengan izin, ataupun rundingan terus tetapi fasa yang kedua, ia telah pun dipanggil tender terbuka seperti mana yang kita sedia maklum dan ianya memakan belanja sebanyak RM123 juta. Itu pun saya rasa ada bezanya, sebab fasa yang kedua tidak memerlukan masa yang singkat untuk menyiapkannya. Sekian.

8. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah untuk memudahkan prosedur pinjaman bank supaya dapat mengurangkan kegiatan Pinjaman Haram (Along).

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius kegiatan pinjaman haram atau Along yang bertapak akibat daripada sikap sebilangan anggota masyarakat, yang mengambil jalan pintas untuk mendapat sumber kewangan segera, dan menghadapi risiko dibebani hutang yang berlipat kali ganda sepanjang hayat.

Kerajaan sentiasa prihatin kepada golongan berpendapatan rendah serta pengusaha kecil dan sederhana, untuk mendapat kemudahan pinjaman bank. Sehubungan dengan itu, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Skim Pembiayaan Mikro yang mempunyai ciri-ciri mudah, cepat dan senang seperti berikut:

- (i) jumlah RM500 hingga RM50,000;
- (ii) tempoh pinjaman lima tahun;
- (iii) prosedur pinjaman yang mudah;
- (iv) dokumentasi yang minimum;
- (v) kelulusan yang cepat, paling cepat dua hari;
- (vi) tiada cagaran diperlukan; dan
- (vii) boleh didapati di banyak tempat seperti cawangan-cawangan dan pelbagai saluran pengedaran institusi kewangan serta rakan kongsi strategik mereka.

Skim ini dilaksanakan sejak tahun 2006, telah menunjukkan perkembangan yang positif. Pada masa ini terdapat tiga buah institusi kewangan pembangunan atau IKP yang menyalurkan pembiayaan mikro iaitu Bank Simpanan Nasional, Agro Bank dan Bank Kerjasama Rakyat.

Di samping itu, strategi juga diperkenalkan bagi menggalakkan institusi perbankan menawarkan pembiayaan mikro. Setakat ini enam buah institusi perbankan telah menyediakan skim ini iaitu Ambank, Public Bank, CIMB Bank, Alliance bank,

Alliance Rakan, United Overseas Bank Malaysia dan EON Cap Islamic Bank. Sehingga tahun 2007, sembilan institusi kewangan tersebut telah menyalurkan pembiayaan mikro kepada lebih 22,000 peminjam dengan pinjaman terkumpul sebanyak RM225 juta atau pembiayaan purata RM9,800.

Selain skim pembiayaan mikro institusi kewangan juga menyediakan kemudahan Ar-rahnu kepada pengusaha mikro dan individu untuk memastikan mereka mendapat akses yang mencukupi untuk membiayai keperluan mereka.

■ 1110

Di samping itu juga, bagi membantu peminjam-peminjam yang menghadapi masalah kewangan, Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Agensi Kaunseling Kredit dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, penyusunan semula pinjaman, kaunseling dan pendidikan kewangan kepada peminjam dan penjamin yang mengalami masalah untuk membayar balik pinjaman.

AKPK ini memberikan bantuan khidmat nasihat dalam penyusunan semula hutang berkaitan pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit dan pinjaman peribadi yang diperolehi daripada Institusi Kewangan di bawah pengawal seliaan Bank Negara Malaysia. Pada akhir tahun 2007, hampir 50,000 individu telah mendapatkan perkhidmatan AKPK.

Daripada jumlah ini, lebih 5,000 individu yang mempunyai hutang berjumlah RM478 juta telah menerima khidmat nasihat di bawah Program Pengurusan Hutang AKPK. Inisiatif dan langkah-langkah telah dinyatakan tersebut bertujuan memastikan individu dan pengusaha kecil dan sederhana mendapat kemudahan pembiayaan daripada sektor kewangan dan seterusnya dapat mengurangkan kegiatan pinjaman haram, Along.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun langkah-langkah wajar telah diambil untuk menyediakan akses yang mencukupi kepada kemudahan pembiayaan, aspek kesedaran perlu terus dipupuk di kalangan orang ramai supaya tidak berurusan dengan Along. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan program pendidikan pengguna yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dalam membuat keputusan berhubung dengan pengurusan kewangan mereka.

Di peringkat sekolah pula, program sekolah angkat telah dimulakan sejak tahun 1996 bertujuan untuk menyemai tabiat pengurusan kewangan yang bijak. Program ini juga turut diperluaskan pada audien sasaran yang lebih besar termasuk golongan wanita dan kumpulan pekerja bagi membantu keluarga dalam menguruskan pendapatan isi rumah, simpanan dan pelaburan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula, saya ingin mengalu-alukan kedatangan ADUN dari Negeri Perak termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak. [*Tepuk*]. Semua ada di sana.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, walaupun ada beberapa dasar yang telah dilancarkan oleh kerajaan untuk menolong orang-orang yang tersekat dengan Along, tapi yang saya rasa perkara yang mustahak yang mungkin tidak ditapis atau tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah bila bank-bank memberi pinjaman dengan alasan bahawa menolong pihak-pihak yang terikat atau terkena dalam hal-hal ini.

Yang mustahak adalah faedah yang dikenakan. Ramai di antara peminjam, Tuan Yang di-Pertua, tidak mengetahui. Saya sendiri, tahun dulu telah menerima satu cek RM5,000 dari Malayan Banking mengatakan boleh menggunakannya *interest free*. Jadi, saya tidak baca syarat-syarat lain di sana, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya kata *interest free that's good*.

Jadi, saya pun masukkan dalam akaun saya dan saya terpaksa membayar dengan bulanan ansuran tetapi *processing fee* nya, adalah lebih kurang RM800. Bermakna bunga, faedah adalah lebih kurang 18%. Saya rasa kalau saya boleh kena tangkap dalam perkara macam ini, saya rasa ada ramai di antara *ordinary citizen* yang akan juga tertangkap dalam perkara ini.

Jadi, apakah kawalan yang dibuat oleh kementerian supaya orang-orang yang biasa, *ordinary person* tidak tertangkap, tertipu oleh bank-bank dalam hal ini dan perkara susulan adalah fi-fi yang dikenakan oleh, saya difahamkan, mengeluarkan *cash* dengan *credit card* dikenakan fi-fi yang dikenakan oleh bank-bank, apakah kawalan atau polisi mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kes yang dialami Yang Berhormat Ipoh Barat adalah satu kes *isolated* yang menyebabkan beliau sendiri dan saya tidak tahu apakah syarat-syarat dan terma yang dikenakan atas Yang Berhormat. Saya ingin maklumkan bahawa di bawah Bank Negara kita memastikan bahawa prosedur bank serta pinjaman bank itu memudahkan digunakan oleh masyarakat.

Itu sebab kita ada dua agensi, satu agensi di mana kita boleh buat aduan jika kita sukar mendapat pinjaman melalui SME Link. Lagi satu, kita mempunyai agensi kredit yang saya katakan tadi, AKPK untuk melaporkan kita sebarang *irregularities* yang Yang Berhormat nyatakan tadi supaya diambil tindakan.

Dalam soal itu, tindakan-tindakan akan kita ambil tapi saya berani menyatakan bahawa pihak bank tidak memberi tekanan kepada individu terutama apabila kita bercakap dalam konteks mikro-kredit. Kita mempunyai pelbagai jenis pinjaman yang kita

bincangkan hari ini ialah mikro-kredit. Mikro-kredit ialah pinjaman yang cukup mudah yang diadakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tenggara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak ingatkan Tenggara, saya ingat Tuan Yang di-Pertua tak berapa hafal agaknya. Soalan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Banyak yang mahu dihafal Yang Berhormat. Baru...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Baru.

Tuan Yang di-Pertua: Maklumlah baru.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai sebenarnya jumlah peminjam yang telah meminjam daripada Along-Along ini, berapa ramai? Siapa sebenarnya yang bertanggungjawab untuk memantau peminjam-peminjam ini dan adakah Kementerian faham, apakah sebenarnya yang menyebabkan mereka lebih rela pinjam daripada Along daripada pinjam, daripada mendapatkan pinjaman daripada bank, selain daripada prosedur bank yang tidak *friendly*. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali di bawah Money Lenders Act 1951, isu pemberi pinjaman ini adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kedua, aktiviti Along adalah aktiviti yang tidak dilisen. Kalau kita cakap dalam konteks ekonomi, kita panggil *white economy* yang mempunyai lesen dan sebagainya, ini *black economy*.

Kita tidak mempunyai maklumat kerana dia *black economy*. Mengapa mereka pinjam? Tapi dari segi apa yang kerajaan lakukan, kerajaan sedar terdapat individu yang menjalankan perusahaan dari segi perniagaan yang memerlukan pinjaman. Jadi yang ini kerajaan telah adakan pinjaman mikro yang mana 22,000 orang telah mendapat manfaat daripadanya. Terima kasih.

9. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah sebab Kementerian masih membenarkan Grand Saga Sdn Bhd menutup jalan keluar/masuk Bandar Mahkota Cheras dan apakah langkah yang diambil untuk membantu penduduk-penduduk yang telah dinafikan hak laluan mereka.

Menteri Kerja Raya, [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Cheras, kerajaan amat prihatin dan simpati atas masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh penduduk di Bandar Mahkota Cheras dan untuk maklumat Yang Berhormat juga, Bandar Mahkota Cheras merupakan satu kawasan pembangunan pelbagai yang mempunyai rumah kediaman, pusat perniagaan dan kawasan industri.

Keseluruhan tapak pembangunan meliputi kawasan seluas lebih kurang 800 ekar. Dianggarkan terdapat kira-kira 37,500 penduduk yang tinggal di bandar ini dan di Bandar Sungai Long. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, jalan utama yang menyambung ke Bandar Mahkota Cheras adalah melalui Bandar Sungai Long yang terletak bersebelahan dengan Bandar Mahkota Cheras. Penduduk Bandar Mahkota Cheras enggan mengguna jalan utama ini kerana terpaksa membayar tol di Plaza Tol Batu 11.

Dengan penduduk yang ramai, ditambah pula dengan aktiviti-aktiviti perniagaan, di pusat perniagaan dan kawasan industri, maka kenderaan dan lori-lori industri yang mengguna persimpangan Sungai Long yang sedia ada telah mengalami kesesakan trafik. Kapasiti jalan susur ini tidak dapat menampung kenderaan yang begitu banyak. Oleh kerana kerajaan sedar dan faham permintaan penduduk untuk membuka jalan akses ini supaya mereka boleh mengguna jalan susur ini untuk ke Bandar Mahkota Cheras tanpa melalui jalan yang jauh.

Untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan telah berusaha dan telah mengadakan beberapa siri mesyuarat yang melibatkan semua pihak dan agensi kerajaan termasuklah pemaju Bandar Mahkota Cheras iaitu Narajaya Sdn Bhd dan syarikat konsesi Lebuhraya Cheras-Kajang iaitu Grand Saga Sdn. Bhd. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini masih belum mencapai satu persetujuan dan kerajaan bersedia untuk menjadi fasilitator dan akan terus berbincang dengan semua pihak yang terlibat bagi mencari jalan penyelesaian supaya kesulitan yang dihadapi oleh penduduk dapat diselesaikan secepat mungkin.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, secara latar belakangnya kerajaan telah memberi konsesi Lebuhraya Cheras – Kajang kepada Grand Saga dan perjanjian telah dimeterai pada 19 September 1995. Dalam konsesi tersebut, dinyatakan bahawa:

“Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan bayaran pampasan dibayar kepada syarikat konsesi sekiranya pembukaan akses ini yang akan melibatkan kebocoran trafik dan seterusnya menjejaskan hasil kutipan tol oleh pihak yang hendak membuka akses tersebut.”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak pemaju Narajaya Sdn. Bhd. pada 4 Oktober 2007 telah memfailkan suatu saman pemula di mahkamah terhadap pihak Grand Saga dan Lembaga Lebuhraya Malaysia mengenai pembukaan akses tersebut tanpa bayaran. Sehubungan dengan itu, kementerian tidak boleh pada masa sekarang mengambil sebarang tindakan sehingga perkara ini diputuskan oleh mahkamah. Sekiranya kementerian mengambil apa-apa tindakan, adalah dikhuatiri tindakan tersebut

adalah *sub judice* kerana boleh menjejaskan hak-hak pihak tertentu dalam tindakan tersebut. Maka sebarang tindakan yang akan diambil oleh kerajaan mestilah selepas memperoleh keputusan mahkamah. Usaha perbincangan untuk menyelesaikan masalah ini boleh diteruskan sekiranya Narajaya Sdn. Bhd. menarik balik saman pemula yang telah difailkan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jawapan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah tidak benar. Tidak jujur sekali bahawa kerajaan adalah kerajaan yang bersimpati dan prihatin kepada rakyat mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penutupan jalan keluar masuk Bandar Mahkota Cheras yang telah ditutup sejak dua tahun yang lalu adalah jalan tunggal yang dibina dan dimiliki oleh penduduk-penduduk tempatan. Penutupan jalan ini adalah merupakan satu penyalahgunaan kuasa yang terlampau dan keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, sebelum ada orang bising.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Soalan akan sampai sedikit lagi. Perkara ini Tuan Yang di-Pertua jelas membuktikan Kerajaan Barisan Nasional tidak mempelajari kekalahan pilihan raya yang dialaminya baru-baru ini. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Soalan saya ialah, mengapakah kerajaan yang sepatutnya berkhidmat kepada rakyat tetapi sebaliknya memihak berat sebelah dan membantu syarikat kroni Barisan Nasional untuk menutup jalan dengan matlamat muktamadnya mengenakan tol di depan rumah penduduk-penduduk Bandar Mahkota Cheras. Ini satu dasar yang keterlaluan, tak payah sampai ke mahkamah untuk memastikan siapa yang harus dipertanggungjawabkan pembinaan pengadang haram. Itu adalah tanah Kerajaan Negeri Selangor dan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tiga hari yang lalu satu surat pengesahan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan bertarikh 9 Mei yang berkata di sini bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, soalan tadi itu berangkai-rangkai sudah, lebih panjang daripada soalan asal.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya, Yang Berhormat Menteri tidak faham, tidak mengetahui mengenai perkara ini. Kedudukan tembok pengadang konkrit adalah terletak di luar ROW, *right of way*. Lebuhraya Grand Saga berada di atas tanah simpanan jalan ke bandar Bukit Mahkota Cheras yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ini terbukti apa yang telah dibuat oleh kerajaan membantu syarikat *concession* Lebuhraya Kajang – Cheras itu untuk membina pengadang konkrit haram yang tidak sah dan secara haram. Kerajaan telah bertindak salah dan saya rasa sangat kesal, adakah Yang Berhormat Menteri juga?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat. Dua sudah soalan tadi itu.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Perkara ini penting kerana pihak Kementerian Kerja Raya telah membantu Grand Saga untuk memanggil polis dengan bilangan ratusan anggota polis bertindak ganas dan keras...

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, suruh jawab sahajalah, cukuplah itu!

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Terhadap penduduk-penduduk yang berhimpun secara aman termasuk pukulan kepada Ahli Yang Berhormat Segambut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Cheras. Itu bukan soalan, itu kenyataan, *statement*.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Dengan semburan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dia langgar peraturan!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *Pepper spray*. Apa yang dialami oleh bekas perdana menteri juga berlaku ke atas Yang Berhormat Segambut.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat Cheras, menteri sila jawab. Cukuplah itu, panjang sudah, nanti menteri bingung tidak boleh jawab. Sila Yang Berhormat Menteri jawab.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sangat serius Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu tapi soalan itu tidak dibenarkan oleh peraturan mesyuarat, terlampau panjang, itu bukan soalan. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Cheras, cukuplah, cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat Cheras, *message taken*. Sila menteri menjawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Cheras ini sebenarnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Halus sahaja Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, Yang Berhormat Cheras ini faham latar belakang masalah ini dan buat tuduhan kepada kerajaan, saya ingat satu pertuduhan yang tidak bertanggungjawab. Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat bahawasanya saya sebagai yang bertanggungjawab untuk memastikan kerajaan yang tadi Yang Berhormat sebut, dia dah *draw the line* dah, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawasanya dalam perjanjian konsesi dengan

Grand Saga ini, kita mesti memutuskan bahawasanya tidak ada berlaku kebocoran terhadap trafik. Jikalau ada berlaku kebocoran, maka tanggungan adalah kepada kerajaan tetapi kalau Yang Berhormat kata bahawa ini keputusan kerajaan negeri, dia bukan dalam ROW kepada Kerajaan Persekutuan dan pengadang ini boleh dibuka dan kalau Yang Berhormat dengan Yang Berhormat Ronnie Liu hendak bagi *indemnity* kepada Kerajaan Persekutuan iaitu menanggung kerugian, kita sedia boleh berbincang, tidak ada masalah.

Soalnya *I have to protect the interest of the government here* dan bila saya beritahu bahawa status quo dengan izin Tuan Yang di-Pertua tidak bertukar. Saya beritahu Yang Berhormat, Lebuhraya Utara-Selatan, kalau pagar dia bocor, sekarang ini siapa punya tanggungjawab hendak bina balik pagar tersebut? Adakah kerajaan ataupun Lebuhraya Persekutuan? Begitu juga dengan Grand Saga, kalau temboknya dirobohkan oleh pihak ketiga, tentulah Grand Saga punya tanggungjawab hendak bina tembok ini tetapi status quo dia *maintain*. Ini bukan soal bagi laluan ataupun tidak bagi laluan, ini soal siapa yang hendak menanggung kerugian. Yang Berhormat Ronnie Liu yang saya terima makluman pada 18 hari bulan 2008, di dalam mesyuarat di Majlis Perbandaran Kajang, mengarahkan pengadang dirobohkan sedangkan perkara ini masih lagi di dalam pertimbangan mahkamah.

Jadi perkara-perkara yang macam ini, saya fikir Grand Saga juga adalah satu syarikat yang ada kepentingan perniagaan yang melibatkan juga rakyat negeri Selangor. *Seriously* Yang Berhormat, *you are sending the wrong message to the business community*. Kita bercakap tentang *rule of law*. [*Dewan tepuk*]

Kalau kita bersedia untuk mempertahankan *rule of law*, dengan izin *let the court decide* tetapi kalau Yang Berhormat hendak bantu saya, saya pun boleh juga duduk berunding. Namun kalau depan cakap lain, belakang buat lain, payahlah Yang Berhormat. Sekian, terima kasih. [*Dewan tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Krai?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, yang pakai *tie* merah ini. Minta maaf belum hafal lagi muka-muka.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, saya mangsa, beri sayalah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan kepada Yang Berhormat Menteri. Isunya di sini pengadang itu dibuat di atas suatu jalan yang dulunya memang ada jalan lama. Kalau berbanding dengan Lebuhraya Utara – Selatan, kebocoran itu berlaku, itu memang betul masalah laku kerana jalan ini jalan baru yang ada di dalam perjanjian. Yang ini jalan lama yang dibina, orang dah

keluar masuk tiba-tiba dibina pengadang. Persoalannya macam mana satu perjanjian dibuat sehingga menganiaya orang-orang yang ada di situ hanya untuk kepentingan suatu syarikat perniagaan. [*Dewan tepuk*]

Kita memahami tentang *sanctity of contract* ya Yang Berhormat Rembau tetapi kalau penduduk terhalang daripada hari-hari biasa, *one fine morning* dengan izin jalan tertutup.

■1130

Ini tidak betul. Dan kita dah bantah. Kita pun dah pernah kena tangkap kerana isu ini. Jadi soalnya, apakah kementerian, ataupun menteri menyedari bahawa ini adalah suatu jalan yang lama, yang dibina atas lebuhraya baru, dibina atas jalan lama dan menghakis hak penduduk asal untuk menggunakan jalan lama dan terpaksa membayar banyak. Jadi macam mana tentang keprihatinan kerajaan terhadap keselamatan rakyat.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Maklumat Yang Berhormat tu tak berapa tepat untuk latar belakangnya. 10 Disember 1994, pihak Narajaya memohon bagi cadangan jalan sambung ke Jalan Cheras telah mendapat kelulusan tiada halangan dengan syarat dari Jabatan Kerja Raya. Lepas tu 30 Ogos 1995, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah memberi kelulusan pelan pembangunan kepada Narajaya.

That is total development but 19 September 1995, perjanjian konsesi Lebuhraya Cheras-Kajang ditandatangani. 13 Mei 1996, pihak Narajaya mengemukakan permohonan untuk jalan keluar masuk dari Bandar Mahkota Cheras ke lebuhraya Cheras-Kajang. 21 April 1999, LLM memberi kelulusan bersyarat kepada Narajaya. *It is condition*, ada *condition* dia Yang Berhormat. 10 Mei 2005, tembok pengadang dibina oleh Grand Saga bagi menghalang laluan sambungan. Yang kita terikat dengan perjanjian konsesi. *But* dalam 4 Oktober 2007, Narajaya mengemukakan saman pemula kepada pihak Grand Saga dan LLM.

Yang sini saya nak kena bagi faham Yang Berhormat bukan kita yang *institute the legal proceeding but the* Narajaya yang buat penduduk ini terperangkap dan kalau Yang Berhormat main sentimen perasaan dengan tidak melihat fakta, *I think we have to protect those parties*. Bukan saya nak mempertahankan mana-mana pihak *but we have to go back, what is the original document* dalam perjanjian kita.

Pada 18 April 2008, yang saya nak sebut ini. Mesyuarat di Majlis Perbandaran Kajang, *Exco* Yang Berhormat Ronnie Liu mengarahkan pengadang dirobohkan. *You see?* 21 April 2008, tembok pengadang dirobohkan oleh penduduk. Sama ada secara *legal* tak *illegal* then *let the enforcement agency determine*. Jadi tuduhan nak mengatakan kita pula mengarahkan pihak Grand Saga dengan minta bantuan polis, itu

satu fitnah Yang Berhormat. Tak betul ya. Saya tak pernah pun mengeluarkan arahan tersebut. Itu hubaya-hubaya dan andaian Yang Berhormat. Tembok pengadang dirobohkan penduduk dan 7 Mei 2008, pengadang dibina semula oleh Grand Saga dan dirobohkan semula setengah jam selepas itu oleh penduduk.

Jadi Yang Berhormat, saya mohon sangat supaya kita juga bertanggungjawab untuk memberikan penerangan yang betul kepada penduduk. Saya pun sedang berusaha untuk memberikan bantuan supaya kita akan dapat mencari jalan penyelesaian dan menjaga kepentingan semua pihak. Memang saya sebut bahawa kerajaan kita amat prihatin kepada masalah rakyat. Jadi, *I think* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *to discharge our responsibility here with responsibility and accountability*. Sekian terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang jam menunjukkan 11.33 pagi. Sesi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan selesai. Sila setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 18(1)

DESAK KERAJAAN JUNTA MYANMAR TANGGUH
RANCANGAN PUNGUTAN SUARA PERLEMBAGAAN

11.34 pg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan satu usul merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 18(1) dan kurungan satu dan dua, dengan ini saya ingin mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan. Saya, Wan Azizah Wan Ismail, Permatang Pauh, mohon mencadangkan bahawa setelah mengamati bencana Taufan Nargis, yang menimpa Myanmar mengakibatkan lebih 20,000 nyawa. Saya difahamkan sekarang ini, dekat 100,000 nyawa terkorban, maka Dewan Rakyat menggesa Kerajaan Malaysia mengambil daya usaha mendesak Kerajaan Junta Myanmar supaya menangguhkan rancangan mengadakan pungutan suara perlembagaan yang dijadualkan pada 10 Mei 2008 yang baru saja lepas bagi memberi ruang kepada bantuan-bantuan kemanusiaan dibuat oleh agensi-agensi bantuan atas pertimbangan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal pagi Sabtu, 3 Mei 2008, negara Myanmar dilanda bencana Taufan Nargis yang mengakibatkan malapetaka kematian lebih 20,000 orang. Sekarang ini difahamkan 100,000 orang dan puluhan ribu lagi dilaporkan hilang. Berikutan itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sedang dalam proses menguruskan bantuan kemanusiaan dan usaha penyelamatan di Myanmar. Di sebalik persetujuan Kerajaan Junta Tentera Myanmar membuka pintu kepada agensi-agensi bantuan antarabangsa untuk menjalankan usaha-usaha bantuan dan penyelamatan, Yangon mengumumkan bahawa ia akan meneruskan pungutan suara perlembagaan yang dijadualkan pada 10 Mei 2008.

Bersama dengan rakan-rakan sejawat dalam Jawatankuasa Caucus Parlimen Malaysia untuk demokrasi Burma, saya ingin meminta Kerajaan Malaysia menggunakan pengaruh diplomatik dan politik ke atas Kerajaan Myanmar supaya menggesa mereka menangguhkan pungutan suara tersebut. Bagi sebuah negara yang baru sahaja dilanda bencana alam dan kesan yang begitu teruk, sehingga puluhan ribu terbunuh, hilang dan sedang menderita kehilangan sanak saudara dan kemusnahan tempat kediaman, pastinya ia sangat lagi tidak munasabah. Menurut amalan dan etika bagi Myanmar meneruskan suatu proses yang bakal menentukan masa depan politik negara tersebut di dalam keadaan di mana menurut laporan lebih 20,000 pada hari itu, sekarang ini dijangka 100,000 orang terbunuh. Lebih 40,000 lagi dikhuatiri hilang dan lebih 90,000 orang kehilangan tempat kediaman. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini meningkat ke 1 juta orang mungkin kehilangan nyawa.

Selain daripada itu, saya ingin menarik perhatian bahawa proses pungutan suara tersebut menerima bantahan hebat daripada masyarakat antarabangsa termasuk kerajaan-kerajaan, PBB dan badan-badan hak asasi antarabangsa yang mengkritik pungutan suara itu sebagai tidak adil dan berat sebelah. Keputusan proses pungutan suara itu nanti akan memberi kesan kepada rantau ini kerana sebarang pemaksaan atau manipulasi dalam pengundian bagi menyokong pungutan suara tersebut, akan hanya menyebabkan ketegangan berterusan dalam negara Myanmar. Keadaan demikian tentunya membawa kesan yang menimpa negara-negara jirannya termasuk Malaysia.

Maka dengan itu, saya menyeru Kerajaan Malaysia agar peka dengan dakwaan-dakwaan tersebut dan menggesa kerajaan Myanmar menangguhkan pungutan suara tersebut berikutan dengan bencana yang sedang melanda negara tersebut. Di samping kebimbangan berlakunya manipulasi terhadap proses pungutan suara perlembagaan Myanmar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), daripada Ahli Yang Berhormat

kawasan Permatang Pauh pada hari Rabu, 7 Mei 2008. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, ia adalah kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan. Pungutan suara ini merupakan isu dalaman Kerajaan Myanmar dan Malaysia tidak harus mencampuri urusan dalaman negara tersebut. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). Terima kasih.

■1140

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Kedua Belas”. **[8 Mei 2008]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat bagi Rembau. Saya difahamkan Yang Berhormat bagi Rembau berdiri pada hari Khamis yang lalu.

11.40 pg.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bismillahi rahmani rahim, Tuan Yang di-Pertua, saya tampil untuk turut serta membahaskan usul Menjunjung Kasih Ke bawah Duli Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah Tuanku di dalam Dewan ini.

Izinkan saya juga bermula dengan merakamkan ucapan takziah dan rasa simpati rakyat Rembau kepada rakyat negara Myanmar atas malapetaka taufan yang mengorbankan 100,000 nyawa di negara jiran kita itu. Saya harap bantuan dari masyarakat antarabangsa akan sampai terus kepada rakyat Myanmar tanpa sekatan untuk mengelakkan krisis yang lebih besar berlaku.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif kerajaan untuk menilai semula serta mengambil langkah-langkah untuk memperkasakan beberapa institusi pemerintahan dan pentadbiran adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengukuhkan lagi lunas-lunas demokrasi, ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam sistem politik negara. Iltizam politik yang ditunjukkan oleh kerajaan untuk membawa perubahan yang dituntut oleh rakyat adalah bukti komitmen Barisan Nasional kepada prinsip-prinsip tersebut secara hakiki dan bukan hanya sekadar retorik politik.

Mendahului senarai cadangan penstrukturan semula Badan Pencegah Rasuah dan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim disambut baik oleh rakyat di Rembau. Ini kerana mereka seperti juga rakyat Malaysia yang lain ingin melihat gejala rasuah dibasmi secara menyeluruh dan memastikan setiap rakyat mendapat hak dan diberikan keadilan yang mutlak di mahkamah. Rakyat umum menyifatkan langkah penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim sebagai satu cadangan yang amat berani dalam mengembalikan maruah, martabat, dan kebebasan institusi kehakiman yang dianggap tercemar dan tercalar kredibilitinya sejak berlaku krisis kehakiman pada tahun 1988.

Suruhanjaya ini yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus memastikan bahawa proses penilaian dan penapisan pelantikan dan juga kenaikan pangkat hakim dijalankan dengan telus dan beramanah; tanpa adanya sebarang usaha untuk mempengaruhi mana-mana pihak yang terlibat. Dengan cara ini rakyat akan lebih yakin bahawa hanya individu yang terbaik dari segi ilmu undang-undang dan integriti akan menganggotai badan kehakiman negara.

Namun begitu, saya percaya penubuhan suruhanjaya ini tidak menghakis prerogatif Perdana Menteri. Selaras dengan contoh daripada negara-negara lain, cabang eksekutif kerajaan perlu mempunyai hak budi bicara untuk menimbang cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh suruhanjaya tersebut.

Pada masa yang sama suruhanjaya ini sama sekali tidak akan menghakis kedaulatan institusi Raja kerana nama-nama calon hakim baru dan mereka yang dinaikkan pangkat tetap memerlukan perkenan Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Harapan yang menggunung juga diletakkan oleh rakyat agar komposisi keanggotaan suruhanjaya ini

merangkumi mereka yang arif dan dalam ilmunya berpengalaman, dan berintegriti tinggi seperti bekas hakim-hakim, cendekiawan undang-undang dan wakil dari profesion guaman selain ketua hakim dan hakim-hakim kanan yang masih berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, penstrukturan semula Badan Pencegah Rasuah dengan menjadikannya sebuah suruhanjaya bebas yang dikenali sebagai Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia dan penggubalan Akta Perlindungan bagi *whistle blowers* dengan izin, juga merupakan langkah-langkah yang berani dalam menunaikan janji kepada rakyat. Saya ingin mencadangkan supaya suruhanjaya ini diberikan lebih kuasa, terutamanya kuasa pendakwaan. Pelaksanaan cadangan ini akan memberi pengkhususan kepada suruhanjaya tersebut...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kota Raja minta laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membenarkan, saya tidak memberikan laluan. Saya ikut contoh Yang Berhormat bagi Pasir Mas kerana masa suntuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat dia tidak bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Akta *Whistle Blowers* tidak akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Boleh minta penjelasan kemudian daripada menteri. Pelaksanaan cadangan ini akan memberikan pengkhususan kepada suruhanjaya tersebut dalam pendakwaan kes-kes rasuah dan boleh meringankan beban Kamar Peguam Negara yang berhadapan dengan banyak kes tertangguh.

Pada masa yang sama saya juga berharap agar kerajaan akan meneruskan usaha untuk mencegah rasuah dengan penggunaan teknologi moden. Teknologi sebegini dapat memastikan bahawa wang rakyat yang dibelanjakan memperoleh nilai yang terbaik. Contohnya kerajaan boleh menggunakan teknologi maklumat untuk mengurangkan kos perolehan dan menyalurkan penjimatan tersebut kepada projek-projek pembangunan.

Sistem yang dikenali sebagai e-Perolehan atau *e-Procurement* mampu menjamin harga barang yang dijual kepada kerajaan adalah pada harga yang berpatutan. Sistem ini telah berjaya mengurangkan kos di syarikat-syarikat gergasi dunia sehingga 25%. Satu lagi contoh yang ingin saya utarakan ialah pelaksanaan sistem *track and trace* dalam kerajaan. Sistem *track and trace* yang lazimnya digunakan oleh perkhidmatan pos membolehkan pengguna menyemak status fail mereka, nombor telefon, alamat e-mel pegawai yang sedang memproses fail tersebut. Melalui pelaksanaan sistem ini, rakyat

akan menjimatkan banyak masa kerana status permohonan mereka boleh didapati secara *real time* dengan izin.

Saya juga mencadangkan agar tempoh masa atau *date line* juga dapat diberikan untuk permohonan-permohonan tertentu agar rakyat yang berurusan dengan kerajaan tahu bila kes mereka akan diselesaikan. Ini akan meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah apabila permohonan daripada rakyat tersengut-sengut pergerakannya atau langsung tidak bergerak lantaran tidak ada pelincir.

Tuan Yang di-Pertua, media masa yang terbuka bertanggungjawab dan berkredibiliti merupakan tunggak penting sistem pemerintahan yang demokratik. Oleh itu, satu langkah bersepadu hendaklah diambil untuk memperkukuhkan media massa tempatan. Tidak kira sama ada media cetak, elektronik atau internet agar kredibiliti semua jenis media akan ditingkatkan lagi.

Kerajaan telah membuktikan keprihatinannya dengan memberikan ruang untuk media massa menyuarakan pendapat mereka tentang pelbagai isu semasa. Sudah tiba masanya bagi ruang ini diperkukuhkan lagi secara formal dengan satu reformasi menyeluruh yang boleh menjamin media yang terbuka dan bertanggungjawab. Menyedari akan hakikat bahawa isu-isu berhubung kaum dan agama adalah sensitif, perubahan ini perlulah dijana dengan halus dan teliti dengan objektif yang nyata iaitu menjadikan media satu institusi yang berkredibiliti tinggi dan berwibawa.

Saya menyambut baik cadangan Menteri Dalam Negeri untuk mengkaji semula keperluan untuk memperbaharui lesen tahunan bagi media cetak. Ini secara tidak langsung akan menghapuskan sekatan birokratik yang mengekang kebebasan mereka.

Pada masa yang sama, para wartawan baru termasuklah wartawan blog dan laman berita internet perlu juga membina keupayaan mereka dengan menjalani latihan profesional seperti mana yang dilakukan oleh wartawan baru media arus perdana. Ini akan mendedahkan mereka kepada perkara-perkara asas kewartawanan seperti kewartawanan yang beretika dan undang-undang mengenai penyebaran fitnah dan palsu bagi melahirkan wartawan yang bertanggungjawab.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Maaf Yang Berhormat bagi Batu Pahat, saya perlu berlaku adil kepada semua pihak, sila duduk.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apabila industri media mempunyai keupayaan yang lebih tinggi dari aspek profesionalisme yang turut melambangkan sikap bertanggungjawab, maka peranan penyeliaan media itu boleh diserahkan oleh kerajaan kepada badan yang bebas. Model suruhanjaya aduan media yang wujud di beberapa negara boleh memastikan bahawa laporan yang adil dan beretika dan mencegah sebarang berita yang menghasut, menghina atau menimbulkan kemarahan pelbagai pihak.

Jika mekanisme ini boleh diwujudkan dan penyeliaan media boleh dibuat tanpa menggugat keharmonian dan keselamatan awam dan jika industri media serius untuk membina keupayaan dan kemahiran mereka demi kewartawanan yang beretika, adil dan bertanggungjawab, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan boleh dimansuhkan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Minta maaf Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ada banyak lagi Yang Berhormat bagi Batu Pahat, sila duduk. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua pihak bersetuju bahawa matlamat kerajaan dalam memberikan subsidi adalah untuk mengurangkan beban rakyat yang kurang berkemampuan serta memangkin pertumbuhan sektor strategik negara. Kerajaan membayar pelbagai subsidi dengan jumlah yang amat besar; di mana untuk tahun 2007 sahaja ia menjangkau lebih RM33 bilion.

Sememangnya peruntukan subsidi adalah lebih wajar dimanfaatkan untuk sektor-sektor strategik dan golongan berpendapatan rendah. Sebagai contoh sektor pertanian di mana-mana negara mendapat subsidi yang tinggi kerana dianggap sektor yang penting. Di Malaysia subsidi untuk sektor pertanian, walaupun menelan belanja yang besar wajar diteruskan memandangkan dasar keselamatan makanan atau *food security* menjadi antara keutamaan kerajaan.

■1150

Pada masa yang sama sistem subsidi negara perlu dikaji semula dan dirombak kerana matlamat mungkin tidak menepati sasaran. Sebagai contoh, subsidi untuk petrol diberi kepada semua tanpa mengira kemampuan.

Siapa sahaja yang mengisi petrol di Malaysia dengan apa jua jenis kenderaan mendapat kadar subsidi yang sama. Sistem ini tidak selaras dengan keadilan ekonomi atau *economic justice*, di mana bantuan sepatutnya diberi kepada rakyat yang tidak berkemampuan.

Adalah sesuatu yang amat tidak adil jika rakyat yang membawa kereta yang mahal dan berkuasa tinggi mendapat kadar subsidi yang sama dengan mereka yang membawa kenderaan yang lebih sederhana. Malah sebenarnya, pemilik kereta besar mendapat subsidi yang lebih kerana keperluan petrol mereka pastinya jauh lebih tinggi daripada mereka yang memiliki kenderaan berkuasa rendah dan sederhana, yakni sasaran sebenar sistem subsidi.

Ketidakadilan ini perlu diperbetulkan segera. Salah satu cara yang pastinya memerlukan penelitian daripada segi pelaksanaannya adalah untuk memperkenalkan sistem kuota bagi setiap pemilik kenderaan menikmati petrol bersubsidi sepenuhnya tiap-tiap bulan.

Pengguna yang melebihi kuota tersebut akan membayar harga yang lebih tinggi mengikut kadar progresif yang ditetapkan. Pemilik kereta dan motosikal berkuasa rendah juga boleh diberi kuota yang lebih atas falsafah bantuan secara progresif yang tidak mampu dibantu lebih daripada yang mampu.

Perubahan ini boleh membawa penjimatan besar kepada kerajaan yang boleh diguna untuk pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar, terutamanya di Sarawak dan Sabah. Kerajaan juga perlu segerakan pembangunan enjin hibrid yang menjimatkan penggunaan petrol melalui Program Pembangunan Enjin Campro di bawah Petronas.

Sementara itu kerajaan perlu kaji pelepasan penuh duti import dan eksais bagi kereta asing dan kuasa hibrid tersebut kerana lebih jimat petrol dan mesra alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, isu harga minyak bukan hanya merupakan isu ekonomi tetapi turut dibahaskan dari sudut politik. Sentimen rakyat mudah sekali dibakar dengan janji manis dan sejarah yang diputar belit.

Semasa Pilihan Raya Umum, pembangkang telah memancing undi dengan janji untuk menurunkan harga minyak. Penasihat PKR dengan bangganya mengingatkan rakyat semasa beliau menjadi Menteri Kewangan selama lapan tahun, tidak pernah ada peningkatan harga petrol.

Pandailah konon, memang dasar lidah bercabang, dia lupa hendak bagi tahu semasa beliau menjadi Menteri Kewangan harga minyak...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Machang bangun Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ada pertuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Machang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk, tidak mengapa. Kita boleh berdebat di luar. Sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Belum habis lagi. Sila duduk.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Parlimen tempat bahas. Parlimen tempat bahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Bharu]: Berani tuduh orang sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kita lima tahun lagi. Banyak lagi. *You* boleh jawab, Yang Berhormat boleh jawab dalam ucapan nanti.

Dia lupa hendak bagi tahu semasa beliau menjadi Menteri Kewangan, harga minyak mentah di pasaran dunia hanya di antara USD12 dan USD26 satu tong. Hari ini pasaran dunia sudah melepasi USD120 satu tong. Apa yang susah sangat pada zaman beliau, harga minyak dunia amat rendah. Janganlah hendak mendabik dada walhal sebenarnya menipu rakyat. *[Tepuk]*

Bagi saya, pencapaian kerajaan yang berjaya mengekalkan harga petrol pada tahap di antara yang paling rendah di Asian dalam keadaan harga pasaran dunia yang tidak pernah terjangka ini, merupakan pencapaian yang jauh lebih membanggakan daripada apa yang Penasihat PKR mampu buat semasa harga minyak dunia begitu rendah. Itu belum cerita lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Gelugor hendak minta jalan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Minta maaf Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk. Sedikit lagi nanti saya beri laluan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.* Boleh duduk! Duduk!

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya belum cerita lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *point of order* yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order* yang ke-36. Ada di dalam. Duduk dulu, duduk. *[Ketawa]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Duduk]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu bagus. Bolehkah seorang Ahli Yang Berhormat baca ucapan dia dalam Dewan yang mulia ini? Ini bukan satu *reading lesson*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tiada *point* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dia baca...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ketua Pembangkang pun baca Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya mohon diteruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan, teruskan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu belum saya cerita lagi tentang kegagalan beliau menangani krisis kewangan tahun 1997.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat keputusan? Bolehkah dia baca?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *point of order* yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia selalu mengacau *floor* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 36, yang mana satu Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya terus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebagai seorang Ahli Dewan yang datang daripada generasi muda, saya juga ingin menyentuh tentang kedudukan rizab minyak negara yang dikatakan akan habis dalam 10 tahun dan dalam masa dua tahun lagi Malaysia akan menjadi *depth importer of oil*, dengan izin.

Bercakap tentang hal ini, saya masih tidak faham dengan cadangan pembangkang untuk mengguna sebahagian daripada keuntungan Petronas untuk menurunkan harga minyak.

Mengikut penyata kewangan Petronas pada tahun 2007, kerajaan mendapat RM48.3 bilion dalam bentuk cukai, dividen dan royalti daripadanya. Jumlah ini merupakan 66.2% dari keuntungan kasar Petronas.

Wang ini masuk terus sebagai bajet pembangunan kerajaan yang membiayai pelbagai projek pembangunan. Baki daripada keuntungan tersebut antaranya diguna

untuk operasi cari gali di negara-negara asing untuk mendapatkan rizab baru. Adakah salah bagi Petronas untuk menjaga masa depan negara dengan memastikan bahawa apabila rizab tempatan sudah habis, apabila telah kering telaga minyak negara, kita sekurang-kurangnya masih boleh berkongsi sedikit manfaat dari rizab asing yang digali oleh Petronas.

Takkan kita begitu dangkal dan cetek pemikiran tidak langsung memikir dan menghiraukan *legacy* kita kepada generasi akan datang. Saya rasa demi ketelusan untuk membuktikan bahawa kerajaan dan Petronas tidak menyembunyikan apa-apa daripada rakyat, satu taklimat khas perlu diadakan di Parlimen di mana penyata kewangan lengkap dibentangkan agar kedudukan kewangan serta saluran keuntungan Petronas dapat difahami dengan jelas oleh semua wakil rakyat. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping bangun Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk Yang Berhormat Taiping. Tidak faham bahasa ke? Saya kata tidak bagi laluan. Nanti saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tapi aktanya kata ini memang... ini saya beli kamus *you* boleh faham. *[Menunjukkan sebuah kamus]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapa, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]: Ini tidak ikut perjalanan. Sudah ada undang-undang ikut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, dia tidak bagi.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk. Rakyat Rembau resah mendengar berita yang tersebar luas berhubung krisis ini, di Mesir dua orang terbunuh kerana berebut sekeping roti.

Rusuhan yang berpunca daripada makanan terjadi di banyak negara seperti Burkina Faso dan Cameroon. Menurut satu kajian yang dilakukan oleh Kuwait Finance House, harga makanan sedunia telah meningkat sebanyak 83% dalam tempoh 3 tahun terakhir ini.

Malaysia amat bertuah kerana walaupun krisis makanan melanda seluruh dunia, rakyat kita masih mampu untuk membeli barangan makanan walaupun mungkin tidak semewah dahulu.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana begitu berpandangan jauh dengan usaha untuk memodenkan sektor pertanian beberapa tahun yang lepas sebelum krisis makanan ini terjadi.

Keputusan kerajaan untuk melaksanakan dasar berteraskan pertanian ini terbukti keberkesannya. Merujuk kepada Laporan Bank Dunia, World Development Report 2008 "Agriculture For Development", pakar-pakar ekonomi dunia mengakui pertanian sebagai satu kaedah penting dalam membasmi kemiskinan dan menyediakan pembangunan yang mapan.

Namun begitu, rakyat mahukan kepastian dari kerajaan sama ada negara kita bersedia untuk menghadapi kemelut yang belum pernah dihadapi ini. Pada saat dan ketika ini, tahap sara diri komoditi makanan *self sufficiency* masih belum berada pada keadaan yang memuaskan. Sebagai contoh mengikut data 2007 peratusan sara diri beras hanya pada 72%, sayur-sayuran 89%, daging lembu 25% dan daging kambing 9%.

Ini bermakna kerajaan masih lagi perlu bergantung kepada import barangan makanan dari luar untuk menampung keperluan makanan negara. Hanya daging ayam dan daging khinzir yang melepasi kadar 100% tahap sara diri, itu pun tidak cukup bagi satu kerajaan negeri yang telah meletakkan keutamaan nombor satu pentadbirannya kelulusan Projek Khinzir Raksasa atau singkatannya PKR. [Tepuk]

Dalam memerangi krisis makanan ini, langkah kerajaan untuk memperuntukkan lebih banyak dana untuk membuka kawasan-kawasan penanaman padi baru amat dialu-alukan. Namun pembukaan kawasan-kawasan baru ini perlu juga disusuli dengan peningkatan hasil.

Kadar purata hasil pada negara berada pada tahap 35.5 tan sehektar, namun tanah Malaysia yang subur ini terbukti mampu menghasilkan purata pengeluaran yang jauh lebih tinggi seperti 6 sehingga 7 tan di MADA dan 10 hingga 11 tan di Sekinchan. Jika dapat meningkatkan purata pengeluaran sebanyak 20 hingga 30% dengan menggunakan tanah yang sedia ada, kita tidak akan menghadapi masalah kekurangan beras. Mungkin punca perbezaan ketara ini adalah aspek pengurusan pertanian yang kurang efisien.

Sebagai contoh, penggunaan teknologi seperti *transplanting machine* yang dapat membantu petani untuk mengadakan satu sistem yang lebih teratur perlu diperbanyakkan. Dengan adanya sistem seperti ini petani tidak lagi berhadapan dengan masalah penaburan benih yang tidak serata, masalah lalang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, telah terlalu banyak kali disebut tentang kononnya berlaku tsunami politik pada 8 Mac lalu.

■1200

Istilah tersebut seolah-olah sudah menjadi perkataan ruji Ahli-ahli Pembangkang. Mereka tuduh kononnya pemimpin BN sombong dan elit. BN diminta untuk mencerminkan diri. Akan tetapi, baru dua bulan bergelar Yang Berhormat, siapa yang riak dan takbur nadanya dalam Dewan yang mulia ini? Siapa yang begitu angkuh sehingga akal tak cecah ke langit, kaki tak jejak ke bumi, dalam meramal dan diuar-uarkan bahawa mereka akan berkuasa di Putrajaya dalam tempoh tak beberapa bulan lagi? Siapa sebenarnya kini ingin membelakangkan prinsip demokrasi dengan menawarkan Ahli BN untuk melompat parti, dengan membentuk kerajaan melalui pintu belakang? [Tepuk] Siapa sebenarnya yang tidak berani melihat wajah sendiri?

Mereka tidak berani kerana apabila di cermin, refleksi yang jelas terlihat adalah satu pakatan kononnya, tetapi dengan persefahaman yang begitu rapuh dan tidak kukuh, pakatan yang dibuat ternyata begitu lemah umpama retak menanti belah. Saling meragui sesama sendiri, khuatir ditikam sesama sendiri. Sebab itu saya istilahkan Pakatan Rakyat ini sebagai Pakatan *Public Relations* ataupun PR dengan izin. Penggabungan Pembangkang ini hanya PR. Pas dengan DAP hanya PR supaya di mata rakyat nampak cantik, nampak menarik, nampak kukuh, tetapi yang sebenar-benarnya, yang tersirat dalamnya, dalam perkara asas atau fundamental jelas tiada sefahaman.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping bangun Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat, tak faham bahasa. Sila duduk.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Takut ke? Hendak minta penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kita berdebat di mana-mana sahaja. Ini *floor* saya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Dia kata debat di mana-mana sahaja. Ini forum dia.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kita minta penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tak cukup masa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]: Duduklah. *Floor* dia. Dia tak beri laluan jangan kacau.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, 31(b).

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tak usah jadi Ahli Parlimenlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada peraturan mesyuarat. Sila...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tak usah jadi Ahli Parlimenlah kalau takut.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: 31(b).

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tak usah jadi Ahli Parlimenlah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini soal kesuntukan masa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Fotostat sahajalah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kita boleh bincang bila-bila masa.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Cakap dekat CD sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Buat kaset sahajalah.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: 31(b).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. peraturan mesyuarat. Sila duduk Yang Berhormat Rembau.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baru semalam bapak... Yang Berhormat Kepala Batas...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu sila duduk. Peraturan mesyuarat Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Siapa tahu?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, 31(b) memberi hak kepada Ahli-ahli untuk meminta penjelasan semasa seorang ahli yang lain berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Itu hak kita tak dapat nafikan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tapi itu saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Keputusan terpulang kepada dia tetapi hak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya faham Yang Berhormat. Saya faham. Baik, Yang Berhormat Rembau, saya faham maksud Yang

Berhormat untuk tidak memberi ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mencelah. Maknanya Yang Berhormat menggunakan kuasa 37(2) untuk tidak memberi peluang kepada sesiapa.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya rasa ini ingatan kepada semua. Ya, terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sebenarnya merasa sedih dan hairan.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order. Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Peraturan 36(4). Menjadi kesalahan Ahli Dewan mengguna bahasa kurang sopan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mana satu yang kurang sopan Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya tak pernah guna bahas kurang sopan. Tolong jangan buang masa.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mana bahasa yang kurang sopan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tadi sebut bapak samalah Yang Berhormat Kulim.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak terangkan apa maksud 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini membuang masa saya.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kalau takut tak usah jadi Ahli Parlimenlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mana bahasa yang kurang sopan?

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Duduk bawah dalam selimut pak mertualah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon diteruskan.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Jangan tunjuk berani di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, 36(4) apabila Yang Berhormat Rembau, dia pasang kaset sahaja. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, gunakan Order 44 perenggan 2. Kalau dia tak mahu dengar cakap suruh keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak perlu, tak perlu Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya belum terangkan apa yang saya hendak bangkitkan 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya pohon diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak apalah, teruskanlah. Mana...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Siapa yang pasang kaset ini tiap-tiap malam?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya punya *floor*.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak bangkitkan Peruntukan 36(4). Saya hendak terangkan apa maksud 36(4), iaitu adalah menjadi kesalahan bagi Ahli Dewan menggunakan bahasa kurang sopan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak bangkitkan persoalan Yang Berhormat Rembau menyamakan PKR, menggunakan singkatan PKR dengan menyatakan ianya Pusat Khinzir Raksasa. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu maknanya...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tarik balik.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ini menggunakan bahasa kurang sopan. Saya minta tarik balik.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Menyamakan PKR dengan Pusat Khinzir Rakyat. Baru semalam, Yang Berhormat Kepala Batas menyatakan kepada Ahli UMNO jangan tunjuk sombong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Jangan berlagak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya perkataan itu ditarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya minta *ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau, apa maksud singkatan yang di...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tak, biasanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...ungkapkan Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, biasanya akronim ini, kita ambil huruf-huruf yang pertama. Projek Khinzir Raksasa (PKR). Apa susah sangat. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah Yang Berhormat. [*Tepuk*] Saya rasa dia tidak menyentuh pada mana-mana pihak.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mungkin itu satu *coincidence*. Saya tidak tahu.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara 36(6) tidak terpakai untuk kes ini. Sila teruskan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Menyampuk] ECM Libra.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sebenarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak beri Yang Berhormat. Kita sudah beri peringatan tadi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sebenarnya rasa amat sedih dan hairan apabila soalan saya tentang kontrak sosial kepada Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang juga Timbalan Presiden Pas tidak dijawab.

Oleh itu, saya rasa adalah tidak salah, sekiranya satu kesimpulan ditawarkan di atas keengganan Pas ini, bahawa Pas yang sering menampilkan dirinya sebagai Parti Islam yang gagah, nampaknya sudah kehilangan taring. Umpama singa tidak bergigi, takut dengan dalang yang diajak bersekongkol. *[Tepuk]* Soalan saya, sama ada Pas setuju dengan kenyataan dari Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur yang meminta kontrak sosial dikaji semula dan meniadakan perbezaan antara bumiputera dengan bukan bumiputera, Islam dengan bukan Islam, dibiarkan tidak bersahut, hanya berlalu ditiup angin, umpama bercakap dengan dinding.

Sepi ini jugalah suasananya apabila Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gelugor, menghina Institusi Raja Melayu di Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau setuju, katakan setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nanti kita bagi Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau tidak, jawab sahaja tidak, tetapi yang penting...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Dia yang tanya soalan, tetapi tak mahu dengar jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, dia tidak memberi jalan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Hendak tanya soalan tak mahu dengar jawapan. Apa sikap ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia ada hak tak memberi jalan Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya. *[Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya boleh buat apa sahaja yang saya suka. Sila duduk. *[Dewan riuh]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tak mahu dengar jawapan, jangan tanya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Beri kita jawab. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. *[Dewan riuh]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tanya soalan bagi kita jawab.

Tuan T. Murugiah: Dia punya *floor*. Dia bagi *floor*. Duduklah tak apalah. Bagi laluanlah. *[Dewan riuh]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Kalau mahu tanya soalan, sila dengar jawapan. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Beberapa Ahli: *[Bangun][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tahu. Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan T. Murugiah: Tak apa. Ini *floor* dia. Ini hak dia. Bagi laluan untuk dia cakap. Bagi dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. *[Dewan riuh]* Tak apa. Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi macam mana hendak jawab?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk Kuala Krai.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingatkan bahawa Yang Berhormat Rembau mempunyai hak untuk tidak memberi jalan. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kita ada lima tahun.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita sedia menjawab. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk dahulu. Jangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang itu kita akan jawab Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jangan bawa soalan kalau tidak mahu dijawab. Di sini atau di luar kita menjawab. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Hari itu sudah banyak kali jawab dah. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sabar... sabar. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Rembau.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Takut mahu dengar kebenaran.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau setuju...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sakit ke?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...kalau tidak jawab sahaja tidak.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sudah ditanya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tetapi...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, soalan sudah ditanya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...jenis apakah ini. Dalam perkara asas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tak beri jalan Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dia sudah tanya kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak tanya. Itu ucapan dia.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kita hendak jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk.

Beberapa Ahli: *[Bangun][Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk, dia tak faham peraturan mesyuarat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Nampaknya Pas memang sekongkol menghina sultan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau tidak beri laluan, jangan tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, sila duduk. Sila duduk Yang Berhormat Padang Serai. Tak apa, sila duduk. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai, sabar Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tetapi pemimpin jenis apakah ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...yang dalam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau
point of order.[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.* 36(10), 36(4) dan 36(10).
36(4) ialah mengenai kurang sopan. 36(10) ialah perkataan-perkataan...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ipoh Timur lagi, duduklah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ialah perkataan... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila diam, sila diam Yang
Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ipoh Timur lagi teruklah
Ipoh Timur. Tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya habis Yang Berhormat
Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Diam dahulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Lesson number one.*
[Dewan riuh]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Takut, takut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Diam, diam dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat,
sila diam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak perlu... *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh
Timur tak faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Perlu berjinak-jinakan dahulu.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Ipoh Timur lagi teruklah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Takut dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat
sila diam. Ya, silakan. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Siapa yang tak boleh dengar suara saya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia takut dengar itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu tunggu mereka berjinak-jinakan
dahulu. *[Ketawa][Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang
Serai, duduk Yang Berhormat Padang Serai.

■1210

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 36(10) mengenai perkataan-perkataan yang di harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati dan bermusuh-musuhan.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: *You are talking about yourself* lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya belum habis, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik-baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bermusuh-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia. Yang Berhormat daripada Rembau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat Ipoh Timur.

Seorang Ahli: *You are talking about yourself.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat daripada Rembau...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita sakit hatilah, kita lagi sakit hati.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya menimbulkan peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu memberi hujah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya faham. Saya faham Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...dan seterusnya membangkitkan peraturan mesyuarat dan Yang Berhormat Rembau ada sebut mengenai Yang Berhormat Bukit Gelugor menghinakan institusi Diraja dan ini tidak pernah berlaku...

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan]: Kamu lagi teruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini tidak pernah berlaku dan sebab itu inilah ada penyalahgunaan Peraturan Mesyuarat 36(10) dan tadi Yang Berhormat kata bahawa menafikan Barisan Nasional bongkak dan sombong. Ini contoh Lim Keng Yaik kata bahawa Barisan Nasional, MPA...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa cakap panjang-panjang ni.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dia bukan Ahli Dewan ini Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk.

Seorang Ahli: Ini bukan *floor* dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Inilah contoh MCA, Gerakan, MIC...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Ipoh Timur duduklah!

Dato' Samsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...sebagai pengemis, *beggars*. Menteri-menteri semua *beggar-beggar*. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Ipoh Timur cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ada dua *points* Peraturan Mesyuarat 36(10)

Dato' Samsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Speaker, suruh dia duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Saya ingin membuat respons kepada peraturan mesyuarat. Sila duduk.

Seorang Ahli: Duduk Yang Berhormat Ipoh Timur. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Tak payah cerita benda lain. *Ruling* dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk. Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Rembau, ada peraturan mesyuarat yang dikemukakan oleh Ipoh Timur. Saya melihat bahawa niat Yang Berhormat Rembau tidak sampai kepada pelanggaran peraturan mesyuarat.

Seorang Ahli: Dengar tu Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cuma masalahnya Yang Berhormat Rembau banyak bercakap tentang sebelah pihak sini tetapi tidak memberi peluang kepada mereka mencelah. Itu sahaja masalahnya dan tidak ada peraturan pelanggaran Mesyuarat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Masa sudah cukup pun.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sambung, sambung.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya pohon sambung, diteruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Masa sudah habis, tiga puluh minit sahajakan.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: *You all* ganggu macam mana dia hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai sila duduk Padang Serai. Teruskan Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya rasa yang takut ini sebenarnya ahli-ahli pembangkang kerana sering kali diganggu ucapan saya, takut hendak mendengar apa saya hendak sampaikan. Itu kesimpulannya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kenapa tidak bagi penjelasan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bagi laluan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ada peraturan mesyuarat. Kenapa tidak boleh jelas, kerana takut salah. Berani baru benar. [*Dewan riu*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia ada hak untuk bagi laluan Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Kalau sampai kontrak sosial pun...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia sebut pasal pembangkang, saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau sampai soal kontrak sosial pun...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya sudah minta laluan pasal dia cakap pasal pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai kena ikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kami di sebelah sini pun tidak sempurna ada kelemahan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua *point of order*.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Rembau balik, balik masuk kelas Tadika Kemas.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order*, duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini membuang masa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau sila duduk. Ya Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat yang mana satu Yang Berhormat?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apa dia, apa dia nombor berapa?

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk dulu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Nombor berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau sila duduk Yang Berhormat Rembau.

Tuan Haji Roalan Shaharum [Bukit Gantang]: Duduk dulu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36(12), mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak sampai ke tahap itu Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ada sampai Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak sampai Yang Berhormat. Tidak ada perkara yang mengelirukan, sila teruskan Yang Berhormat Rembau.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan saya menghina institusi Raja-raja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau otak kecil memang kelirulah. Okey. Kami di sebelah sini pun tidak sempurna, ada kelemahannya. Yalah siapa tidak ada kelemahan, namun selagi Barisan Nasional memegang Kerajaan Persekutuan, kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan yang menjadi asas kepada negara kita akan kita pertahankan tanpa segan silu walau perlu berkalang leher. Bila saya tanya soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Hendak gulung dah, saya pohon ditambah masa sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu baru kontrak sosial belum lagi satu perjuangan asas PAS iaitu negara Islam. PAS bila sudah menjadi rakan kongsi kecil atau junior *partner* dalam PR, perjuangan negara Islam pun tidak boleh sebut langsung, takut dengan DAP, takut kena langkah mayat dulu. Takut hendak tegur Bukit Gelugor yang mempertikaikan kuasa Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam kes Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia menghasut. Tuan Yang di-Pertua, dia menghasut.

Seorang Ahli: Membuat kenyataan yang terlalu umum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai duduk, Yang Berhormat Padang Serai. *[Beberapa ahli bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dah namanya pakatan, semua perkara perlulah sepakat. Lagi pula sekarang ini semuanya sudah menjadi kerajaan menunggu atau *government in waiting*, tetapi perkara asas...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cerita pasal pembunuhan, cerita pasal Atlantuya dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Cerita pasal pembunuhan Atlantuya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai sila duduk Yang Berhormat Padang Serai. *[Dewan riuh]*

Seorang ahli: Fitnah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, penjelasan dia tidak bagi. Dia dah habis masa dah. Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kalau dia tidak bagi peluang untuk minta penjelasan lebih baik Yang Berhormat balik bersyarah dekat budak-budak tadika. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena sila duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena sila duduk Pokok Sena. Gulung Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Negara melandaskan, saya gulung, menggulung. Negara berlandaskan PR akan berpecah mengikut cita rasa masing-masing. Kalau macam itu tidak ubahlah macam zaman penjajah mengamalkan sistem pecah dan perintah. Ikut suka dan cara masing-masing. Negara Islam di Kelantan dan Kedah, Malaysian Malaysia di Pulau Pinang, kerajaan boneka di Perak dan projek babi di Selangor. Walaupun tidur satu katil, satu tilam, satu bantal tapi mimpi lain-lain. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Itu projek babi, projek UMNO juga.

Tuan Haji Roalan Shaharum [Bukit Gantang]: Projek Barisan Nasional juga.

Seorang Ahli: Barisan Nasional punya mimpi sama...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...boleh dibatalkan tetapi tidak dibatalkan. Tuan Yang di-Pertua, bukan projek ...PBN, projek babi negara.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulunglah Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Satu lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada masa Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Seorang ahli: Duduklah, masa dah habis, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kita tanya Batu Gajah.

Seorang ahli: Babi negara duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Apa dia? Tuan Yang di-Pertua, dia sebut babi negara tadi. Saya minta penjelasan minta diulangi siapa babi negara, siapa babi negara? Cakap sekarang siapa babi negara. *[Beberapa ahli bangun]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang ahli: Projek babi negara.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Cakap sekarang siapa babi negara!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau, Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, tenteram, tenteram. Ahli Yang Berhormat, saya ingatkan supaya tidak membuang masa begini. Ahli Yang Berhormat Rembau sila habiskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, saya akan habiskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya tanya Batu Gajah kelmarin. Tarik balik babi negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tarik balik babi negara.
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai, sila duduk Padang Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak apalah, izinkan saya teruskan. Saya hendak menggulung. Izinkan saya teruskan, saya hendak menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau sila habiskan, sila habiskan.

Dr. Dzulkiefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Menyampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak apa, tidak apa. Pasir Salak sila duduk dulu. Buat bertenang.

Dr. Dzulkiefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat saya sebut PBN, projek babi negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, Pokok Sena.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Songkok sahaja ada tapi tak ada otak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau sila habiskan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia cakap kita tidak ada otak, mahu penjelasan.

■ 1220

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa. Duduklah Yang Berhormat Padang Serai, duduk Padang Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya tanya Batu Gajah, kalau betul PR lebih baik daripada Barisan Nasional, maka tunjuklah teladan yang baik. Bagi peruntukan kepada semua wakil rakyat, tidak kira parti, tidak kira bangsa...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Padang Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tetapi jawapan yang diberi tidak ada asas, tersasar dari landasan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah lebih masa ini.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak habiskan ini.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Padang Serai, tiap-tiap hari kena *mic* kena tukar?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bila *you* kerja elektrik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan, Yang Berhormat Rembau. Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk!

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Minta laluan, minta penjelasan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Jelutong, tekan *mic*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia sudah habis masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Pada sesi taklimat Parlimen sebulan yang lepas, ada wakil pembangunan minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah suruh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan kepada semua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, dia sudah habis masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Padang Serai duduk, Padang Serai, tidak payah ganggu.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Itu bukan penggulungan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]: Tetapi tidak sampai beberapa minggu selepas itu, kerajaan campuran negeri Selangor mengumumkan peruntukan RM500 ribu hanya untuk ADUN PR, adilkah itu?

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ada sebab, pasal Ahli BN sudah habiskan dalam...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini, Tuan Speaker, baru dua bulan memerintah sudah pandai tipu dan memutar belit. Kalau Kuala Krai kata...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ada bukti jelas.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...*power corrupts*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *An absolute power corrupts, absolutely* tindakan PR ini membuktikan bahawa... [Dewan riuh]

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Masa sudah habis, Tuan Speaker, masa sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau, duduklah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, masa sudah habis.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak gulung ini, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Rembau, cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya teruskan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Awak gulung sendirilah.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bangun] [Menyampuk]

Seorang Ahli: Minta balik wang ihsan Terengganu, kalau hendak bagi, bagi! Wang ihsan Terengganu kena bagi dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Biarlah menjadi catatan rasmi dalam Dewan yang mulia ini bahawa legasi seorang pemimpin tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau, cukuplah, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Apa gulung-gulung? Sudah habis masa.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bangun] [Menyampuk] [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Masa sudah habis. Berapa kali mahu gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk, Yang Berhormat, sila duduk.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini apa gulung ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia hendak habiskan, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Sudah habis lama.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mana ada habis? Tak ada habis.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dekat satu jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak gulung.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Yang Berhormat Rembau duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya hendak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Masuk pintu belakang mahu banyak cakap.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Padang Serai bila jadi Speaker? Duduk!

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tidak apa. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini apa? Pasal dia menantu ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila senyap, Yang Berhormat, duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, kerana saya menghormati Tuan Yang di-Pertua..

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa ini macam?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya akan tamatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah minta Rembau untuk habiskan. Habiskan, Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk berlaku adil, saya akan tamatkan di sini. Rembau pohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Tepuk][Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini kita cuma ada 23 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan usul ini. Kita masih lagi ada 130 orang yang belum berucap. Saya gunakan kuasa 35(7) untuk mengehadkan masa 20 minit bagi setiap Ahli yang berucap. Sila Kalabakan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini sebab Rembau satu orang, semua orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalabakan, sila.

12.24 tgh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Tuan Speaker, saya bersama-sama rakan bangun untuk membahas Titah Ucapan Diraja pada 29 April 2008. Banyak perkara mengenai kepentingan Sabah, saya akan kemukakan. Jadi bererti kalau setakat 20 minit, mukadimah sahaja dengan kacau daripada kawan-kawan, tentu ia tidak akan memanfaatkan saya sebagai Ahli Parlimen di Kalabakan.

Tuan Speaker, semua kita sedia maklum bahawa Sabah merdeka pada tahun 1963. Ini bererti 45 tahun dahulu. Jika kita bandingkan pembangunan yang ada di Sabah banding dengan yang di Semenanjung ialah jauhnya di antara bumi dan langit. Yang Berhormat Ahli Parlimen Kimanis telah menyuarakan banyak perkara tetapi ada ucapan yang dibuat itu disalah anggap oleh pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional. Disalah anggap bila kata Sabah dianaktirikan, tentu sekali mereka berkata apa bukti yang Sabah dianaktirikan.

Di Sabah, Tuan Speaker, kita ada banyak masalah, masalah air, masalah lampu, masalah jalan raya luar bandar, masalah sekolah-sekolah, masalah barang naik melambung tinggi 1000% daripada Semenanjung, masalah keselamatan dan lain-lain lagi. Jadi kalau saya huraikan satu persatu, tentu sekali masa yang dibagi kepada saya tidak cukup. Di luar bandar seperti mana yang saya luahkan pada penggal Parlimen Kesebelas yang lalu banyak sudah perkara kita kemukakan kepada Dewan, tetapi masalah yang dihadapi oleh rakyat tidak dapat diselesaikan kerana difikirkan ini suara dari Sabah 'masuk telinga kanan, keluar telinga kiri'.

Tsunami melanda di Semenanjung. Kalau orang tidak cukup sihat dengar nama tsunami, ia memang tsunami, [*Tepuk*] ia melanda di Semenanjung di mana beberapa buah negeri hanyut ke tangan pembangkang. Di sini, Tuan Speaker, Ketua Pemuda UMNO, wakil daripada Silam dalam satu sesi sidang akhbar mengatakan "*Political danger in Sabah...*" Ini bukan saya yang kata, Pemuda UMNO yang kata, Ahli Parlimen Silam. "*BN Youth warns political tsunami will hit Sabah. If issue's not solved.*" Ertinya *political tsunami* ini akan melanda Sabah jika sekiranya isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen tidak ditangani.

Ahli dari Kota Belud, Pemuda, dia ada kata bahawa *political danger* in Sabah. Kita dalam surat khabar di Sabah, rakyat Sabah puji Ahli Parlimen Kota Belud. Ini sentimen rakyat Sabah. Kita bercerita di sini sebagai Ahli Parlimen Sabah dan Yang Berhormat Ahli Parlimen Kimanis bercerita, itulah sentimen rakyat Sabah. Banyak *double standard* dalam Barisan Nasional.

Ahli-ahli Pembangkang: [*Tepuk*]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Pembangkang mungkin bertepuk tangan tetapi mahu tahu apa dia *double standard*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Taiping bangun, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh bagi?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Taiping, dia tidak bagi jalan, Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Penjelasan sahaja.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Belum lagi, belum lagi.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Hendak bagi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Taiping. Dia tidak bagi jalan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *Double standard*, Tuan Speaker, yang ketara sekali apabila habis pilihan raya 8 Mac yang lalu, Barisan Nasional menang 140 kerusi, pembangkang 82. Semua tahu, dunia tahu, kalau bukan Sabah dan Sarawak, 54 kerusi, maka Kerajaan BN sudah tidak ada.

Ahli-ahli Pembangkang: [Tepuk]

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Betul, betul, betul.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Selepas pilihan raya. Ini, Tuan Speaker, saya bercerita hasrat rakyat Sabah. Jikalau saya tidak luahkan, orang sangka saya mungkin berselindung. Jadi lebih baik saya luahkan kerana ini kenyataan. Negeri Sabah, Tuan Speaker, negeri Sarawak yang menyelamatkan BN, negeri Sabah tiga kerusi menteri, tiga kerusi menteri.

■1230

Tiga kerusi menteri yang diberi ialah jaga muzium, [Tepuk] jaga *daling-daling* iaitu sejenis tarian Bajau dan jaga awan-awan yang tidak ada makna bagi rakyat Sabah. Ini memalukan rakyat Sabah. Ini harus diperbaiki, kita tidak biarkan begitu sahaja. Sudahlah kita ini ketinggalan kemudian kita dianaktirikan. Kita dianggap sebagai satu negara tetapi diasing-asingkan, sebagai *second class citizen*.

Mungkin orang kata Ahli Parlimen Kalabakan bercerita dalam Dewan seolah-olah pembangkang. Sebenarnya kita bukan pembangkang. Dahulu pun kita bercerita lebih daripada pembangkang sewaktu hanya 20 orang pembangkang sahaja dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bahawa kemudahan luar bandar tidak ada. Di luar bandar di Sabah rakyat masih lagi minum air perigi. Kalau tidak ada hujan, air

perigi pula kering tidak tahu di manalah hendak pergi cari air. Kalau ada paip air pun di bandar warnanya seperti teh susu. Inikah maknanya kemerdekaan?

Lampu, kepada menteri memang sudah saya luahkan dahulu. Lampu di Sabah kerap kali terputus termasuk di bandar-bandar besar iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Sabah dan Lahad Datu keseluruhannya. Jangan kata di luar bandar tetapi dalam bandar pun terputus! Mungkin itu dianggap oleh pucuk pimpinan negara, "Enteng! *Sabah can be taken for granted*". Ini yang sebenarnya. Saya ceritakan di sini, kalau keadaan tidak diperbaiki keadaannya pada pilihan raya yang akan datang bukan sahaja BN kalah, saya pun termasuk ikut kalah juga.

Ini yang bermasalah. Kita minta peruntukan RM20 juta, RM30 juta untuk luar bandar tetapi peruntukan tidak ada, siling tidak ada, kewangan sudah digunakan dan Rancangan Malaysia Kesembilan tidak ada wang. Bolehkah alasan itu diberikan kepada Sabah? Sebetulnya tidak, ia tidak masuk akal. Kalau kita buat jambatan di Semenanjung atau di Pulau Pinang berbilion-bilion terus umumkan sahaja.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Penjelasan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Di mana masalah kita?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud bangun, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya sebenarnya tidak mahu bagi kerana saya tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Satu soalan sahaja, Yang Berhormat. Saya menyokong ini, boleh?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Boleh.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kalabakan. Tadi kita mendengar rintihan daripada Yang Berhormat Kalabakan tentang apa yang telah berlaku di negeri Sabah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kalabakan, kalau itulah rintihan kita di negeri Sabah mungkin kita boleh minta kepada Ketua Menteri Pulau Pinang supaya bersetuju untuk membatalkan Jambatan Pulau Pinang dan minta peruntukan Jambatan Pulau Pinang itu turun ke Sabah. Ini kerana selama ini mereka jugalah yang mengatakan bahawa sayang kepada kita dan sebagainya di negeri Sabah. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya tidak bersetuju juga kalau *cancel* projek lain dan bawa ke Sabah, bagilah kepada Sabah *special project*! [Tepuk]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pakai duit komisen. Pakai duit komisen daripada Sukhoi dan Scorpenelah! [Disorak]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Dalam akhbar apabila kita bangkitkan bahawa Sabah dianaktirikan, dalam akhbar Menteri Pelajaran ada berkata, “*Sabah dapat RM3.43 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan*”, tetapi saya mahu bertanya kepada kementerian, wang sebanyak RM3.4 bilion ini ke mana? Di mana ia dibelanjakan di Sabah? Sedangkan kalau kita pergi ke luar bandar di Sabah pemakanan berzat diberi kepada sekolah-sekolah, *nauzubillah* teruknya, *instant* mi pun ada! Kalau kita bandingkan ini, Tuan Yang di-Pertua, budak-budak sekolah ini diberikan makanan yang tidak berzat macam kita buat makanan kucing di rumah yang diberikan kepada budak-budak sekolah.

Ini dahsyat sekali. Kalau sekiranya kementerian mahukan bukti, boleh datang. Kita boleh bawakan. Saya mahu tahu berapa peruntukan yang diberikan kepada tiap-tiap kanak-kanak untuk zat pemakanan, yang saya tahu sampai ke bawah hanya 30 sen sahaja. Saya sudah pun menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri. Saya sudah beritahu. Ini bererti kementerian menjaga kontraktor yang *supply* makanan, mereka untung biar rakyat menderita! Ini dia, Tuan Yang di-Pertua, kita kena pergi lawat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada bawa gambar dalam *newspaper* di Sabah. *[Menunjukkan senaskhah akhbar]* Kanak-kanak sekolah di luar bandar mereka belajar di atas lantai. Kalau macam lantai Dewan ini ada karpet munasabahlah. Ini lantai simen, taruh kertas getah - wakil rakyat terpaksa beli kertas getah untuk letakkan di sini. Ini dia. Bolehkah ini dinafikan? Saya sudah pun tulis surat kepada kementerian.

Jadi, wang sebanyak RM3.4 bilion ini ke mana perginya? Ke mana? Kenapa kementerian ini satu rangkaian di Kuala Lumpur sahaja, tidak ada rangkaian di Sabah, tidak ada rangkaian di daerah-daerah? Minta laporan macam mana boleh jadi begini.

Inilah Tuan Yang di-Pertua, kita minta keadilan bukannya kita bersuara untuk kita kata, “Oh, ini suara dari Kalabakan macam pembangkang.” Kalau pun dia pembangkang dalam BN terima sahajalah. Ini membina. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Saya bercerita mengenai keselamatan negara. Saya minta Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab. Siapa juga menterinya bertanggungjawab. Keselamatan, ada dokumen dikeluarkan kepada pendatang tanpa izin. Pendatang tanpa izin dikeluarkan dokumen IMM 13. Mungkin ramai kita di sini yang tidak tahu IMM 13. IMM 13 ini adalah

satu dokumen yang dikeluarkan oleh kerajaan merupakan pas lawatan di bawah peraturan-peraturan 11(10) Peraturan-peraturan Imigresen. IMM 13 ini dikeluarkan jika sekiranya negara jiran ada perang, pelarian datang, itulah diberikan. Pelarian Filipina yang lari ke Sabah sewaktu perang, dia diberikan dokumen IMM 13 tetapi kenapa Kerajaan Persekutuan masih lagi keluarkan borang IMM 13?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatatan bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Silakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kalabakan. Mengenai soal pemberian dokumen IMM 13 ini, adakah Yang Berhormat bersetuju oleh kerana Sabah telah pun merasai kegelisahan dan kesengsaraan dengan kehadiran tidak kurang daripada sejuta jenis manusia yang kita beri dokumen IMM13 ini. Baru-baru ini kerajaan kita telah mengumumkan bahawa ada lagi beberapa jumlah orang yang diberikan dokumen IMM 13 ini di Pulau Kuraman, Labuan.

■1240

Bersetujukah Yang Berhormat, oleh sebab Sabah ini telah pun merasai kegelisahan, kesengsaraan dengan kehadiran tidak kurang daripada sejuta jenis manusia yang kita beri dokumen IMM13 ini. Baru-baru ini, kerajaan kita telah mengumumkan bahawa ada lagi beberapa jumlah orang yang diberi IMM13 ini di Pulau Karimun, Labuan. Bersetujukah Yang Berhormat jika kita bahagi-bahagikan orang-orang yang dikirimkan dokumen ini kepada Ipoh Barat, kepada Pulau Pinang, kepada negeri Selangor, mungkin kepada lain-lain tempat lagilah yang mahu.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya faham, saya akan menjurus kepada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan, teruskan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Menteri di Jabatan Perdana Menteri dua minggu lalu kata, pendatang tanpa izin ini, keluarkan sahaja IMM13. Ini menggores hati rakyat Sabah. Kalau ini dikeluarkan sebelum pilihan raya, tsunami sampai juga ke Sabah. *[Tepuk]* Jadi saya memberi amaranlah supaya perkara ini diselesaikan. Kalau tidak, saya cadangkan supaya pemegang IMM13 ini, semuanya kita letak di Semenanjung. Siapa negeri mahu terima? Tentu sekali Selangor tidak mahu terima, Pulau Pinang tidak mahu terima.

Seorang Ahli: Rembau, Rembau.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Johor tidak mahu terima, Kedah tidak mahu terima, Kelantan tidak mahu terima. Mungkin kita taruh Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini dia Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi keadilan ini mesti nampak. Jangan kita hentam kromo, kata orang Jawa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran bangun Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Hentam kromo.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya apabila Yang Berhormat dari Kalabakan menyentuh tentang pengeluaran kad-kad palsu IMM13 ini, ini menjurus kepada satu gambaran di mana pertumbuhan penduduk Sabah telah melonjak seperti yang kita tidak boleh percayai. Pada tahun 1970, penduduk Sabah hanya 600,000. Pada tahun 2000, penduduk Sabah telah menjadi 2.6 juta melebihi Sarawak. Adakah Yang Berhormat dari Kalabakan bersetuju bahawa semua yang beliau katakan ini telah menyumbang kepada kependudukan Sabah yang bertambah sedemikian rupa? Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuaran, itu saya sudah bagi bahawa ini menjejaskan keselamatan negeri Sabah. Kalau saya cakap keselamatan, tanggungjawab keselamatan ialah Kerajaan Persekutuan. Jadi kita minta supaya mungkin bukan kementerian, bukan satu menteri, ada jawatankuasa peringkat tertinggi membincangkan masalah pendatang tanpa izin di Sabah. Jangan kita suarakan di sini, tindakan tidak diambil. Seperti mana saya katakan, masuk telinga kanan, keluar telinga kiri.

Di Sabah Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pendatang tanpa izin, yang membuat masalah kepada negeri Sabah, membuat gejala sosial kepada negeri Sabah, kelengkapan-kelengkapan untuk polis tidak ada. Di luar bandar, polis pakai Proton Saga untuk ronda. Proton Saga boleh diguna di Kuala Lumpur, di Selangor, di tempat-tempat yang indah, bukan di Sabah. Di Sabah, polis mesti guna pacuan empat roda, *four wheel drive*. Ini kalau kita tanya, peruntukan tidak ada, ini sahaja kita diberi. Jadi apa macam? Sudahlah kekurangan tenaga, kereta lagi tidak baik, kereta lagi sudah usang. Jadi apa macam standard yang kita mahu tunjukkan?

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pendatang tanpa izin tadi, bekas Ketua Menteri Sabah, Datu Haris Salleh, dalam akhbar 5 Mei, dengan izin Tuan Yang di-

Pertua, "*Haris Saleh calls on Federal Government to give Sabah more autonomy*". Surat khabar, Datuk Haris Saleh cakap. Apa erti? Saya bimbang, dalam sini ada kata pungut suara. Saya bimbang, kalau pungut suara bukan orang Sabah mahu tinggal dalam Malaysia kerana banyak pendatang tanpa izin, mereka kata, "*Kami mahu Filipina*". Apa jadi kepada negeri Sabah?

Jadi, kita minta supaya keadaan ini diberi pertimbangan yang sewajarnya. Orang kata Ketua Menteri Sabah ialah Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri Sabah. Apa Ketua Menteri boleh buat? Jika sekiranya belanja untuk memperbaiki keadaan ini berbilion-bilion ringgit. Sabah tidak ada cukup kewangan untuk buat ini. Lagipun, tanggungjawab sewaktu kita merdeka, keselamatan di bawah Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya baru, saya kira baru ada empat puluh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masuk *gear* balik.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: ...31, baru 16 minit Tuan Yang di-Pertua. Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat *start* 12.24 tengah hari tadi.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ya, belum lagi. Jadi mintalah, kalau tidak, tidak selesai. Okey. Harga barang-barang. Kalau cerita pasal barang bahawa kita ini lagi murah dibandingkan dengan negara luar, ini sebetulnya kalau dibandingkan dengan Sabah, ini Berita Harian [*Menunjukkan senaskhah akhbar Berita Harian*]. Di Semenanjung, RM1.50 sen. Di Sabah, dalam sini dia kata RM1.50 sen, tetapi yang sebenarnya RM1.70 sen. Ini Berita Harian, satu kertas sahaja saya cerita. Belum lagi harga tepung, harga gula, harga sardin. Di luar bandar di Sabah, dia beli empat kali ganda harga.

Jadi ini Tuan Yang di-Pertua, mana penguatkuasaan? Mana keadilan? Mana? Tidak ada keadilan. Kita mahu keadilan! [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Kita mahu keadilan, bukan Parti Keadilan! Keadilan kita mahu. Kita mahu keadilan, seperti mana yang saya katakan tadi.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jangan perasan!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Seperti mana yang saya katakan tadi, kalau bukan Sabah, *Federal Government gone*, kalau bukan Sabah dan Sarawak. 140, minus 54 tinggal 86 sahaja. Yang orang duduk sebelah sini, semua duduk sebelah sini. [*Tepuk*] Ini saya punya amaran Tuan Yang di-Pertua. Jangan orang

sangka, ini mengarutlah! Hah, jangan cakap! *[Ketawa]* Ini realitinya ada, jangan! Kita mesti ambil serius apa yang kita katakan.

Saya katakan tadi, Sabah dan Sarawak, menyelamatkan *Federal Government*. *[Tepuk]* Apa kena bagi Tuan Yang di-Pertua? Saya katakan tadi, tiga menteri, ada negeri tujuh menteri yang penting! Tujuh menteri yang penting! Ada negeri kalah, empat menteri yang penting! Mana keadilan ini? Jadi, kita minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ambil balik, ambil.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kita mahu *reshuffle* balik, bagi Sabah menteri yang penting! *[Tepuk]* Bagi Sabah menteri yang penting. Bukan saya, bukan saudara Kimanis. Kita tolak! Mungkin orang kata, “*Kenapa Ghapur, you tolak timbalan menteri?*” Mula-mula saya ghairah. Oh, timbalan menteri, kemudahan apa semua, tetapi bila dengar sungutan di bawah di Sabah, saya tidak berani terima timbalan menteri ini. *[Tepuk]* Saya tidak berani terima! Saya tidak berani terima, Ahli Yang Berhormat Kimanis tidak berani terima, kerana ini satu penghinaan! *[Tepuk]* Satu penghinaan!

Sewaktu Yang Berhormat Kimanis berucap, dia kata, “*Ini orang kata, banglo dan rumah teres*”. Saya setuju, jangan bilang pindah teres, kita sanggup tinggal rumah kampung. *[Tepuk]* Rumah kampung, ini tiada keadilan! Saya minta supaya perkara ini diambil tindakan serius. Ambil tindakan serius.

■1250

Kita tidak pernah lompat parti, kita tidak pernah lompat, kita tidak lompat parti, kita tidak masuk parti pembangkang. *[Dewan riuh]* Namun kalau kita buat parti baru sendiri di Sabah, kita boleh *joint* sini, kita boleh *joint* sini. *[Dewan riuh][Tepuk]* Ini kemungkinan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah dekat, sudah dekat, tepi sahaja. *[Dewan riuh]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini kemungkinan, jadi anggaplah ini serius, anggaplah ini serius. Jangan ada ahli-ahli dari Sabah yang sudah ada jadi timbalan menteri komen ini bukan pendapat rakyat Sabah. Kalau Tuan Yang di-Pertua, bersetuju minta; kita boleh kemukakan satu usul dalam Dewan, saya boleh kemukakan. Cuba minta satu referendum menyatakan bahawa Sabah ini betul-betul tidak senang hati dengan apa yang dibuat sekarang itu boleh, macam ‘Datuk Haris’ kata tetapi ini tidak ada guna, kita jadi di bawah jajahan *Philippine*. Ini dia Tuan Yang di-Pertua, macam ‘Datuk Haris’ cakap ini, saya tidak setuju jadi baik ada jawatankuasa yang meneliti semua apa masalah yang kita hadapi di Sabah.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat umum 100 ribu hektar yang hendak ditanam untuk pemakanan di Sarawak, belanja RM4 bilion. Kita bersyukur tahniah RM4 bilion belum termasuk kemudahan asas, belum lagi, masuk kemudahan asas mungkin RM10 bilion. Kita tahniah tetapi itu bila, bila kita mahu mula, bila mahu beri kewangan?

Jangan macam koridor di Sabah, pembangunan Koridor di Sabah apabila Perdana Menteri pergi ke Sabah, dia kata kita punya *target* hingga tahun 2025. Saya kata dalam saya punya fikiran, kita tidak berani cakap di luar kerana kalau cakap luar orang kata kita ini *against* pembangunan 2025. Boleh masuk akal, visi negara 2020, Sabah punya 2025 ini ketinggalan lagi lima tahun. *[Ketawa][Tepuk]* Ketinggalan lagi lima tahun, jadi apa macam ini. Patutnya, walaupun mahu cerita, cerita yang munasabah sedikit 2020 ke atau lebih awal ke? Ini 2025, rakyat Sabah cakap visi negara 2020 ini kita 2025. Apa jadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini persoalannya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak tempat-tempat menarik di Sabah. Kita ada Gunung Kinabalu, kita ada Orang Utan di Sandakan. *[Ketawa]* Di Semenanjung tidak ada Orang Utan, mengikut menteri dia kata di Semenanjung tidak ada Orang Utan, Sabah ada Orang Utan. Mungkin itulah sebabnya kita dianaktirikan dan orang fikir kita ini masih lagi kehutan-hutan. Mungkin itu.

Sipadan, *the most beautiful island in the world* dan lain-lain, tetapi Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak pelancong datang. Tidak ada pelancong. Banyak pelancong yang datang kerana tidak ada kemudahan. Jalan daripada Kota Kinabalu ke Tawau 10 jam. Jalan daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang paling lambat empat jam. Jadi bererti dua setengah kali jarak kurang lebih, sebab di Sabah jalan satu *lane*, di sini empat *lane*. Jadi apa macam?

Jadi kalau kita cerita pasal pembangunan, tentu sekali rakyat Sabah tidak boleh terima kalau cerita berbilion-bilion tetapi tidak ada sampai ke bawah. Jadi saya minta supaya mungkin Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dia punya menteri baru, dia punya menteri yang canggih ini *[Ketawa]* boleh pergi ke Sabah, lihat semua apa kemudahan walaupun kemudahan ini 10 bilion, 10 bilionlah. Jangan sampai pilihan raya akan datang tidak selesai, kita tidak selesaikan masalah rakyat, rakyat selesaikan kita pula sebagai parti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini amaran yang kita beri. Jadi saya cadangkan, saya cadangkan supaya kita mahu *promote tourism* di Sabah. Kemudahan diberi, banyak kemudahan-kemudahan hendak diberi jalan, penerbangan, dan lain-lain. Ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Untuk membangun, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tinggal lima minit, jadi kenapa tidak saya sampai pukul 1.00 lah. *[Ketawa]* Tinggal lima minit sahaja, jadi lima minit.

Beberapa Ahli: [Menyampuk] Teruskan. Boleh, boleh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini ada Menteri Penerangan, saya mahu cakap pasal TV. Ini diskriminasi juga, Sabah punya berita jam lima petang. Siapa tengok berita jam lima? Orang pulang kerja dalam kereta begini, sampai rumah berita sudah tidak ada. Ini mesti *double standard* juga, minta maaf. Menteri Penerangan saya punya kawan juga tetapi yang mana betul saya kata betul *double standard* kenapa tidak diberi *prime time* pukul lapan? Berilah slot sikit-sikit pun, jadi orang rakyat Sabah pun nampak bahawa kita ini adil.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, Padang Serai. Tidak perlu...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kita ini adil juga. Kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua. Titah Ucapan Diraja 3.6% itu seluruh negara, di Sabah 2.4%. Ini 24% ini Tuan Yang di-Pertua, 20 tahun pun dengan 24 juga. Dia makin tambah bukan makin kurang ertinya perbezaannya 800% kalau 100% tidaklah 6%. Ini 800%.

Tuan Yang di-Pertua kalau saya jalan dari sini ke mana juga di Semenanjung saya tidak ada nampak rumah, rumah rakyat dindingnya daun atap. Tidak pernah nampak, tetapi di Sabah di luar bandar masih lagi pakai dinding atap. Kenapa daripada kita merdeka hingga sekarang tidak adakah kuasa dari sini melihat keadaan ini semua. Kenapa?

Jadi kita minta yang bertanggungjawab Menteri, Timbalan Menteri pergilah ke Sabah, telefonlah wakil rakyat, lawatlah tempat-tempat yang dianggap daif tetapi tidak juga dibuat. Tidak juga dibuat, ini bermasalah jadi kita minta supaya ni semua dikaji dan kalau boleh. Sejak kita merdeka dahulu kita diberi 5% royalti minyak. Kalau saya tidak cakap di sini pun rakyat Sabah cakap, bagus saya cakap di sinilah jadi dia orang tahu bahawa saya sudah cakap.

Royalti minyak 45 tahun 5% sahaja. 5%, saudara Kimanis tidak sebut fasal *percent*, saya sebut sebab saya mahu terang saya tidak mahu tapuk-tapuk. 5%, jadi kita minta kalau minta Kerajaan Persekutuan ini 5% ini RM500 juta. Kita minta supaya Sabah diberi royalti minyak secara masuk tabung negeri Sabah 20%, RM2 bilion setiap tahun. [*Tepuk*] Ini tidak keterlaluan, 20% sahaja bukan kita minta 80%. 20% sahaja, jadi dengan adanya wang ini bolehlah menyelesaikan banyak masalah di Sabah. Jangan orang kata beri kepada negeri Sabah nanti dia orang makan ini duit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Mana boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Mana boleh, jadi kita mintalah Tuan Yang di-Pertua, supaya ini *record* kalau apa-apa jadi kemudian jika sekiranya hasrat ini tidak tercapai, tsunami akan sampai ke Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Apabila tsunami sampai ke Sabah, saya termasuk, digulung dalam tsunami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi ini penting Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin menyokong. Terima kasih [*Tepuk*]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya beri Kuantan, Yang Berhormat boleh sambung jam 2.30 petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang waktu jam 1.00 tengah hari, kita tangguh mesyuarat hingga 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuantan ada usul menteri. Sila Yang Berhormat.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.32 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa 13 Mei 2008.”

Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Sila Yang Berhormat Kuantan.

2.33 ptg.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat petang. Izinkan saya menjunjung kasih ke atas yang dikasihi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya membahas Titah Duli Yang Maha Mulia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan diri saya terutamanya serta juga semua Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini, bahawa kita semua telah diberi mandat oleh rakyat di dalam Pilihan Raya Umum yang kedua belas yang lepas untuk bertanggungjawab di dalam menggubal dasar negara demi kepentingan rakyat dan kebaikan untuk negara. Saya juga mengingatkan diri saya serta rakan-rakan Ahli Yang Berhormat bahawa amanah yang diberikan ini terlalu besar. Tidak seharusnya kita sia-siakan.

Kita harus meletakkan kepentingan rakyat sebagai utama serta mampu membuat pertimbangan yang menjangkau batasan parti demi kebaikan rakyat, supaya jangan sekali-kali kita menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai platform untuk mencari populariti murahan disamping sengaja mencari jalan untuk melabel, menghina ataupun menghukum pihak lawan dengan sikap prejudis semata-mata kerana ingin jadi jaguh kampung, ingin menjadi hero konon. Janganlah juga kita menjadi macam ayam jantan. “Kokok berderai-derai tapi ekor penuh tahi”. “Paku dulang paku serpih, mengata orang

dia yang lebih". Satu jari menuding orang lain, empat jari menunjuk diri sendiri. Semoga kita semua dipelihara. Saya mengingatkan diri saya terutamanya dan semua rakan yang lain semoga kita semua dipelihara dan dilindungi oleh Allah SWT dari sifat-sifat yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, semalam merupakan hari pengiktirafan ibu. Belum terlambat lagi bagi saya mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua para ibu di sini. Walaupun saya berpendirian bahawa setiap hari seharusnya merupakan hari ibu kerana sumbangan ibu itu tidak ternilai. Akan tetapi perlu ada satu hari untuk kita mengiktiraf akan sumbangan para ibu. Tatkala anak-anak seluruh dunia mengucap Selamat Hari Ibu kepada ibu-ibu mereka, tatkala anak-anak meluangkan masa membelai ibu-ibu mereka di masa ini juga ibu Sharlinie masih tertunggu-tunggu akan kepulangan anak beliau. Ibu Nurin Jazlin masih juga pilu mengingatkan cara pemergian anak gadis beliau. Bagaimana pula dengan ibu Mawi? Adik Mawi juga masih belum ditemui.

Tuan Yang di-Pertua, Sharlinie, Nurin dan Mawi adalah anak-anak kita. Penderitaan ibu mereka penderitaan kita juga. Dua atau tiga dekad yang lepas keadaan negara kita tidak begini. Keadaan amat selamat. Tatkala saya sedang membesar, ibu bapa kita tidak risau sekiranya kita pergi bermain di hujung kampung atau berjalan seorang diri cari biji getah. Saya dibesarkan di dalam kawasan kampung di tepi Sungai Semantan pada ketika itu di Temerloh. Akan tetapi keadaan berlainan sekali di waktu ini. Anak kita kini sudah tidak selamat bermain di depan rumah mahupun di kawasan berdekatan. Malah kita tidak akan senang hati sekiranya kita tidak melihat mereka masuk ke kawasan sekolah sewaktu menghantar dan sewaktu menunggu di pagar sekolah waktu pulang. Bagi anak-anak yang naik bas pula ibu bapa tidak akan senang hati sekiranya anak kita perlu berjalan beberapa ratus meter dari tempat bas berhenti sehingga beliau masuk rumah. Sekiranya ada kawasan semak yang dilalui lagilah ibu bapa kecut perut dan susah hati.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan rakyat bergantung kepada sejauh mana keselamatan awam berjaya dikekalkan oleh pihak berkuasa dan kerajaan yang mentadbir. Ianya melibatkan usaha-usaha mencegah dan melindungi rakyat dan orang awam daripada insiden-insiden yang boleh menjejaskan keselamatan rakyat seperti rogol, bunuh dan sebagainya.

Indeks jenayah kian meningkat. Indeks kualiti kehidupan Malaysia ataupun MQLI, *Malaysian Quality Of Life Index*, dengan izin yang dikeluarkan oleh EPU Unit Perancang Ekonomi telah menghebahkan bahawa indeks bagi keselamatan awam di Malaysia merupakan indeks yang paling rendah berbanding dengan indeks-indeks lain yang disenaraikan sebagai kayu ukur kepada kualiti kehidupan rakyat Malaysia. Indeks-indeks yang lain seperti kualiti pendidikan, kualiti kesihatan, persekitaran kerja dan

sebagainya. Kualiti kehidupan rakyat Malaysia ini berpandukan bukan sahaja kepada fakta akan tetapi berpandukan juga kepada persepsi rakyat perihal keselamatan mereka.

Kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, bahawa kadar jenayah telah meningkat dari 3.8 bagi setiap ribu penduduk dalam tahun 1990 kepada 6.2 di tahun 2002. Ini merupakan peningkatan hampir dua kali ganda dalam jangka masa 20 tahun. Statistik dalam tahun 2006 juga tetap menunjukkan peningkatan yang berterusan. Pada tahun lepas, Perdana Menteri yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri ketika itu mengatakan bahawa indeks jenayah telah mencatatkan penambahan 8.7% dalam masa lima bulan yang pertama, berbanding dengan jangka waktu yang sama pada tahun sebelumnya.

■1440

Juga terdapat 8.2 kes rogol yang dilaporkan sehari, dalam tempoh enam bulan yang pertama tahun, lepas berbanding empat kes sehari pada tahun 2003 dan 6.7 kes sehari pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, fakta ini membawa maksud bahawa sepanjang hari kita bermesyuarat di sini, lapan orang anak gadis kita dilaporkan dirogol. Sepanjang kita duduk di sini, bermesyuarat perihal masalah negara, lapan orang anak gadis kita dilaporkan dirogol. Mungkin satu di Perlis, satu di Kedah, mungkin satu di Johor, mungkin juga bilangannya lebih daripada itu kerana banyak lagi kes-kes yang tidak dilaporkan kepada pihak polis atas sebab malu ataupun atas sebab takut.

Keadaan ini tidak wajar diterima bulat-bulat oleh rakyat Malaysia kerana kita berhak untuk hidup dalam keadaan yang selamat tanpa rasa takut. Anak-anak kita berhak untuk menikmati keseronokan alam kanak-kanak, tanpa dikongkong dengan terlalu ketat demi keselamatan mereka.

Indeks jenayah meningkat dan terus meningkat, di mana keadaan ini membuka satu persoalan besar berkenaan dengan pembentukan Suruhanjaya Diraja Polis pada tahun 2004, yang antara tujuannya ialah untuk membentuk satu perkhidmatan polis bertaraf dunia, di samping juga untuk menurunkan kadar jenayah dalam negara. Sehingga hari ini, persoalan ini kekal sebagai satu persoalan yang harus dituntut oleh seluruh rakyat Malaysia terhadap Ketua Polis Negara.

Ibu Sharlinie berhak menyoal, ibu Nurin berhak menyoal. Malah seluruh ibu dan bapa di seluruh negara, di seluruh Malaysia berhak menyoal Ketua Polis Negara berkenaan tanggungjawab yang tidak tertunai terhadap seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apakah punca sebenarnya indeks jenayah ini meningkat? Perlu diselidiki dan perlu ditangani dengan segera, oleh pihak penguat kuasa keselamatan. Pernah di satu ketika, orang ramai mempunyai satu kepercayaan bahawa jenayah kebanyakannya dilakukan oleh pendatang asing yang bekerja di negara kita.

Namun begitu, *Select Committee* Parlimen sendiri berkenaan indeks integriti melaporkan sebaliknya, iaitu bahawa 80% daripada jenayah dilakukan oleh orang-orang tempatan. Malah ada pernah terjadi di mana para penjenayah menggunakan loghat orang asing, seperti orang Indonesia dengan tujuan melindungi latar belakang mereka. Mereka menyamar, hakikatnya pendatang asing hanya bertanggungjawab terhadap 20% sahaja daripada jumlah kes-kes jenayah.

Nisbah anggota polis kepada rakyat, *police to population ratio*. Kerap kali penjelasan yang kita dengar berkenaan dengan peningkatan kadar jenayah ialah kerana tidak cukup anggota keselamatan. Saranan pihak polis antarabangsa (Interpol) ialah 1:250. Satu orang anggota polis untuk menjaga keselamatan 250 orang rakyat. Di mana kadar ini perlu dipenuhi oleh negara-negara yang serius untuk membanteras jenayah, justeru menjamin keselamatan orang awam.

Laporan di laman-laman web antarabangsa seperti PBB juga melaporkan bahawa Malaysia mempunyai nisbah 1:295. Nisbah 1:295 bermaksud bahawa seorang anggota polis ditugaskan untuk menjaga dan memelihara keselamatan seramai 295 orang penduduk Malaysia. Nisbah ini cukup munasabah kerana nisbah yang diberikan oleh Interpol ialah 1:250.

Kalau Malaysia dilaporkan mempunyai nisbah anggota keselamatan 1:295, maka nisbah ini ataupun bilangan anggota ini untuk menjaga keselamatan orang ramai sudah cukup baik berbanding dengan negara-negara lain. Kanada contohnya; mempunyai nisbah 1:441 orang penduduk. Seorang polis menjaga 441 penduduk. United Kingdom 1:500 orang penduduk. *Germany* 1:330 orang penduduk. Maka kita lihat di Malaysia, kita mempunyai nisbah yang lebih baik, berbanding dengan negara-negara yang besar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sedar tidak kita sudah hadkan kepada 20 minit.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Ya, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, yang sebelum saya ambil masa 40 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kena tolong nampaknya itu.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Ya, akan tetapi di masa yang sama, laporan daripada Pengarah Jawatankuasa Pengurusan di Bukit Aman, melaporkan nisbah polis kepada rakyat di bandar besar di Malaysia jauh lebih tinggi, Tuan Yang di-Pertua ya. Sebab kalau saya tidak habis nanti, tak habis hujahnya. Jauh lebih tinggi...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: ...Contohnya; nanti sekejap ya. Contohnya; Subang Jaya, nisbah polis kepada rakyat ialah 1:10,870. Di Johor Bahru,

Balai Polis Sentral di bandar mempunyai 87 orang pegawai, maksudnya yang menjaga 805,000 ribu penduduk, nisbahnya ialah 1:9,254. Di Kuantan, tempat saya sendiri, satu orang anggota menjaga 8,000 orang penduduk. Di Air Putih, satu kawasan dalam Kuantan, tujuh orang anggota menjaga lebih kurang 50,000 orang penduduk, nisbah 1:7100.

Di sini, apa saya ingin katakan Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa nisbah seluruh Malaysia, seluruh negara tidak sama dengan nisbah polis kepada rakyat, di bandar-bandar besar, jauh perbezaannya. Maka kenapa perkara ini berlaku?. Apakah yang sedang berlaku di sini? Mungkinkah anggota-anggota keselamatan ini, dari segi pengagihan dan dari segi penderahan tenaga, ianya pergi ke tempat lain. Contohnya; terlalu ramai yang dihantar ke cawangan-cawangan khas ataupun kepada Unit Simpanan Persekutuan. Setiap kali ada demonstrasi aman, penuh dengan Unit Simpanan Persekutuan untuk menjaga keselamatan demonstrasi aman. Semalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya gulung. Semalam, dalam satu program di Kuantan, yang dihadiri oleh 150 orang ibu-ibu tunggal, orang kurang upaya, orang miskin, terdapat tujuh orang ahli cawangan khas, yang dihantar untuk mengambil maklumat, mengambil video, mengambil gambar, program yang dihadiri oleh 150 orang, orang kurang upaya, ibu tunggal dan orang miskin. Berbanding dengan tujuh orang yang menjaga keselamatan 50,000 orang penduduk di balai polis tadi.

Soalan saya sebelum saya gulung, kenapa perkara ini berlaku? Adakah seorang Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat, begitu menggugat keselamatan kerajaan Barisan Nasional di Pahang? Adakah ini lebih penting kepada kerajaan berbanding keselamatan orang awam? Ini persoalannya. Sebab inilah kadar jenayah semakin meningkat. Keselamatan Kerajaan Barisan Nasional lebih diberi kepentingan, lebih daripada keselamatan orang awam. Ini yang saya ingin katakan. Sebab itulah kita bukan kurang anggota polis, tetapi kita bermasalah dari segi *deployment*, penderahan tenaga, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggulung dan mengusulkan untuk menyokong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah dua minit lebih Yang Berhormat sebab kalau panjang sangat Yang Berhormat gulung, yang lain kena gulung nanti.

Seorang Ahli: Baru 15 minit.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Baru 15 minit.

Seorang Ahli: Baru 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ada rekod, Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Ya, okey. Saya cukup empatilah dengan rakan-rakan yang mungkin tidak ada peluang untuk berucap, kalau saya ambil masa begitu lama. Malangnya apa ni,... kadang-kadang tidak sama masa yang diberikan. Contohnya; Yang Berhormat Rembau mengambil masa terlalu lama tadi.

Saya cukup empati dengan rakan saya Ahli Yang Berhormat Kalabakan. Saya cukup empati. Saya nak bercakap tentang Orang Asli di Pahang tetapi tidak berkesempatan. Apa yang dirasakan oleh Orang Asli di Pahang sama juga seperti apa yang dirasakan oleh orang Sabah. Mungkin kita perlu mencari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya mintalah kerjasama Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: ...Mungkin kita perlu cari keadilan. Saya terima apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kalabakan, perlulah dilakukan sesuatu untuk mencari keadilan.

■1450

Bagi pihak kami, kecil tapak tangan, rumah kampung kami tawarkan". "Sikit akan sama kami jinjing, berat akan sama kami pikul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Titah Diraja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi Yang Berhormat Ledang dulu.

2.50 ptg.

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam Menjunjung Kasih Titah Ucapan ke bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentuk Kerajaan Barisan Nasional. *[Dewan tepuk]*

Tahniah kepada Datuk Timbalan Yang di-Pertua kerana juga dilantik untuk jawatan tersebut. Saya juga tidak ketinggalan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak pembangkang yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pada kita semualah Yang Berhormat.

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: ... yang ada peranan juga. Saya menerima hakikat bahawa masing-masing ada tugas sama ada wakil rakyat di pihak pembangkang, lebih-lebih lagi wakil rakyat di peringkat Barisan Nasional. Di kawasan pihak

pembangking pun ada tugas, tidak sepi daripada tugas yang juga saya perhati contohnya di kawasan saya, seorang wakil rakyat DAP telah pun bersama-sama dengan Majlis Perbandaran Muar merobohkan warung Melayu di Kampung Tanjung Agas.

Walaupun...tapi saya hormati kerana masing-masing seperti yang saya sebutkan tadi, ada tugas tersendiri, ada sebab-sebabnya, sebab itulah saya tidak mempertikaikannya. Walau bagaimanapun saya ingin mengingatkan bahawa dalam menjalankan tugas dan ideologi masing-masing, siapa pun jangan sampai menderhaka ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Raja-Raja kerana Raja-raja Melayu tersebut adalah Raja bagi semua kaum di dalam negara kita. Ia bertepatan sangat dengan teras Rukun Negara yang kedua iaitu "Kesetiaan kepada Raja dan Negara".

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon laluan.

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: Baginda juga lambang penyatuan sekali gus memacu kemajuan negara yang kita nikmati sekarang. Minta maaf kerana masa tidak cukup, ada 15 minit, 20 minit. Pun begitu peranan Raja sangat luas dalam menegakkan agama, undang-undang, perpaduan dan sebagainya dan sebab itulah pembangunan yang kita rasai ini melimpah ruah dan kita terima hakikat tanpa Raja yang berperlembagaan, pembangunan dan kemajuan berlaku di dalam negara kita tidak mungkin akan dapat kita capai pada masa ini.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan kerajaan di semua peringkat. Memang benar saya juga tidak nafikan adalah sedikit di mana-mana, tempang sana, tempang sini tetapi umumnya pegawai dan kakitangan kerajaan telah pun menjalankan tugas mereka sehinggakan mereka banyak membantu Kerajaan Barisan Nasional sekian lama yang kita sendiri terima realiti pembangunan tersebut adalah dengan atau atas sumbangan semua pegawai-pegawai kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Point of order* Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 36(4) tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa DAP ada merobohkan satu warung Melayu di Muar. Ini tidak berasas sama sekali dan tidak benar. Bolehkah Yang Berhormat memberi contoh, bukti atau tarik balik tuduhan yang tidak berasas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Ledang, pindah ke topik yang lain ya.

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya pindah topik yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada kawasan saya terlebih dahulu. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya akan turut memperjuangkan pembinaan sebuah

tol di Bukit Gambir, di dalam kawasan saya yang telah kami semua perjuangkan sejak 15 tahun yang lalu. Kawasan tersebut adalah kawasan membangun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, dia perlu kata benar atau tidak benar oleh sebab itu bukan sahaja menyalahkan 36(4) tetapi juga 36(10) sensitif, menimbulkan *ill will*, permusuhan antara kaum bahawa adalah merobohkan warung Melayu di Muar. Mana ada. Kita bukan ada kuasa, tidak ada kuasa macam di Selangor atau Pulau Pinang atau di Perak, berkuasa di negeri atau kerajaan tempatan.. Mana ada kuasa untuk merobohkan warung Melayu di...ini sangat...

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Di Melaka pun DAP tidak ada kuasa tapi...,

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... nanti tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah tarik balik Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat, terus saja.

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bahawa tanah bagi membina tol di Bukit Gambir telah pun tersedia, telah pun dibayar oleh pihak Lembaga...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ha larilah, takutlah.

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, daerah Ledang juga telah wujud. Jadi saya mintalah supaya kerajaan menyegerakan perwujudan jabatan-jabatan dalam daerah baru Ledang ini. Setakat ini baru ada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Ledang sahaja. Di Ledang, ada Gunung Ledang, penuh dengan legenda Puteri Gunung Ledang yang juga boleh dibangunkan. Jadi saya mohon supaya Kementerian Pelancongan mengambil tindakan untuk dengan izin *explore* kawasan Ledang yang juga penuh dengan legenda.

Saya juga mencadangkan supaya lembah ilmu yang berkaitan dengan pelancongan diadakan di kawasan tersebut. Selain daripada lembah ilmu yang berkaitan dengan pusat-pusat pengajian yang telah banyak di Ledang seperti Kolej Matrikulasi Johor, Institut Latihan Perindustrian, Kolej Komuniti Ledang dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negara, saya yakin Barisan Nasional akan terus membangunkan negara berasaskan kepada realiti, bukannya fantasi. Hanya orang yang tidak beriman sahaja yang menafikan segala pengorbanan dan kejayaan Barisan Nasional.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon laluan. Kenyataan yang saya rasa tidak patut disebut tentang iman dan tidak iman dalam soal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai minta laluan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap apa yang dikatakan oleh Ledang sebagai satu penghinaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu dulu Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Memang Barisan Nasional ini tidak buat yang baik untuk rakyat Malaysia, memang! Itu tidak bermakna saya tidak beriman. *[Bercakap dalam bahasa Tamil][Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Ledang, jalan.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Saya ingat Yang Berhormat minta tarik baliklah tak beriman ini.

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya dengan pandangan saya sendiri.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat dari Ledang tarik balik. Minta tarik balik.

Ir. Hamim bin Samuri [Ledang]: Kalau nak *explain*, boleh *explain* tapi tak ada masa Tuan Yang di-Pertua. Di dalam Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, bagi laluan kepada Bukit Gantang. Minta Yang Berhormat Ledang tarik balik beriman dan tidak beriman, ini satu isu sensitif, minta tarik balik. Minta tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Minta tarik balik!

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Satu kenyataan yang saya rasa tidak ada kena mengena dengan soal iman dengan tidak beriman. Saya mohon tarik balik dengan segera.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Begitu juga saya daripada Bukit Gantang, minta tarik balik Yang Berhormat Ledang. Itu satu kenyataan yang biadab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Begitu juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam pun duduklah, apa lagi? Dah minta tarik balik kat belakang tu.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini nak balik semula zaman kafir-mengkafir ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Nak balik zaman dulu balik ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk dulu.

■ 1500

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya kira kenyataan Yang Berhormat Ledang tadi tu bukan saja dituju kepada pembangkang tapi juga dituju kepada rakyat yang tidak mengundi Barisan Nasional tidak beriman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi saya kata satu tuduhan kepada rakyat negara kita secara menyeluruh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya belum bercakap Yang Berhormat. Duduk dulu. Pokok Sena minta tolong duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ada orang UMNO yang tidak mengundi Barisan Nasional, adakah bermaksud depa pun tak beriman?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena, minta tolong duduk dulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Adakah bila Kalabakan berucap, Kimanis berucap, adakah ini mereka tidak beriman?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk dulu. Yang Berhormat, duduk dulu. Pokok Sena duduk dulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bila mengatakan Barisan Nasional tidak melaksanakan pembangunan.

Seorang Ahli: Tarik baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk. Yang Berhormat Pokok Sena duduk.

Beberapa Ahli: Tarik balik, tarik balik.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Yang Berhormat, minta tarik balik Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya dah dengar Yang Berhormat. Saya dah dengar semua Yang Berhormat. Kita dah dengar macam-macam tuduhan kiri kanan, daripada sebelah sana pergi ke sini yang sebelah sini pergi ke sana. Jadi, apa yang dikata tidak beriman itu pun tidak dituju kepada sesiapa pun. Jadi, saya dengar juga Pokok Sena sebut tadi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia kata pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pembangkang, mungkin sesiapa yang ada dalam itu bukan pembangkang Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia kata sesiapa yang...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahasa Malaysia dengan fasih. Saya faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sesiapa yang tidak menyokong Barisan Nasional adalah tidak beriman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bukan soal pembangkang ataupun tidak. Tapi kenyataan untuk mengatakan orang yang tidak mengetahui tentang kebaikan dilakukan Barisan Nasional tidak beriman, itu tidak betul. Bukan sahaja pembangkang, ada orang UMNO dalam pilihan raya diakui bahawa mereka telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, kalau Kalabakan, Kimanis mengkritik Barisan Nasional...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, ya, saya dah dengar Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Adakah mereka tidak beriman? Ini saya katakan kenyataan yang tidak wajar dikeluarkan. Seolah-olah menafikan hak kita untuk mempersoalkan, mempertikai apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Shah Alam, minta duduk juga.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lagi baik dia tarik balik kerana kalau dia kata kita tak beriman dan tak betul, silap-silap kena atas kepala dia. Minta dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat Ledang, tak payahlah sebut lagi soal tidak beriman itu. Kita tak nak jadi ustaz ataupun mengeluarkan fatwa dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya akur dengan nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau kita nak teruskan perjalanan persidangan petang ini, minta tolonglah duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan yang langsung tidak *responsible*. Daripada seorang Ahli Parlimen ditujukan kepada rakyat Malaysia, itu satu penghinaan untuk negara ini dan Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya minta dia tarik balik!

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya ulas?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini penghinaan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh saya ulas? Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya ulas, saya boleh ulas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan mengeruhkan keadaan lagi Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Minta dia tarik balik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya akur dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua. Dalam mencapai wawasan 2020 Tuan Yang di-Pertua, saya terus merujuk kepada...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak ada tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Mana mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa, apa Yang Berhormat sebut tadi?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Apa Yang Berhormat sebut?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya baca sekali lagi. Saya yakin, saya ulang sekali lagi ucapan saya. Saya yakin Barisan Nasional akan terus membangunkan negara berasaskan kepada realiti dan fantasi. Hanya orang yang tidak beriman sahaja yang menafikan segala pengorbanan Kerajaan BN. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Takkanlah salah?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Siapa yang tidak syukur. Ayat tadi tidak langsung kena Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat [*Dewan riuh*]

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: [*Bangun*]

Tuan Haji Roslan Shahrarum [Bukit Gantang]: [*Bangun*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap dalam Bahasa Tamil*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, semua duduk dulu. Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk dulu. Duduk-duduk dulu semua. Duduk semua Yang Berhormat. Duduk, duduk dulu. Yang Berhormat Pasir Salak, Padang Serai, minta tolong duduk dulu. [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ayat Al-Quran kamu cabar ya?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudahlah. Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduklah, duduk. Yang Berhormat minta tolong duduk. Minta tolong duduk dulu. [*Dewan riuh*]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tarik balik, minta dia tarik balik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ayat Al-Quran dia tak tarik balikkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat apa ni?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menunjukan kepada sesiapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya, saya nak bagi tahu dengan Ledang, kita jangan jadi membuat fatwa di sini Yang Berhormat. Jangan buat fatwa Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Okey, saya akur dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan buat fatwa Yang Berhormat ya. Ini kerana kita kena akurlah kalau kita sebagai Ahli Dewan ini, kita tak boleh buat fatwa.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya akur dengan nasihat Tuan Yang di-Pertua. Dalam mencapai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: 2020 ini, saya merujuk terus kepada Teras Misi Nasional iaitu salah satunya ialah memperkukuhkan institusi pelaksana

tentang syarat-syarat kontrak yang telah pun dibina oleh JKR selama ini. Saya menjurus terus kepada tempoh tanggungan kecacatan ke atas semua projek-projek JKR, projek-projek jabatan yang selama ini dilaksana oleh mereka. Dalam pemerhatian saya, satu perkara yang sangat sukar ialah tentang memperbaiki kecacatan yang berlaku ke atas semua binaan yang dibuat oleh kontraktor sama ada yang diselenggara oleh JKR ataupun jabatan-jabatan lain.

Saya banyak menerima aduan bahawa kerja-kerja dengan izin *repair* ataupun pembaikan lewat dilakukan. Umpamanya jalan yang baru siap tiba-tiba pecah, lambat diambil tindakan dan sebagainya hanya semata-mata kerana JKR ataupun jabatan terpaksa menunggu kontraktor datang untuk membaikinya. Tuan Yang di-Pertua, kelewatan tersebut menyusahkan orang ramai. JKR sendiri ataupun jabatan-jabatan kerajaan lain yang berurusan dengannya tidak boleh datang secara tiba-tiba di tapak pembinaan mengambil alih kerja kontraktor kerana terikat dengan syarat-syarat kontrak di mana hanya setelah kontraktor-kontraktor berkenaan diberikan beberapa amaran, diberikan notis dan tamat kerja. Barulah JKR ataupun jabatan lain boleh melantik kontraktor lain untuk membaiki kerosakan tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja menfokus perkara ini supaya kandungan syarat-syarat kontrak JKR yang selama ini digunakan hendaklah dinaikkan taraf dan diperhalusi supaya kerja-kerja membaiki ke atas kerosakan yang berlaku, ke atas segala binaan dapat dibaiki dengan segera. Samalah dengan bumbung bocor, bangunan Parlimen bocor dan sebagainya. Adakah kontraktor berupaya dipanggil dan mereka membaikinya dengan segera? Atau kita terpaksa mencari kontraktor lain sedangkan kita faham JKR juga terikat dengan syarat-syarat kontrak yang kepada saya perlu dibaiki semula.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [*Bangun*]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam menaikkan taraf syarat-syarat kontraktor tersebut, saya kira perlu juga disenaraikan dan ditentukan jenis dan bidang kerja, kecacatan yang lebih halus. Yang lebih tepat supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Peraturan mesyuarat mana Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: 26(1)(p). Itu berhubung dengan hak dan kebebasan, berhubung dengan ucapan Yang Berhormat Ledang tadi yang memesong Dewan ini bahawa DAP merobohkan gerai Melayu di Muar dan tidak dapat membuktikan apabila dicabar oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dan saya rasa beliau perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, sebab dia tak dapat nafi, tidak dapat bukti apa yang beliau sebut tadi. Itu satu fitnah dan dusta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya sokong ini, kita ada hak keistimewaan, jangan salah guna kuasa seperti Yang Berhormat Ledang. Buat tuduhan fitnah di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat. Saya banyak mendengar ucapan dalam Dewan ini. Jadi fakta-fakta tu memang saya fikir kadang-kadang yang betul ada yang kurang tepat. Jadi Yang Berhormat Ledang, cuba cari fakta-fakta yang betul berucap selepas ini. Yang ini saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Perlu satu keputusan mahu undi *refer* tak *refer*. Tentu mereka kalah, tidak cukup undi-undi, sini akan menang. Rujuk Yang Berhormat Ledang ke Jawatankuasa Hak Keistimewaan. *Come to our vote you loose*. Satu keputusan dibuat perlu satu usul diundi.

■ 1510

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Ledang...

Beberapa Ahli Pembangkang: Tarik balik, tarik balik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya berharaplah Yang Berhormat bagi Ledang peka dengan ketepatan dan keterperincian dalam segala-gala butiran yang disebutkan. Jadi saya berharap apa yang telah disebutkan itu saya hendak kemudian ini diperbetulkan. Yang ini kita ke belakang dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia tidak tarik balikkah?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tarik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan tarik balik kerana saya ada fakta, tetapi kalau saya hendak sebut di sini saya terpaksa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kerana ini fakta Yang Berhormat, ini dibangkitkan daripada fakta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau dia ada fakta rujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan. *[Tepuk]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tentukan sama ada dia berbohong

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau kita setiap kali berbahas di sini, kalau kita ada satu fakta yang kurang tepat, semua *under referred*. Mungkin semua kita kena *refer* Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya *explain*. Saya terpaksa terangkan dalam masa satu jam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu jam pergi ke Jawatankuasa Hak Keistimewaan. Satu jam di sana, bukan di sini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya hanya tetapi saya tidak akan tarik balik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau hendak bercakap dalam Dewan ini, mesti ada fakta yang cukup Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada fakta, saya tidak akan tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Kalau begitu, saya mohon Tuan Yang di-Pertua untuk mengundikan usul yang saya bawa sebab dia tidak tarik balik. [*Tepuk*] Dia masih tegas dengan fakta yang diberikan.

Beberapa Ahli Pembangkang: Undi, undi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Ledang...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Jelutong. Saya minta kita harus meminta satu penentuan dan penentuan itu harus dibuat undi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah buat kepada penentuan, tidak payah *refer* kepada *Select Committee of Privilege* Yang Berhormat. Hanya saya peringatan kepada Yang Berhormat bagi Ledang jangan menggunakan fakta yang kurang tepat. Itu sahaja, sudah diberi.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Dia masih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi sila Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh perkara-perkara yang perlu disenaraikan secara halus ialah, struktur yang retak. Sama ada retak itu besar atau kecil, tentang jalan yang pecah, tentang bumbung bocor, tentang... dan sebagainya. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya juga ada satu unit atau satu jabatan yang menyelenggarakan semua aset kerajaan kerana saya yakin hanya dengan penyelenggaraan aset-aset kerajaan yang sistematik sahaja akan dapat memanjangkan usia aset untuk jimat *cost* kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat telah habis.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ... *cost prepare...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Ledang, masa...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: bagi satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tolong Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya? Satu minit sahaja. Sekiranya *cost repair* dibuat secara *ad hoc* dengan izin, sudah pastilah *cost* tersebut akan bertambah tinggi dan akan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung *cost* yang banyak di dalam menguruskan harta kerajaan. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

3.13 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, bismillahirrahmannirahim. Saya ucapkan terima kasih kerana peluang diberikan untuk turut membahaskan ucapan Titah Ke bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan saya hendak ucapkan tahniah kepada kawan-kawan di sebelah sana khususnya kepada ahli UMNO selamat hari jadi UMNO yang ke-62. Cuma sebagai peringatan saya kepada kawan-kawan apabila umur UMNO sudah 62 ini, supaya kepimpinan UMNO jadilah orang tua dalam hendak menguruskan, hendak mengendalikan persoalan pembinaan, dan pembangunan masyarakat dan negara kita. Kita tidak boleh jadi orang tua yang panas baran.

Tetapi kita jadi orang tua yang banyak penyabar yang banyak untuk cari jalan untuk jalan penyelesaian kepada krisis-krisis yang berlaku dalam negara kita. Bukannya kita hendak menghangatkan lagi suasana yang akan akhirnya menimbulkan suasana porak-peranda dalam negara kita. Saya menyentuh ini kerana apa yang saya lihat bahawa akhir-akhir ini saya lihat UMNO yang diberikan tugas tanggungjawab untuk menerajui kepimpinan kerajaan negara kita ini, tidak bertindak seperti mana orang tua yang penuh dengan pengalaman dan kematangan dalam berfikir dalam mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan apatah lagi dalam beberapa peristiwa krisis yang berlaku selepas daripada pilihan raya.

Kita lihat bahawa beberapa kenyataan yang dibuat umpamanya pelantikan JKK dilantik semula untuk diletakkan di bawah Kerajaan Persekutuan. Saya kira bahawa ini menggambarkan tindakan panas baran daripada kepimpinan kerajaan yang memerintah

dalam negara kita pada hari ini. Sebab bagi saya bahawa ini seolah-olahnya tidak menghormati keputusan pilihan raya yang telah pun dibuat oleh rakyat dalam lima negeri yang diperintah oleh kerajaan di bawah Pakatan Rakyat ini. Saya kira juga bahawa beberapa perkara lain termasuk walaupun perkara JKK ini satu benda yang kecil, tetapi saya melihat bahawa seolah-olah kerajaan tidak bersedia untuk menerima secara terbuka keputusan yang telah dibuat oleh rakyat.

Begitu juga dengan peristiwa sejak daripada tahun 1990 Kerajaan Kelantan dinafikan kemudian peristiwa perampasan royalti minyak sewaktu kerajaan memerintah sebelum ini, ini menggambarkan tidak ada kesediaan untuk mereka. Begitu juga dengan beberapa kenyataan yang pernah dibuat selepas 1999 ada doktor-doktor, peguam-peguam yang menjadi panel kepada agensi-agensi kerajaan yang dinafikan hak mereka kerana didapati mereka menyokong pembangkang pada waktu itu.

Jadi saya lihat bahawa ini menggambarkan ketiadaan kematangan dan menggambarkan langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan menunjukkan bahawa mereka tidak boleh terima keputusan pilihan yang dibuat oleh rakyat, tidak boleh terima kekalahan yang telah pun dilakukan oleh rakyat dalam pilihan raya baru-baru. Begitu juga bagi saya bahawa, apa yang berlaku pada akhir-akhir ini, khususnya, cara dan pengendalian yang dibuat oleh kepimpinan negara dalam menguruskan sesuatu perkara itu tidak menggambarkan kecermatan dalam mengambil tindakan. Umpamanya kes yang berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Saya minat maaf, saya terpaksa sebut perkara ini walaupun saya tidak begitu setuju dengan cara tindakan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, tetapi saya menggambarkan bahawa apa yang dikendalikan oleh kerajaan tidak menggambarkan kejujuran dan keikhlasan mereka dalam hendak mengendalikan persoalan-persoalan seperti ini. Sebab bagi saya bahawa sepatutnya apa salahnya kalau mereka boleh berunding, bertanya secara jujur kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor? Sebab saya mempersoalkan jujurkah UMNO kononnya mengatakan bahawa mereka hendak melindungi Institusi Raja-raja Melayu. Ikhhlaskah UMNO mengatakan bahawa mereka hendak melindungi Institusi Raja-raja Melayu?

Sedangkan rakyat tidak boleh melupakan peristiwa bagaimana krisis perlembagaan beberapa tahun yang dahulu, bagaimana kepimpinan UMNO yang buat *road show* seluruh negara membogelkan Raja-raja Melayu di hadapan di khalayak ramai? Menelanjangkan Raja-raja Melayu hanya kerana satu insiden yang berlaku di selatan tanah air. Sebab tiba-tiba pada hari ini, mereka cuba hendak menggambarkan kepada orang Melayu, kepada rakyat kononnya mereka hendak melindungi Institusi Raja-raja Melayu. Sebab itu saya melihat bahawa isu ini tidak boleh dikendalikan dalam bentuk yang sebegitu rupa yang akhirnya kita lihat bahawa UMNO cuba menghangatkan

suasana ini untuk menimbulkan satu keadaan yang boleh menyebabkan porak-peranda di kalangan hubungan antara kaum dalam negara kita.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi bagi bahawa saya tidak menggambarkan niat yang sebenar daripada UMNO.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ringkas, jangan ambil masa saya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Cuma penjelasan, iaitu soalnya di sini sekarang ialah apabila keputusan sudah dibuat, kita patuh sahajalah. Tetapi ini apabila keputusan dibuat tidak mahu dipatuhi. Pindaan Krisis Perlembagaan dahulu, apabila Raja kata cukup, dia tidak hendak serah semua, kita terimalah. Tetapi dalam keadaan seperti ini, Raja kata tarik balik, kita ikut sahaja. Tetapi apabila kita buat kenyataan, maka sudah tentulah menunjukkan kita tidak mahu patuh dan ini pun menyebabkan Mursyidul Am PAS kata apa yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tasek Gelugor adalah...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Tasek Gelugor belah itu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, minta maaf adalah derhaka. Dia sebut derhaka.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Begini Tuan Yang di-Pertua, memang kalau keputusan itu telah dibuat, memang kita bersetuju, kita terima. Tetapi peristiwa yang berlaku beberapa tahun dahulu kenapa kita mengendalikan kes itu dalam keadaan belum kita memuktamadkan, tiba-tiba kita membogelkan Raja-raja Melayu.

■1520

Ini krisis yang tidak boleh dilupakan oleh satu sejarah. Peristiwa sebulan yang lalu, tak kan orang hendak lupa.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebulan yang lalu bagaimana Perdana Menteri, saya kira bahawa ini menunjukkan UMNO menjadi guru kebiadaban kepada Raja-raja Melayu. *[Tepuk]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat setuju atau tidak apabila Mursyidul Am kata Yang Berhormat Bukit Gelugor ini adalah derhaka.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat dia tak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya akan bagi jawapan. Sebab itu saya katakan bahawa kalau dikatakan Yang Berhormat Bukit Gelugor derhaka kepada Raja, guru derhakanya ialah Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin UMNO [*Tepuk*]

Saya minta maaf kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor, bukan saya hendak menyelar dia tetapi kalau hendak dikatakan Yang Berhormat Bukit Gelugor derhaka, biadab kepada Raja-raja Melayu, gurunya adalah Perdana Menteri. Sebulan yang lepas, tak kan kita hendak lupa. Tak kan Yang Berhormat Batu Pahat hendak lupa.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pokok Sena, minta laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Marilah jujur dan ikhlas kepada Raja-raja Melayu, jangan kita hanya berpura-pura 'mengangkat' Raja-raja Melayu tetapi hakikat sebenarnya kita cuba jadikan isu ini untuk kepentingan politik UMNO dan Barisan Nasional. [*Tepuk*]Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Satu perkara lagi saya hendak sebut ialah dalam isu ini ialah dalam masa yang sama sekarang ini, minta maaf.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Minta laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bukan saya tak nak layan, tetapi kalau masa saya ada, saya bagi. Sama ada kita sedar ataupun tidak, kerajaan telah pun mengambil, sekarang ini sedang mengambil, merampas secara tidak langsungnya kuasa Raja-raja Melayu yang bertanggungjawab terhadap perihal soal agama Islam di peringkat negeri-negeri.

Sekarang kerajaan telah pun menubuhkan apa yang dinamakan Perbadanan Halal, HDC iaitu untuk mengambil tanggungjawab persijilan halal daripada JAKIM. Hakikatnya bahawa selama ini soal halal ini juga di bawah tanggungjawab jabatan dan majlis agama Islam negeri-negeri. Satu rundingan telah dibuat dan persetujuan telah dicapai, pihak negeri bersetuju menyerahkan hanya untuk JAKIM menjadi pengeluar tunggal kepada soal persijilan halal dalam negara kita.

Akan tetapi hari ini, apa yang berlaku kerajaan telah mengumumkan penubuhan apa yang dinamakan Perbadanan Halal tanpa mendapat restu daripada pihak majlis agama Islam atau pun jabatan agama Islam negeri-negeri. Sedangkan selama ini, jabatan agama Islam negeri-negeri, majlis agama Islam negeri-negeri hanya membenarkan memberikan persetujuan dan mandat tersebut hanya kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, kepada JAKIM. Jadi sebab itu bagi saya bahawa ini contoh menunjukkan bagaimana.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Laluan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bahawa bagaimana mereka mengambil, merampas kuasa yang ada kepada Ke Bawah Duli Tuanku Raja-raja Melayu secara yang tidak disedari seperti mana yang berlaku dalam HDC. Isu yang kedua berkaitan dengan HDC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau bangun, hendak bagi?

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Arau.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya juga mempersoalkan betul kah HDC ini sebagai perbadanan, bila akta perbadanan HDC telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena minta laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sama ada dalam sesi yang lepas atau pun bila?

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Pokok Sena, minta laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Setahu saya bahawa tidak ada satu akta perbadanan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong, minta laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi sebab itu saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan dalam penubuhan HDC ini, apakah status HDC? Betulkah ianya merupakan perbadanan yang digubal melalui satu penggubalan akta atau pun ia merupakan sebuah syarikat, sama ada syarikat GLC dan sebagainya? Jadi saya minta penjelasan kerana saya bimbang bahawa satu hari nanti bahawa keadaan yang tidak dapat dikawal yang menyebabkan imej pensijilan halal Malaysia itu akan terjejas. Yang ketiganya...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sekali lagi Yang Berhormat minta penjelasan sebab saya rasa saya tahu sedikit fasal HDC ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Sebenarnya HDC ini sebuah syarikat kerajaan dan soal logo halal ini dia masih di bawah kawalan jabatan agama Islam negeri dan JAKIM kerana dalam empat halal yang dicadangkan oleh pihak kerajaan yang sekarang ini masih belum dilaksanakan di mana-mana negeri pun. Ianya baru dalam peringkat cadangan di tempatkan JAKIM dan juga majlis-majlis agama Islam negeri-negeri. Bermakna kata, *certified* itu mesti daripada Jabatan Agama Islam dan juga daripada JAKIM jadi bukan dia memegang status halal itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak mengapalah, saya minta kerajaanlah yang jawab kepada saya. Yang ini Yang Berhormat fasal Perlis tiada menteri kot. Tapi saya minta kerajaan harus menjelaskan kepada saya.

Saya ada beberapa *argument*, pertama sekali kenapa peruntukan kelulusan itu telah kita beri sebanyak RM30 juta kepada HDC sedangkan JAKIM sendiri sudah pun mempunyai standardnya, menggubal satu standard ISO Malaysia bagi pensijilan halal Malaysia. Adakah kita tidak mengiktiraf kebolehan pegawai-pegawai yang ada di JAKIM? Walaupun ada banyak perkara-perkara yang saya tidak bersetuju dengan pihak JAKIM dan sebagainya, tetapi dalam hal ini saya lihat ada persoalan yang cuba disembunyikan oleh pihak kerajaan dan saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan sendiri.

Yang ketiganya isu yang berkaitan dengan soal keselamatan pemakanan dalam negara kita yang sekali lagi saya ingin membangkitkan isu ini. Ini kerana saya melihat bahawa penyelesaian-penyelesaian yang cuba dikemukakan oleh pihak kerajaan tidak menampakkan satu penyelesaian yang konkrit.

Kita hanya mungkin menyelesaikan permasalahan dari sudut bekalan beras dalam negara kita tetapi kita tidak cari penyelesaian untuk hendak mengelak daripada masalah kenaikan harga beras yang melambung naik dan boleh kata berlaku dalam tempoh tiga empat hari sekali berubah harga-harga beras yang tidak dikawal oleh pihak kerajaan ini.

Jadi sebab itu saya minta pertamanya yang saya hendak minta penjelasan ialah dari segi bagaimana dengan *stockpile* sewaktu peralihan daripada LPN kepada BERNAS satu ketika dahulu. Saya ada maklumat menunjukkan bahawa *stockpile* sewaktu peralihan pada tahun 1994 kalau tidak silap saya, nilai *stockpile* itu ialah RM400 juta. Nilai *stockpile* yang dipindahkan daripada LPN kepada BERNAS. Maksudnya kalau dengan harga beras sekarang ini lebih kurang 200,000 tan, lebih kurangnya.

Persoalannya sekarang ini sepatutnya dengan nilai *stockpile* yang ditinggal oleh LPN pada tahun 1994 dulu sepatutnya itulah *stockpile* yang masih wujud, masih ada

dalam negara kita sekarang ini. *Stockpile* ini maknanya selepas tiga bulan, yang baru masuk dia kena keluar yang lama itu sepatutnya nilai *stockpile*. Sepatutnya ada dengan jumlah 200,000 tan tetapi apa yang kita lihat pada hari ini kita berhadapan dengan krisis kerana kita sudah tidak mencukupi bekalan untuk tempoh tiga bulan sahaja.

Jadi saya minta kerajaan untuk memperjelaskan secara *details* tentang waktu peralihan daripada LPN kepada Bernas, soal *stockpile* yang bernilai RM400 juta.

Kemudian apa yang berlaku pada hari ini kerajaan nampaknya macam tidak membuat satu kawal selia yang teliti walaupun kita ada pihak kawal selia padi umpamanya tetapi tidak ada penelitian untuk memastikan bahawa tidak ada perubahan gred beras di pertengahan jalan. Saya percaya rakan saya Yang Berhormat Arau mungkin dia tahu ada sindiket-sindiket yang mengubah gred beras. Gred beras ini yang katalah dia mendapat daripada BERNAS induk itu, beras yang gred 15% hancur tempatan. Namun apa yang berlaku pada hari ini daripada *spot check* yang saya buat di kilang-kilang termasuk kilang-kilang yang merupakan anak syarikat BERNAS dan syarikat bersekutu BERNAS, senarainya ada dengan Yang Berhormat Arau.

Sebahagian daripada mereka juga pemborong-pemborong swasta ini. Mereka telah menukar gred beras ini sehingga menyebabkan mereka telah berjaya untuk mendapat keuntungan yang lebih. Mereka balik mereka buka balik guni tersebut, mereka tapis daripada 15% hancur itu dia tinggal hanya 10%, saya kira 5% hancur. Jadi beras yang hancur 10% itu dia asingkan lalu beras ini, harga ini sudah tidak dikawal. Yang tinggal 5% hancur ini, dia beli daripada kilang RM1.30 satu kilo tapi bila dia tukar gred, dia tapis tinggal 5% sahaja hancur dia boleh jual RM3 satu kilo.

Kemudian ada lagi 5% beras hancur, dia boleh jual RM1.80 untuk pengilang-pengilang bihun untuk buat mihun. Jadi inilah yang menyebabkan kita lihat bahawa beras 15% hancur ini tidak mencukupi dalam pasaran.

Hujah Menteri Pertanian, saya ucap takziah atas kematian Allahyarham ayah kepada Menteri Pertanian. Namun apa yang saya hendak katakan bahawa hujah Menteri Pertanian dalam jawapan terhadap usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kubang Kerian ialah hujah tidak tepat menyatakan bahawa kekurangan beras 15% itu disebabkan oleh permintaan yang terlalu banyak.

■1530

Orang yang dulu, mungkin Yang Berhormat Arau dahulu makan beras 5%, sekarang dia turun makan beras 15%. Ini tidak betul. Oleh sebab itu kita minta bahawa, apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan kerajaan untuk memastikan perubahan gred ini tidak boleh berlaku. Jadi sebab itu saya minta penjelasan itu untuk memastikan supaya keadaan ini dapat memberikan jaminan perlindungan kepada pengguna

khususnya dari golongan pertengahan dan juga bawahan, golongan yang susah miskin dalam negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi sebab itu, kita harus melihat soal isu keselamatan pemakanan ini sebagai isu yang utama. Kerajaan tak boleh fikir soal isu keselamatan politik sahaja. Bila keselamatan politik terjejas, tangkap orang bawa ke ISA. Itu sahaja keselamatan, tetapi bila orang tak makan dia tak fikir, tak selamat. Bagi saya bila orang lapar, rusuhan boleh berlaku. Kalau orang perut lapar. Macam rakan-rakan, bila sudah tertekan, tak adil kepada Sabah, rakan-rakan kita mula bangkit dengan ucapan-ucapan yang berani.

Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Kalabakan, Kimanis, kerana mereka tidak meletakkan diri mereka sebagai gajah sarkas. Mereka tidak ikut tauke. Kalau gajah sarkas ini dia ikut tauke dia. Tauke angkat kaki, dia angkat kaki. Tauke suruh duduk, duduk. Tauke suruh apa pun, goyang apa pun dia goyang. Itu gajah sarkas. Kalau tauke suruh buat repot polis, dia repot polis. *[Ketawa]*

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kimanis bangun Yang Berhormat.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bersetuju, bahawa apa Yang Berhormat katakan juga ada berlaku pada pihak Yang Berhormat? Setuju tidak? Sarkas-sarkas Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kita berani untuk mengkritik sesama kita. Oleh sebab itu, saya berani menyebut bahawa saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Betul Yang Berhormat Bukit Gelugor? Saya terbuka dan Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh terima pendapat saya, pandangan saya kerana kita boleh berbincang dalam apa-apa perkara tertentu. Kita boleh berbincang.

Kita bukan hendak mengapi-apikan isu yang boleh menghangatkan, yang boleh menimbulkan keadaan yang tidak baik, tetapi kalau dalam BN, ini gajah sarkas. Tauke kata pergi buat repot. Tauke kata buat pertunjukan di balai polis ini. Buat apa buat pertunjukan di balai polis. Jadi payah. *[Ketawa]*

Jadi, yang keempatnya yang saya hendak bangkit bahawa, walaupun banyak hal berkaitan dengan soal beras ini, saya akan minta penjelasan dan saya akan minta menteri jawab.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya?

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sikit sahaja. Sikit.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sikit, sikit habislah. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua bagi masa tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar tentang keselamatan makanan ini di Kedah. Di Kedah sekarang ini tempat kita hendak beli beras pun kena tunjuk IC dah. Dah tidak macam dulu lagi.

Ini berat kalau beli beras pun sampai kena tunjuk kad pengenalan. *[Ketawa]* Serupa hendak masuk lepas sempadan ini. Bagi saya bahawa kerajaan kena serius untuk melihat perkara-perkara ini. Kalau kakitangan kawal selia padi tidak cukup, dia kena tambah kakitangan. Dia kena tambah kakitangan. Soalnya tadi saya katakan bahawa, kilang-kilang yang menjadi anak syarikat dan syarikat bersekutu beras sendiri yang terlibat dalam kes yang seperti ini. Oleh sebab itu, saya katakan bahawa tindakan kerajaan baru hendak mengkaji keberkesanan BERNAS dalam menunaikan tanggungjawab dalam menguruskan soal beras dan padi dalam negara kita, baru hendak dibuat. Padahal, tamat tempohnya tahun 2007. 15 tahun tempoh hak BERNAS untuk import padi dan sebagainya telah tamat pada tahun 2007. Sepatutnya sebelum tamat, sebelum kita hendak sambung semula, kita kena buat kajian keberkesanannya. Namun selepas dah disambung, selepas itu sudah disambung baru hendak buat kajian. Ini saya kata, dia terbalik kot?

Ini saya kata payah maknanya, pasal kita tak bertindak sebagai orang tua cerdik, yang matang. Jadi sebab itu saya minta kerajaan harus membuat satu penyelesaian yang serius dalam soal ini.

Keempatnya ialah isu yang berkaitan dengan projek, runding terus ini Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat bahawa, apakah kerajaan selama-lamanya untuk hendak menggunakan dan mengekalkan projek runding terus ini yang telah ternyata gagal dari segi kerugian besar kepada negara kita.

Keduanya ialah kerajaan sendiri pun tidak mengikut syarat-syarat yang telah dibuat oleh pihak kerajaan. Umpamanya Projek Istana Negara. Walaupun telah disebut dalam sidang yang lalu, tetapi kerana waktu itu saya tidak ada. Saya tidak ada. Saya hendak minta penjelasan lagi sekali daripada pihak kerajaan. Kenapa diberikan kepada Syarikat Maya Maju ini yang pada waktu itu, sekarang saya tidak tahu tetapi pada waktu itu, dia diluluskan, diberikan hak kontrak untuk membuat Istana Negara.

Syarikat ini tidak pun berdaftar dengan PKK (Pusat Khidmat Kontraktor). Apa yang jelasnya, dia pada waktu itu tidak berdaftar dengan PKK dan tidak ada dalam senarai kontraktor kelas A dan dia juga tidak berdaftar dengan satu lagi badan bawah...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa dia?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: CIDB ya? CIDB, pun tidak berdaftar di bawah CIDB. Jadi sebab itu saya hendak katakan kenapa kerajaan sering melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan? Sebarang projek kerajaan mestilah kontrak itu kontraktor yang berdaftar dengan PKK dan juga dengan CIDB. Namun dalam isu Istana ini kita telah memberikan projek itu kepada kontraktor yang tidak berdaftar dengan PKK.

Jadi bagi saya seolah-olahnya kerajaan beri kepada kontraktor yang tidak ada pengalaman, yang tidak ada keupayaan, yang sudah tentu boleh menjejaskan keselamatan ke bawah Duli Yang di-Pertuan Agong yang akan menginap, yang akan duduk di istana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini bukan kita buat reban ayam. Boleh pakai kayu kasah dan sebagainya. Jadi kita boleh beri kepada siapa yang boleh buat kontrak. Ini kita hendak buat Istana Negara untuk Ketua Negara iaitu Yang di-Pertuan Agong. Sedangkan Barisan Nasional kata hendak melindungi Institusi Yang di-Pertuan Agong, tetapi beri kontraktor-kontraktor yang tidak berdaftar macam mana? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi saya minta penjelasan itu daripada pihak kerajaan untuk memastikan supaya hal-hal yang saya bangkitkan itu dapat diberikan perhatian. Akhir sekali yang saya hendak sebut dalam penggulungan ini ialah kerajaan telah menetapkan satu polisi untuk menggantikan konsep payung. Iaitu semua projek-projek kelas A, syaratnya 10% harus diberikan kepada kontraktor-kontraktor kelas F.

Saya minta penjelasan, apakah mekanisme yang dipakai? Adakah mekanisme yang dipakai iaitu kontraktor yang dapat projek tersebut yang akan menamakan mana-mana kontraktor kelas F untuk melaksanakan 10% daripada nilai projek tersebut ataupun kementerian sendiri yang meletakkan nama-nama senarai kontraktor kelas F? Jikalau kerajaan sendiri yang meletakkan nama-nama kontraktor kelas F ini, bagi saya, saya hendak minta penjelasan apakah tujuan kementerian meletakkan nama-nama kontraktor kelas F itu untuk sebagai syarat Aku Janji bagi kontrak kelas A itu dapat projek. Jadi saya minta, apakah tujuan kerajaan meletakkan syarat-syarat seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ada lagi 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habis masa dah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Habis dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habis dah.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran.

3.37ptg.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam Perbahasan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tanggal 29 April 2008. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa hanya singkat, saya ingin hanya menyentuh satu-dua perkara yang penting untuk memenuhi kehendak masa yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Pilihan Raya Ke-12 telah mewujudkan satu *political landscape* dengan izin, baru, belum pernah berlaku kepada negara Malaysia sejak merdeka. Realiti ini memerlukan satu *mindset* yang baru dan memerlukan pendekatan yang praktikal dan juga realistik. Lalu Pilihan Raya itu, rakyat telah menyuarakan dengan begitu jelas bahawa mereka mahu terlibat langsung, *direct participation* dalam menentukan masa mereka untuk proses demokrasi.

Keputusan rakyat itu harus kita hormati dengan sepenuhnya. Selepas Merdeka 50 tahun rakyat kini sudah mencapai tahap kematangan politik yang unggul dan membawa kancah politik negara ke mercu yang setimpal dengan demokrasi tua seperti Eropah dan juga Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini adalah satu titik tolak dan hanya maju ke depan dan tidak akan mundur ke belakang lagi. Dengan izin, *this will only move forward and there will be no turning back*. Hakikat ini mesti kita terima dan tidak harus ada lagi mana-mana yang dikenali sebagai *escape goat*. Terdengar suara-suara yang mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan jawatan. Seolah-olah mempersalahkan hanya beliau seorang sahaja yang bertanggungjawab ke atas apa yang telah terjadi. Apa yang aneh ialah suara-suara ini datangnya dari pihak BN atau Barisan Nasional dan bukannya daripada pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dan saya percaya ramai rakyat dari Sabah berpendapat bahawa kekalahan Barisan Nasional di beberapa negeri dan juga kawasan-kawasan Parlimen adalah disebabkan oleh banyak faktor. Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri juga telah mewarisi sistem dari pentadbiran yang lalu yang mana tidak mungkin dapat diperbaiki dalam tempoh lima tahun.

■1540

Unsur-unsur yang kadang-kadang timbul seperti ekstremisme dari segi agama dan perkauman. Tidak sensitif kepada agama dan kaum lain, *political hegemony*, sikap angkuh, tanggapan terhadap ketidakadilan, penagihan peluang-peluang adalah di antara penyebab kekalahan Barisan Nasional di beberapa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional telah memenangi pilihan raya peringkat Parlimen, walaupun Barisan Nasional tidak memperoleh dua pertiga majoriti, tetapi dengan jumlah 140 kerusi yang ditanding ialah satu kemenangan yang besar mengikut standard antarabangsa. Menang satu kerusi pun, menang juga. Parti PAS pernah memperoleh hanya satu kerusi majoriti di Kelantan, tetapi mereka terus memerintah negeri itu.

Oleh yang demikian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah diberi peluang untuk memimpin Kerajaan Malaysia. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini, di mana negara kita sama-sama menghadapi krisis makanan. Masalah ini Tuan Yang di-Pertua adalah masalah semua dan tanggungjawab untuk menangani adalah tanggungjawab bersama, sama ada pihak kerajaan atau pun pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang diperuntukkan agak terhad, saya hanya mahu menyentuh satu dua perkara yang saya rasa sangat penting khususnya bagi negeri Sabah. Rakyat Sabah telah menjelaskan pilihan mereka dalam pilihan raya baru-baru ini, yang mana mereka telah memutuskan untuk menyokong Barisan Nasional walaupun pemimpin pembangkang khususnya Penasihat PKR melawat Sabah kerap kali sebelum dan semasa pilihan raya, dengan tawaran kepada rakyat Sabah yang sungguh menarik seperti Timbalan Perdana Menteri Kedua, royalti minyak 20 peratus dan membenarkan rakyat Sabah menentukan siapa Ketua Menteri mereka. Walaupun semua ini rakyat Sabah terus memilih Barisan Nasional dengan harapan Kerajaan Barisan Nasional akan membantu membangunkan Sabah yang masih jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha membangunkan Sabah sudah tentunya menghadapi banyak masalah yang besar, tetapi masalah yang terbesar dengan izin, *the mother of all problems* di Sabah ialah masalah pendatang haram, yang mana telah disentuh oleh Yang Berhormat daripada Kalabakan tadi. Saya ingin menyokong saranan beliau dan juga ingin menyentuh beberapa masalah yang berkaitan dengan isu pendatang haram dan kad pengenalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kimanis bangun Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Sila.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada negeri Sabah telah pun terbenam oleh isu Ahli-ahli Parlimen konon-kononnya akan melompat, sedangkan kita menyuarakan hasrat dan aspirasi rakyat Sabah. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat supaya tuduhan-tuduhan seumpama ini diberhentikan dan supaya Ahli-ahli Parlimen daripada negeri Sabah tidak lagi dihina lagi. Terima kasih.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita duduk di Dewan yang mulia ini berbekalkan kepada harapan dan juga kepercayaan daripada rakyat yang telah mengundi kepada kita. Saya rasa kita mempunyai kebebasan untuk bersuara, kerana di belakang kita itu adalah beribu-ribu rakyat yang telah meletakkan kepercayaan kepada kita. Apabila kita menyuarakan pendapat di Dewan ini saya percaya dan saya harap kita di sini tidak menuduh bahawa kita ini melompat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah sangat kecewa kerana walaupun rakyat Sabah beberapa lama, bertahun-tahun memohon agar menyelesaikan masalah pendatang haram ini. Namun masalah ini terus-menerus, disapu di bawah permaidani ataupun *swept under the carpet*.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus memberi penjelasan kepada rakyat bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh Malaysia. Kenapakah Jabatan Pendaftaran Negara tidak mahu hadir untuk berdepan dengan *Parliamentary Select Committee On Integrity*, yang memanggil mereka untuk menerangkan mengenai dengan isu pengeluaran kad palsu di Sabah pada tanggal 15 Mei 2007. Ini adalah bertentangan dengan ikrar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pernah berkata mengenai dengan isu ini yang berbunyi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *"We do not want to pretend and say that everything is okay. We do not want to be the state of denial, tell the truth even if it is painful."* Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini tersiar dalam *The New Straits Times* pada tanggal 17 Oktober tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapakah ikrar Perdana Menteri ini tidak dipatuhi oleh pihak tertentu. Sampai bilakah masalah ini akan ditangani oleh kerajaan. Adakah kerajaan ingin melihat Sabah satu hari nanti akan menjadi *de facto* wilayah negara Filipina. Kita harus jangan lupa kerana Filipina masih berpegang kepada tuntutan ke atas negeri Sabah. Rakyat Filipina yang berada di Sabah akan menjadi *the third army* sekiranya berlaku konflik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan di mana begitu ramai rakyat Filipina yang berada di Sabah sekarang ini, saya kira satu hari nanti negara Filipina tidak payah

meneruskan tuntutan ke negeri Sabah kerana rakyat mereka sudah pun berada di dalam negeri Sabah. Satu hari nanti mereka akan menguasai Dewan Negeri Sabah, menguasai negeri Sabah. Saya mengajukan soalan mengenai perkara ini Tuan Yang di-Pertua pada 5 Mei, tetapi jawapan yang diberi Yang Berhormat Menteri adalah stereotaip, "pencegahan, penangkapan dan pengusiran". Akan tetapi semua tindakan ini adalah saya kira *ad hoc* dan tidak mempunyai satu pendekatan yang menyeluruh oleh kerana jumlah yang ditangkap, yang diusir itu begitu kecil bilangannya berbanding dengan kehadiran mereka yang begitu banyak di Sabah.

Pada 22 April 2008 yang lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa seramai 366 pendatang haram dari Pulau Kuraman, Labuan akan ditempatkan ke Inanam Kota Kinabalu dan diberikan IMM13. Mereka yang disebutkan itu bukan pelarian Tuan Yang di-Pertua, tetapi diakui sebagai pendatang haram, *illegal immigrant*. Kad IMM13 hanya diberi kepada pelarian perang di Filipina, kenapa pula sekarang ini pendatang haram ini diberikan IMM13. Apakah sebenarnya dasar kerajaan ke atas isu pendatang haram ini. Sudah sekian lama suara rakyat Malaysia di Sabah meminta penyelesaian tentang masalah ini, tetapi hari ini tidak ada tawaran menyeluruh yang ditawarkan. Kehadiran jumlah ini akan menyebabkan pergolakan sosial di kalangan penduduk setempat. Kenapakah perhatian kerajaan seolah-olah lebih tertumpu kepada orang asing, tetapi kebajikan rakyat sendiri diabaikan?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah meminta agar satu suruhanjaya ditubuh untuk menyelesaikan perkara ini tetapi telah ditolak. Kalau Kerajaan Persekutuan sudah mahu menubuhkan MCAC (*Malaysian Commission on Anti-Corruption*) dan juga suruhanjaya untuk mengkaji Sistem Kehakiman Negara kita, kenapa pula suruhanjaya tidak ditubuh untuk mengkaji dan mencari penyelesaian masalah yang melanda negeri Sabah sedemikian teruk selama ini. Kenapa suara rakyat Malaysia di Sabah ini diketepikan begitu sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masalah pendatang haram ini juga wujud di Semenanjung Malaysia, tetapi dengan jumlah penduduk di sini boleh menampung satu juta atau dua juta, tetapi bagi soal di Sabah kita menghadapi masalah kedudukan di mana ada pekan-pekan dan juga bandar di Sabah ini hampir-hampir *one two one*, satu *local* dan satu *foreigner* dan ada juga keadaan Tuan Yang di-Pertua, di mana orang tempatan takut untuk keluar malam ke pekan oleh kerana kehadiran mereka ini.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa pihak polis dan imigresen memang dari semasa ke semasa membuat tangkapan, membuat operasi dan sebagainya. Akan

tetapi tindakan seperti itu tidaklah memadai, jauh daripada cukup untuk menyelesaikan masalah secara akar umbi pendatang haram dan pengeluaran kad haram kepada mereka ini. Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan negeri...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon penjelasan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Arau bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ya.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuaran. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan kehadiran pendatang asing tanpa izin ini yang begitu ramai, seolah-olah menjadikan terutama di Sabah, bukan sahaja di Tuaran, kita melihat di Tawau terutamanya pada waktu malam, ada hotel yang terpaksa tutup pada pukul 12.00 malam disebabkan takut tindakan-tindakan jenayah yang boleh dilakukan oleh penjenayah ini.

Jadi saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat, iaitu berhubung dengan status pelarian yang diberi oleh UNHCR ini dan juga status pendatang. Apa perbezaan di antara dua perkara ini? Oleh kerana kita bimbang seolah-olah ada agenda tersembunyi yang diatur oleh pihak-pihak tertentu, dengan memasukkan pendatang yang begitu ramai menjadikan negara kita tidak tenteram, ataupun tidak stabil terutamanya dari segi keselamatan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat. Soal statistik dan jumlah ini hanya menteri yang berkenaan yang boleh menjawab, tetapi ada kenyataan dalam media bahawa selama ini hanya 54 ribu keping kad IMM13 yang dikeluarkan. Akan tetapi yang menghairankan ialah kehadiran tidak kurang daripada 600 ribu ataupun 700 ribu yang dianggarkan, yang ada di Sabah.

Kita harus mengerti bahawa istilah pelarian ini adalah bagi mereka yang lari daripada Filipina semasa konflik beberapa tahun yang lalu, tetapi pendatang haram ini yang datang dalam masa yang baru, datang ke Sabah tanpa dokumen pengenalan dan sebagainya. Jadi inilah perbezaannya.

Oleh kerana ketiadaan tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini secara konkrit, secara holistik, maka timbullah buruk sangka di kalangan rakyat bahawa ada pihak-pihak yang tertentu yang mempunyai – bukan semestinya kerajaan tetapi individu – mempunyai program tersendiri di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan Negeri Sabah juga membuat dan melakukan tindakan-tindakan untuk membantu usaha menyelesaikan ini, tetapi Kerajaan Negeri Sabah tidak mampu menyelesaikan ataupun menangani masalah ini, tanpa bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. *There must be political will on the part of the government*, dengan izin, Tuan Speaker. Kalau kita hanya melihat masalah ini sambil

lewa, mendekati masalah ini secara *ad hoc*, sudah tentu masalah ini akan selesai dan kalau ini dibiarkan, Tuan Speaker, mereka ini anak-beranak, beranak pinak di Sabah.

The rate of increase lebih jauh daripada orang tempatan, dan satu hari nanti saya khawatir Sabah ini, akan dikuasai oleh mereka ini secara *reverse takeover*. Ada di antara mereka sudah pun masuk ke senarai pemilih, dalam beberapa pilihan raya yang lalu. Oleh sebab itu kita berpendapat bahawa, hanya penubuhan suruhanjaya diraja sahaja yang boleh menyelesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran pendatang haram dan gejala kad-kad pengenalan sama ada haram atau halal – saya sebut ini sama ada secara haram ataupun halal oleh sebab, banyak siaran dalam media membuktikan bahawa apabila imigresen menyerbu sindiket-sindiket, mereka mendapati ada kad yang haram dan juga ada kad yang halal. Bererti ada pihak-pihak daripada Jabatan Pendaftaran yang terlibat dan juga didapati yang tersiar dalam akhbar tempatan, bahawa memang ada mereka terlibat.

Banyak daripada mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah meresap ke dalam masyarakat dan mereka kadang-kadang mengambil alih peluang-peluang pekerjaan. Ada juga laporan-laporan di mana apabila mereka ini ditegur oleh orang tempatan, mereka dengan berani mengatakan, “Jangan tegur kami kerana tanah ini kami punya, kerana negara kami mempunyai tuntutan di negeri ini.” Sampai begitu tahap keberanian mereka.

Lebih-lebih lagi di mana pekan-pekan tertentu di mana *ratio* dia 1:1, sudah tentu orang tempatan takut seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Memang pada satu ketika dahulu, Kota Kinabalu ini tidak selamat. Jangan kata para pelancong, sedangkan orang tempatan pun takut keluar malam – rompak dan sebagainya adalah terus berkaitan dengan orang pelarian.

Tuan Speaker, izinkan saya menyentuh satu, dua perkara, masalah yang berkaitan dengan gejala ini. Satu ialah masalah politik yang saya katakan tadi, iaitu sudah ramai di kalangan pendatang haram ini telah pun melibatkan diri dalam Sistem Pilihan Raya Negara. Beribu nama mereka telah tersenarai dalam senarai pilihan raya baru-baru ini, dan walaupun Suruhanjaya Pilihan Raya mengatakan bahawa beribu telah dikeluarkan, tetapi masih ada yang tinggal, masih banyak yang mengundi.

Istilah pengundi hantu ini sangat terkenal di negeri Sabah. Kita juga berterima kasih kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana telah berusaha mengeluarkan nama-nama, tetapi masih banyak. Seorang penulis yang dikenali sebagai Mutalib dalam buku tulisan beliau yang bertajuk “Lelaki Malaysia Yang Terakhir”, menyatakan bahawa hasil semakan secara rambang seramai 71,113 orang pemilih adalah orang asing, dan seramai 490 orang adalah pendatang haram dengan kad palsu.

Masalah seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kira-kira gejala ini mencabul kedaulatan negara, iaitu mereka mengambil alih orang tempatan dan juga ada kes-kes, Tuan Yang di-Pertua, di mana kad pengenalan yang dimiliki oleh orang tempatan dicuri, diambil alih. Saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, satu kes yang melibatkan seorang wanita yang bernama Siti Rozita Mustafa berumur 19 tahun. Kad pengenalan beliau telah hilang dan didapati dimiliki oleh seorang orang asing. Beliau telah melaporkan, berjumpa dengan pegawai pendaftaran dan nasihat daripada pegawai pendaftaran itu ialah, "Sila memohon kad pengenalan baru dan biarlah orang yang menculik kad itu terus memegang kad pengenalan itu."

Ini sudah dilaporkan. *This is reported in the mass media.* Apakah erti ini, Tuan Yang di-Pertua? Ini telah mengambil alih hak kita. Mencabul kedaulatan negara kita dan kes ini salah satu sahaja, tetapi banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh gulung, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Saya cuba mencepatkan, Tuan Yang di-Pertua. Jenayah – pihak polis dalam tahun 2003 mengatakan bahawa 75% daripada jenayah di Sabah, adalah disebabkan atau dilakukan oleh pendatang tanpa izin ini. Kes-kes rompakan, mencopet, mengebom ikan, mencuri besi buruk dan baru-baru ini, dua *tower* SESB Tenaga Nasional, telah jatuh kerana nat-nat yang dicuri oleh pendatang tanpa izin dan melibatkan kematian, tutup-tutup longkang, gril jalan raya semuanya dikebas oleh mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita hanya perlu untuk tinggal di Sabah buat beberapa ketika, untuk menghayati masalah ini. Kalau kita duduk di sini dan hanya membaca surat khabar, melihat televisyen dan sebagainya, kita tidak mengerti, tetapi kami di Sabah ini berdepan siang hari 48 jam, bukan 24 jam, 48 jam berdepan dengan masalah ini.

Kesihatan – 90% dadah di Sabah ini datang dari Filipina dibawa oleh pendatang tanpa izin. Hospital di Sabah adalah antara hospital yang mengandungi pesakit asing yang tertinggi di Malaysia, dan dilaporkan bahawa tiga daripada empat katil hospital di Sabah adalah digunakan oleh pendatang tanpa izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, cukup, Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Mereka juga membawa penyakit dari luar, mencero bohi tanah hak bumiputera di Sabah dan 60% daripada kuota bumiputera di UiTM, dilaporkan telah diambil oleh pendatang tanpa izin.

■1600

Mereka juga menuntut SOCSO menggunakan kad palsu dan ada juga yang berkahwin, selepas beberapa orang anak mereka tinggalkan isteri. Ramai ibu tunggal di Sabah ini yang ditinggalkan oleh pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi beberapa perkara. Izinkan saya. Akhirnya, kita telah banyak membincangkan tentang keperluan pembangunan dan keperluan untuk membangun, namun ada juga pengumuman kerajaan untuk menghantar angkasawan kedua ke angkasa lepas yang memerlukan berpuluh juta. Saya menutup hujah saya dengan mengatakan bahawa saya sama sekali tidak bersetuju untuk membelanjakan wang bagi menghantar angkasawan ke angkasa lepas. Biarlah wang itu digunakan untuk membantu negeri-negeri yang kurang maju di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Inilah ungkapan yang selalu dikatakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap *Royal Commission* ini ditubuhkan dengan segera. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

4.01 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, apabila Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong dibentangkan oleh Yang Berhormat daripada Pulaui, saya ada menanyakan dia siapakah yang menyediakan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong. Adakah kerajaan atau pihak-pihak lain tetapi tidak ada apa-apa jawapan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Pulaui. Apa yang terjadi ekoran daripada itu adalah beberapa pertuduhan yang ada dilemparkan kepada saya iaitu saya derhaka kepada Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya pada hari itu ialah untuk mendapat tahu siapa yang menyediakan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong adalah untuk mengkritik siapa yang menyediakan ucapan itu kerana dalam ucapan itu tidak ada apa-apa mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri di atas kekalahan Barisan Nasional yang kalah teruk dalam pilihan raya baru-baru ini. Saya ada hak untuk menanyakan soal itu. Dalam fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa yang saya buat dalam Dewan yang mulia ini yang melanggar mana-mana undang-undang.

Dua puluh laporan polis telah dibuat terhadap saya mengenai isu Sultan Perak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengarahkan Setiausaha Agung baru UMNO untuk membuat laporan polis. Siapa Setiausaha Agung ini, Tuan Yang di-Pertua? Apa kredibiliti Ahli Yang Berhormat dari Putrajaya? Orang ini tidak ada apa-apa kredibiliti. Baru-baru ini dalam laporan yang ada dibuat oleh *The Royal Commission of Enquiry* bagi *The Lingam Tape* adalah diputuskan. Antara lain, Yang Berhormat

Putrajaya adalah orang tengah dengan Lingam untuk melantik dan bagi apa-apa yang lain mengenai hakim-hakim dalam negara ini seperti kenaikan pangkat dan sebagainya. Dia harus dituduh di mahkamah kerana apa yang dibuat olehnya tidak mengikut undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya bagi *caution* terhadap perkara 36(9), jangan sentuh sifat Ahli Yang Berhormat lain dalam Dewan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah berdasarkan dengan faktor kerana dalam laporan itu peranan dia dengan Lingam untuk melantik dan menaikkan pangkat hakim-hakim secara tidak halal. Itu peranan dia, Tuan Yang di-Pertua.

Saya beralih kepada apa yang penting. Ini adalah mengenai dua puluh laporan yang ada dibuat terhadap saya. Barangkali sejarah dalam negeri ini ke atas satu isu ada dua puluh laporan polis yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, dua ribu laporan polis pun boleh dibuat tetapi apa yang saya suarakan adalah benar, tidak melanggar undang-undang dan oleh itu saya pegang keras ke atas apa yang saya suarakan bagi isu Datuk Jamry Sury, Pengarah *Religious Department of Perak*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyoalkan atau mencabar kedudukan Sultan Perak sebagai dengan izin, *The Head of Religion and Malay Custom* di Perak. Apa yang saya suarakan dan cakapkan adalah terus terang iaitu Sultan Perak tidak ada hak untuk mengarahkan Menteri Besar Perak untuk menarik balik *transfer* yang dibuat di atas Datuk Jamry Sury. Bagaimana itu boleh menjadi satu kesalahan hasutan?

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1984, dalam Dewan yang mulia ini saya ada bangkitkan perkara Yang di-Pertuan Agong pada masa itu adalah Sultan Johor yang ada dengan kekerasan melakukan kesalahan-kesalahan yang serius termasuk satu kesalahan membunuh apabila dia menjadi Tengku Mahkota di Johor. Pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa pun yang mengatakan saya ada buat satu kesalahan derhaka atau kesalahan hasutan.

Dalam tahun 1987, apabila Sultan Selangor pada masa itu ada menyuarakan bahawa dia tidak akan mengampunkan sesiapa pun yang didapati bersalah dalam kes pengedaran dadah di negeri Selangor. Saya ada buat satu kes terhadap Sultan Selangor pada masa itu tetapi tidak ada sesiapa pun yang menuduh saya bahawa saya ada membuat satu kesalahan terhadap Sultan tetapi sekarang ada dua puluh laporan polis.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri campur tangan dalam perkara ini. Kenapa Perdana Menteri sendiri campur tangan? Dalam fikiran saya UMNO adalah badan yang dalam tahun 1993 dalam Dewan yang mulia ini ada membuat satu pindaan

kepada Perlembagaan untuk dengan izin, *clip the wings of the rulers*, mengadakan satu mahkamah khas. Ini rutin yang ada pada masa itu kepada Yang di-Pertuan Agong dan juga Tuan Speaker, *rulers* dan raja dalam negara ini adalah ditarik balik dan Yang di-Pertua dan *rulers* adalah menjadi sama rata dengan orang awam, khususnya boleh dituduh. Ada satu kes di mana Sultan Pahang ada di dibawa ke mahkamah khas itu.

■ 1610

Tuan Yang di-Pertua, dalam pemikiran saya, UMNO yang mulakan. Memulakan hasutan derhaka ke atas Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu, bukan kami. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, dalam kes pelantikan menteri besar...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat Muar.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: *Point of order.* Saya merujuk kepada Perkara 36(7) dan (8). Saya rasa tindakan Yang Berhormat Bukit Gelugor patut dihentikan kerana memperkatakan tentang Raja-raja Melayu. Tanpa membawa apa-apa usul, kita tidak boleh biarkan dia terus mempertahankan diri. Jikalau ada laporan polis, ramai orang kena buat laporan polis, tidak mengaku salah pun. Tunggulah siasatan. Itu satu, yang keduanya dia sebut pasal kelakuan sifat Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu. Walaupun itu cerita lama dalam ucapan, kepada saya perlu dihentikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ini kerana satu usul tersendiri patut dibuat kalau dia hendak bercerita tentang perkara-perkara yang menyentuh Raja-raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya memerhati ucapan Yang Berhormat. Saya lebih suka sekiranya Yang Berhormat tumpukan kepada kontroversi mengenai yang melibatkan diri Yang Berhormat dan tidak menyentuh tentang sifat yang bercanggah dengan Peraturan 36(7) dan (8). Teruskan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Perkara 36(8) ada dalam Peraturan-peraturan ini, dalam tahun 1993. Satu pindaan kepada perlembagaan adalah dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini oleh kerajaan. Ini bermakna, ini tidak terpakai kerana apa yang ada jadi besar daripada ini adalah satu pindaan perlembagaan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah kalau dia bawa usul dan kita boleh perbahaskan, tetapi menggunakan peluang

berbahas Titah Diraja untuk menyentuh sikap dan tingkah laku Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu, kepada saya tidak wajar dan perlu di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, pastikan Yang Berhormat tidak menjaga Peraturan 36(7) dan (8).

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh kelakuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya yakin Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor lebih arif terhadap peruntukan peraturan ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya pergi kepada Terengganu. Apa jadi di Terengganu dan di Perlis apabila menteri besar bagi kedua-dua negeri ini adalah dilantik oleh Raja Perlis dan Sultan Terengganu? Bukankah itu satu cabaran ke atas kedua-dua Raja dan Sultan ini? Tidak menerima keputusan Raja dan Sultan Terengganu.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada apa yang ada di dalam laporan di dalam *The New Straits Times*, 12 Mei iaitu hari ini. *Nazri: No one is above the law. "The government does not practise double standards when it comes to taking action against anyone who makes seditious remarks against the Malay rulers.*

Therefore, as in the case of Karpal Singh, Minister in the Prime Minister's Department, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz said, swift action must also be taken against Terengganu UMNO secretary Datuk Rosol Wahid and 22 assemblymen, if they had behaved in a way which may be interpreted as seditious against the Sultan of Terengganu.

Rosol and the assemblymen had protested against the appointment of the menteri besar in March".

"I believe police reports have been made against Rosol and action must be taken". "I do not care whether the person is an elected representative from the Barisan Nasional (BN) or Pakatan Rakyat. The law is the law..."

Adakah kerajaan rela untuk mengambil tindakan ke atas kedua-dua Datuk Rosol Wahid dan 22 ADUN dalam Terengganu? Jika kerajaan tidak rela untuk mengambil tindakan ke atas 22 ADUN ini, dan juga Datuk Rosol Wahid, ini menjadi satu *double standard*. Kenapa saya menjadi satu *victim* kepada seorang iaitu Perdana Menteri yang adalah kini satu *lamb dark* dan tidak adakah satu Kabinet yang kuat? Satu Kabinet yang boleh diterima sebagai Kabinet yang progresif, yang boleh buat apa yang bagi pihak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kabinet, siapakah ada dalam Kabinet sekarang? Dari pintu belakang Tuan Yang di-Pertua, dua Senator ada di bawah dalam Dewan yang mulia ini. Pertama iaitu, Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, Senator dia jadi

menteri. Dia dibawa ke Dewan yang mulia ini dari pintu belakang. Siapakah dia Tuan Yang di-Pertua? Ini adalah orang yang tidak ada apa-apa maruah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia ada pergi ke Australia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, 36(9) Yang Berhormat. Jangan sebut sikap orang.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini fakta Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah Yang Berhormat bahaskan dalam ucapan Yang Berhormat, terhadap sifat seseorang Ahli Parlimen, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No*, ke atas fakta Tuan Yang di-Pertua, bukan apa-apa lain. Apa yang saya katakan tadi, satu Kabinet yang tidak ada kaliber. Termasuk menteri ini dan juga Tuan Yang di-Pertua Senator Zaid Ibrahim. Seorang yang ada didapati bersalah bagi *money politic* iaitu *corruption*. Ia harus dituduh dalam mahkamah, tetapi dia jadi menteri. Bolehkah satu Kabinet seperti itu diterima, Tuan Yang di-Pertua?

Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat di Sarawak dan Sabah, tidak berpuas hati ke atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Peguam Negara apabila dia mendapat laporan bagi kes saya, buat satu keputusan yang adil, Tuan Yang di-Pertua. Tidak dipengaruhi oleh apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Muar bangun.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya mengkagumi kemampuan Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam bidang undang-undang. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apabila menyamakan tindakan Yang Berhormat mempersoalkan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Saya hendak baca dengan izin, Perlembagaan Persekutuan Perkara 34(1). Tajuknya, Ketidakbolehan Yang di-Pertuan Agong. Ketidakbolehan, ada banyak perkara yang tidak boleh, tetapi 34(1), Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menjalankan fungsinya sebagai Raja negerinya kecuali fungsinya sebagai ketua agama Islam. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, pelantikan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak, tidakkah melibatkan agama Islam?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak, oleh sebab Pengarah itu adalah satu apa yang dikatakan *government servant*. Jika dia *government servant*, Sultan Perak tidak ada apa-apa hak untuk mengarahkan dia. Apa yang dibuat oleh Sultan Perak itu tidak mengikut undang-undang.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau. Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Kuala Krau Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, saya juga satu pendapat dengan Yang Berhormat Muar. Soalan tambahan saya, adakah Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak juga merupakan setiausaha kepada Majlis Agama Islam Negeri Perak yang lantikannya terus daripada bawah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Seperti saya menyatakan tadi, barangkali Yang Berhormat tidak faham. Dia menjadi satu *government servant* bagi negeri Perak. Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu kes yang saya ada mengendalikan, kes Loo King Yee. Di mana dengan terus-terangnya, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa seorang *government servant* boleh ditransfer oleh kerajaan sahaja dan bukan oleh pihak-pihak lain. Dalam perkara ini, Sultan Perak tidak ada seperti apa yang saya katakan tadi untuk mengarahkan menteri besar memansuhkan...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Memansuhkan perkara itu dan kembalikan dia kepada... Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Muar.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya gembira Yang Berhormat mengulangi kenyataan Yang Berhormat di luar, di dalam Dewan ini menyatakan bahawa Tuanku Sultan Perak tidak mempunyai kuasa.

■1620

Saya hendak tanya Yang Berhormat dua perkara. Yang pertama, siapakah yang akan menjalankan tugas-tugas agama Islam di negeri Perak kalau bukan Pengarah Agama Islam. Yang kedua, adakah tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Terengganu dan Perlis sama dengan apa Yang Berhormat katakan seolah-olah Yang

Berhormat tidak bersalah? Ataupun yang di sebelah sana itu bersalah. Jadi saya hendak Yang Berhormat komen.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Muar tidak faham. Tidak faham apa yang saya nyatakan. Peranannya ialah bagi *the religious department* tetapi kedudukannya adalah sebagai *government servant*. Tidak payah saya buang masa ke atas apa yang...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya tanya siapa yang hendak jalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan agama Islam kalau bukan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Betul, tetapi...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya tidak tanya siapa ketua, siapa kerja kerajaan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Not yet*, dia bukan dibayar gaji oleh *religious department* tetapi oleh kerajaan. Jika itu yang dikatakan *a government servant, state government servant*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor ada ingat tidak dalam sejarah 1874, apabila seorang Residen Inggeris cuba hendak campur tangan urusan hal ehwal agama Islam dan juga adat Melayu? Apa sudah jadi?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan Yang Berhormat Bukit Gelugor minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya hendak buat penjelasan tentang Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada masa Yang Berhormat. Sila gulung.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ada perbezaan dengan apa yang dikatakan oleh Birch dan apa yang dikatakan oleh saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. *[Tepuk][Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Barangkali dia tidak faham kedudukan apa yang saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putrajaya sudah masuk dalam Dewan ini. Saya ada beberapa pertuduhan tadi dia jadi satu orang tengah dengan Lingam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini ada dalam laporan *Royal Commission of Enquiry*, dia ada di sini. Saya beri jalan kepada dia untuk memberikan penjelasan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia tidak berani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jika anak jantan, berdiri sekarang. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak minta jalan Yang Berhormat. *[Ketawa]* Tidak payah beri jalan dia tidak minta.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Sama-sama berdirilah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Orang ini tidak boleh dipercayai. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, gulung Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]* Yang Berhormat Bukit Gelugor saya hendak minta laluan bagi menjelaskan sedikit kalau boleh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, dia sudah habis masa Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *What it is that he is asking?*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Baik-baik.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya ingin menarik perhatian bahawa tentang Pengarah Jabatan Agama Islam ini, maklumatnya ialah dia bertukar dari Pejabat Daerah Kuala Kangsar ke Jabatan Agama Islam Perak pada tahun 2005 gred hakikinya ialah M48 memangku M52 dipinjamkan ke gred M54. Jawatan pengarah telah di *upgrade*kan ke jawatan Jusa C pada 16 Februari 2006 dan beliau telah dipinjamkan ke gred Jusa C. Pada 18 Mac 2008 telah dinaikkan pangkat ke gred M52 dan masih kekal dipinjamkan ke Jusa C. Ini untuk membuktikan bahawa untuk pengetahuan Yang Berhormat, pelantikan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak itu duduk di bawah Perkhidmatan Awam mengikut gred yang telah ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, baik Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Di negeri Perak secara tidak langsung beliau menjadi setiausaha...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kepada Majlis Agama Islam Perak. Itu sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar, ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Gred dia Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada apa-apa kaitan dengan dia menjadi satu *state government servant* barangkali rakan saya di sana tidak faham. Jika dia tidak faham, itu sajalah Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada yang berucap? Ya, Yang Berhormat Pasir salak.

4.25ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Menyebut perkataan dalam bahasa Arab*] Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk menjunjung kasih kepada Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda tempoh hari dalam majlis perasmian Dewan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih kepada Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung yang telah membentangkan laporan kepada Dewan ini dengan jelas dan nyata

Pertama sekali, berhubung dengan peranan kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini iaitu untuk menjalankan tugas demi rakyat dan negara kita yang tercinta ini. Selain daripada itu, saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdasarkan kepada laporan yang dibentangkan oleh Titah Baginda yang mana menyatakan dengan begitu jelas bahawa keadaan negara kita berada di dalam keadaan aman, selamat dan sejahtera. Biarpun apa yang dikatakan oleh mana pihak tidak dapat diakui bahawa negara Malaysia pada hari ini telah mencapai tahap kemajuan ekonomi, sosial dan juga politik perpaduan kaum yang begitu utuh sekali.

Kejayaan ini bukanlah perjuangan hari ini semata, ini adalah perjuangan yang telah di bawa oleh UMNO sejak daripada tahun 1946 lagi. Di mana sebelum itu, negara kita Malaysia ini yang dahulunya dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu yang mempunyai kerajaan yang diketuai oleh Sultan-sultan dan kita mewarisinya pada hari ini juga dalam bentuk kerajaan berperlembagaan. Perjuangan UMNO telah membebaskan negara kita ini daripada penjajah. Kita jangan lupa kepada sejarah kalau kita mahu mengorak langkah ke masa depan yang lebih berjaya iaitu selama 450 tahun bangsa kita Melayu, dan juga bukan Melayu yang menjadi penduduk di dalam negara kita ini begitu hina, begitu rendah kedudukannya, tidak berilmu dan tidak berpengetahuan tidak mempunyai kedudukan ekonomi yang boleh dibanggakan tetapi dengan perjuangan UMNO pada tahun 1957 kita mencapai kemerdekaan. Perjuangan UMNO yang paling besar ialah membebaskan rakyat di dalam negara kita ini yang terdiri daripada pelbagai kaum termasuk juga saudara-saudara yang di sebelah sana dan juga di sebelah sini. Ini tidak boleh dapat kita nafikan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bolehlah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin Yang Berhormat Pasir salak lupa untuk menceritakan bahawa sejarah perjuangan untuk kemerdekaan tidak bermula dengan UMNO tetapi telah dibawa dan diperjuangkan oleh banyak lagi persatuan-persatuan dan kumpulan-kumpulan termasuklah para alim ulama' yang mana sumbangan mereka telah ditenggelamkan dan telah digelapkan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional kerana mereka mahu supaya rakyat Malaysia memikirkan mereka sahajalah yang memperjuangkan kemerdekaan. Sebagai contoh, parti Hisbul Muslimin.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa sedikit dah. Soalan *direct*.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat tahu atau tidak sejarah sebelum hendak cerita tentang sejarah. Sebagai contoh, Ustaz Abu Bakar bin Bakir yang telah dipenjarakan. Berapa ramai pemimpin-pemimpin UMNO yang telah dipenjarakan oleh British? Tolong beritahu kepada saya berapa ramai pejuang-pejuang UMNO yang telah dipenjarakan oleh British? Namakan seorang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, terima kasih

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Namakan seorang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, terima kasih. Sudah beri betis hendak paha pula. Ini pepatah Cina pun ada juga, duduk di luar, dia hendak masuk rumah, sudah masuk rumah dia hendak masuk bilik, sudah masuk bilik dia hendak naik atas katil.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ingin menyambung, saya ingin menyambung... Belajarlah daripada rakan-rakan yang lain itu.

■1630

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Taiping Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa singkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tapi gunakan pepatah yang salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat Taiping. Dia baca buku lain itu Yang Berhormat Taiping, tak apa.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, mereka baru sahaja menang. Buatlah kerja. Buat kerja!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Harap jawab soalan saya. namakan seorang pemimpin UMNO yang telah dipenjarakan oleh Kerajaan British oleh kerana memperjuangkan kemerdekaan. Namakan seorang. Saya boleh namakan bekas pemimpin pejuang kemerdekaan yang bukan UMNO yang telah memperjuangkan kemerdekaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, mereka selalu mengatakan bahawa kita mengamalkan sindrom *denial* tetapi pembangkang ini daripada dahulu sampai sekarang itulah mengamalkan sindrom *denial* di atas apa juga kejayaan yang dibawa oleh UMNO kepada negara, agama dan tanah air. [Tepuk]

Beberapa Ahli Pembangkang: Jawab! Jawab!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tak perlu hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: ...Tolong senyap apabila seorang bercakap, beri dia peluang untuk jawab. Sebagai peringatan oleh kerana masa terlampau singkat sudah, Ahli Yang Berhormat yang bercakap itu tidak payah bagi laluan kalau tidak penting. Itu saranan saya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih di atas nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ingin meneruskan bahawa sebagaimana yang saya katakan kita telah mencapai kejayaan yang besar dalam membela agama, bangsa dan tanah air kita. Perjuangan kita besar. Kita tidak boleh menafikan. Itu terpulang kepada pihak pembangkang. Mereka hendak kata tidak, tidaklah. Itu hak masing-masing. Ini hak saya sebagai wakil rakyat daripada Barisan Nasional dan berdasarkan kepada fakta bukan berdasarkan kepada emosi atau sentimen. Berdasarkan kepada fakta. Saya pun baca juga buku sejarah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya tidak mahu membuang masa. Di sini saya mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan juga kerana telah menggubal berbagai-bagai dasar untuk kita meneruskan kemajuan negara kita yang tercinta ini demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat. Berbagai-bagai program dengan strategi-strategi yang tentu berhubung dengan pertanian, berhubung dengan perindustrian, berhubung dengan pelancongan, pelajaran dan sebagainya.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh berhubung dengan tajuk perindustrian iaitu mengikut pengamatan saya memang pelaburan dalam bentuk perindustrian terutamanya dalam bidang pembuatan begitu besar sekali. FDI kita pun meningkat sebagai mana yang dilaporkan telah meningkat berpuluh-puluh juta bilion ringgit.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya menentukan bahawa pembangunan industri ini biarlah *equitable*, biarlah merata tidak tertumpu kepada kawasan-kawasan yang tertentu sahaja kerana pihak-pihak ataupun kawasan di luar bandar menghadapi masalah kekurangan pekerjaan, peluang perniagaan dan sebagainya. Kita perlu membawa pembangunan industri ini ke kawasan-kawasan luar bandar dan sememangnya kerajaan telah pun memperkenalkan apa yang dipanggil iaitu '*membandarizekan*' luar bandar...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Istilah apa itu?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang ketawa ini? Memperbandarkan ataupun dalam bahasa Melayunya dipanggil '*bandarize*' kan. Mungkin tuan-tuan tak pernah dengar perkataan ini. *Rural urbanization* dengan izin. Jadi saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, bunyi macam bahasa Tamil. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hormati orang India juga.

Tuan Yang di-Pertua: ...sebelum cakap minta izin dahulu. Sila, sila Yang Berhormat Pasir Salak. Teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan sebab itu saya memohon kepada pihak kerajaan untuk membawa pembangunan perindustrian ini kepada luar bandar supaya dapat kita mengatasi kemiskinan, masalah peluang pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Pada masa ini pada pengamatan saya masalahnya ialah kurangnya minat pihak pelabur untuk melabur di luar bandar dalam bentuk perindustrian mahupun projek-projek pertanian sebagai mana yang diharapkan.

Justeru itu saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dan juga syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan mengeluarkan modal yang secukupnya untuk membangunkan industri-industri sama ada industri-industri kecil sederhana ataupun industri-industri besar. Kita mengambil contoh di Jepun, Korea dan negeri-negeri lain yang maju. Pembangunan perindustriannya adalah merata. Kita sekarang ini mempunyai kawasan luar bandar yang mempunyai infrastruktur yang cukup. Tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh membawa perindustrian ke luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga mengalu-alukan rancangan pihak kerajaan untuk membangunkan perindustrian pertanian dan membangunkan industri-industri yang berasaskan tani kerana ini merupakan satu gagasan yang boleh

membangunkan ekonomi di luar bandar tetapi saya merasa agak kesal kerana tindakan yang diambil oleh pihak pelaksana nampaknya tidaklah sebagaimana yang diharapkan. Ia agak perlahan. Jadi dengan sebab itu saya mengambil kesempatan di sini menyeru kepada pihak kerajaan untuk tidaklah bertanggung ataupun hanya melepaskan batuk di tangga dalam soal pembangunan perindustrian pertanian ini.

Saya mengambil perhatian atau pada pengamatan saya masalah yang dihadapi ialah tidak adanya keusahawanan, tidak adanya modal, tidak adanya teknologi untuk membangunkan industri pertanian di luar bandar ini. Kita tidak boleh mengharapkan Tuan Yang di-Pertua, kepada orang-orang kampung untuk membangunkan pertanian di kawasan luar bandar ini kerana mereka mempunyai kekurangan yang saya sebutkan tadi. Jadi saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya mengambil tindakan secara bersungguh-sungguh dan secara besar-besaran melakukan satu revolusi pertanian yang hebat-hebatnya jika kita hendak mencapai matlamat memajukan kawasan luar bandar ini.

Kawasan-kawasan pertanian padi umpamanya kita dapati bahawa masalah sekarang ialah produktiviti yang begitu rendah. Ini adalah disebabkan sistem pengairannya yang ketinggalan zaman. Sistem pengairan yang ketinggalan ini perlu dinaiktarafkan dan saya pernah menyuarakan banyak kali kepada pihak kerajaan dalam forum-forum tertentu untuk pihak kerajaan mengeluarkan peruntukan yang secukupnya bagi menaik taraf sistem pengairan di kawasan-kawasan pertanian ini termasuk di kawasan saya di Sungai Manik. Kita merupakan satu kawasan jelapang padi di negara kita Malaysia ini. Sudah berjasa kepada rakyat dalam membekalkan beras tapi malangnya selepas 40 tahun kita masih lagi dengan sistem perairan yang substandard, yang masih ketinggalan dan ini menyebabkan produktiviti pengeluaran hasil padi hanya tinggal dua atau tiga tan sahaja satu hektar. Jauh ketinggalan berbanding dengan matlamat kerajaan atau matlamat kita untuk menaikkan produktiviti hasil pertanian padi ini kepada 10 tan.

Jadi saya berharap kepada kerajaan memberikan peruntukan yang secukupnya. Setakat ini peruntukan yang diberi hanyalah sebanyak RM20 juta. Tidak cukup. Saya ingin melihat Sungai Manik menjadi satu jelapang padi yang termoden di dalam negara kita ini. Dengan perkataan Inggeris dengan izin *they deserve this upgraded* ataupun sistem pengairan yang dinaiktarafkan. Jadi oleh sebab itu kalau kerajaan boleh berbelanja begitu banyak dalam projek-projek yang lain saya tidak nampak kalau kita menaruh perasaan belas kasihan kepada rakyat, kita ingin memajukan dan membela rakyat di luar bandar inilah masanya. Keluarkan peruntukan yang secukupnya dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu menyatakan bahawa beliau ingin melihat pembangunan di luar bandar, ingin membasmi kemiskinan.

■1640

Jadi, saya harap Kementerian Kewangan jangan teragak-agak untuk membelanjakan wang yang secukupnya dalam hal ini. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin juga meminta agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya supaya membuka minda mereka, membuat anjakan paradigma iaitu jangan hanya bergantung kepada pertanian tradisi pada hari ini iaitu kelapa sawit dan padi.

Tanam kelapa sawit, potong kelapa sawit. Tanam kelapa sawit, potong kelapa sawit, potong, potong, potong dan potong buah kelapa sawit. Begitu juga dengan padi, tanam padi, potong padi, tanam padi, potong padi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun meletakkan satu strategi, satu program di mana kita hendak memperkayakan kawasan pertanian ini dengan mengorak langkah menanam hasil-hasil pertanian yang lain, pelbagaikan hasil pertanian.

Jangan bergantung pada padi sahaja. Jangan bergantung kepada kelapa sawit sahaja. Kita ada banyak tanaman-tanaman yang boleh kita tanam di tanah kita yang subur itu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta maaf, masa telah tinggal sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Sila

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi saya ingat FELCRA khususnya adalah merupakan...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini kawan kena bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Wah, kalau kawan dia kasi bagi ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Walaupun ada pandangan terbaik kita mahu pelbagaikan sektor pertanian ini, saya setuju dalam beberapa perkara. Namun bila saudara Yang Berhormat menyentuh soal sektor pertanian padi ini maka hendak diubah kepada pertanian yang lain, asyik-asyik padi saja sedangkan kita berhadapan dengan krisis makanan, krisis beras.

Sekarang kalau kita ubah, makna kalau kita mengurangkan kawasan sawah padi, bermakna bawah pengeluaran padi dalam negara kita akan berkurangan. Bermakna kebergantungan kita kepada luar akan bertambah. Jadi saya rasa bercanggah dengan isu yang sedang kita hadapi. Perdana Menteri hendak memperbanyakkan kawasan sawah padi. Jadi macam perlu Perdana Menteri ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Tak perlu, mana boleh perlu. Saya bagi penjelasan kepada persoalan itu. Kawasan padi kawasan juga. Kita tidak akan menukarkan kawasan padi kepada tanaman lain. Kita perlu menghasilkan padi dan beras yang cukup bagi keperluan negara kita ini.

Apabila saya menyebut soal kepelbagaian, kita ada lagi tanah-tanah yang perlu dibangunkan. Ditanam beratus-ratus ribu ekar lagi yang boleh dibangunkan tanah-tanah terbiar milik individu yang boleh dimajukan dengan adanya program yang dibawa oleh agensi kerajaan.

Tidak ada masalah, dan setengah daripada kawasan terbiar ini tidak sesuai untuk padi, dia sesuai untuk tanaman lain. Jadi dengan sebab itu tidak bercanggah dan tidak ada orang kata konflik dari segi kepentingan yang satu sebutkan tadi, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kinabatangan pula.

Tuan Yang di-Pertua: Kawan ke ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi lah satu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kawan juga ni..

Tuan Yang di-Pertua: Kawan juga itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...saya satu, satu saja minta, tak lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, sila. Jangan lari...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, dalam keadaan sebegini, negara menghadapi krisis makanan dan sudah pasti ianya memerlukan peruntukan kewangan yang banyak. Iaitu diumumkan oleh Perdana Menteri, RM4 bilion dan apakah RM4 bilion ini akan diguna pakai sepenuhnya untuk tujuan penerokaan pengeluaran pemakanan di negara kita. Ini supaya kita tidak lagi mengeksport ataupun mengimport lebih banyak daripada eksport, maka Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya tambah peruntukan untuk memastikan bahawa negara kita tidak ketandusan ataupun kekurangan bahan-bahan makanan mentah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau nak tanya saya RM4 bilion ini diguna untuk apa, saya tak boleh jawab. Tunggu saya jadi menteri lah, kalau nak suruh jawab pun. Sekarang saya jadi orang

kata wakil rakyat biasa, tetapi kalau berhubung dengan nak tambah, nak minta kerajaan tambah lagi peruntukan, memang itulah yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: RM4 bilion boleh tambah RM4 bilion lagi, apa salahnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, saya nak menyebut *public delivery system*, dengan izin. Semua yang kita rancang ini, pelaksanaannya ialah pegawai kerajaan, jabatan kerajaan, termasuklah Jemaah Menteri.

Saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk memberitahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pastikan bahawa jabatan-jabatan kerajaan ini melaksanakan program yang telah dirancang itu dengan cara yang betul, dengan cara yang bersungguh-sungguh. Saya ingin memberitahu di sini banyak projek, banyak program pembangunan yang hendak dibawa oleh Perdana Menteri, bukan kerana Perdana Menteri yang tidak mahu kepada kemajuan di atas program-program ini untuk dilaksanakan tetapi masalah-masalah ialah *public delivery system*, dengan izin.

Dengan sebab itu, saya memohon kepada Yang Amat Berhormat bertegas, bukan kita mengatakan bahawa pegawai kerajaan, ini kita memandang serong kepada mereka, bukan mengatakan mereka tidak memainkan peranan; tetapi oleh kerana segelintir pegawai-pegawai kerajaan menyebabkan banyak projek yang tergendala. Kepada pihak Jemaah Menteri, saya hendak mengingatkan terutama kepada Jemaah Menteri yang ada pada hari ini, dengan izin, *some of them are very lucky, very lucky*.

Tup, tup, terus jadi menteri, terus jadi timbalan menteri, kita sudah berjuang lama dalam perjuangan ini, kita duduk di sini juga.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya Allah, kesian Yang Berhormat, mengeluh nampak ni.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tapi tak apa lah..

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jangan merungut.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan merungut.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, satu minit lagi. Gulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak apa lah. Walau bagaimanapun, kita...

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...teruskan perjuangan ini. Apa yang hendak kita minta ialah menteri-menteri dan timbalan menteri supaya betul-betul memberikan khidmat sebagaimana yang sepatutnya, sebagaimana yang

diharapkan. Jadi ini kalau kita semua berganding bahu, bekerjasama, pegawai kerajaan, menteri, wakil rakyat, pemimpin-pemimpin masyarakat bersatu termasuk pembangkang-pembangkang memberikan idea-idea yang konstruktif, tidak ada sebab maka negara kita ini tidak boleh menjadi sebuah negara yang maju di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu berhubung dengan kisah saya yang dibawa oleh Yang Berhormat Gombak. Saya ucap terima kasihlah Yang Berhormat Gombak tidak mengulangi kenyataan di luar Dewan mengatakan bahawa saya belanja RM6 juta untuk bertanding ketua bahagian. Pertama sekali, itu tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bertanding ketua bahagian pada masa itu, apa yang saya buat saya derma kepada masjid, masjid jemaahnya ada orang PAS, ada orang UMNO, ada orang itu, orang ini. Masjid yang bapa saya jadi siak masjidnya, sampai daripada muda sampai ke akhir hayat, tak boleh ke saya beri bantuan kepada masjid?

Tuan Yang di-Pertua: Masih..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Satu, dan yang keduanya, sekolah saya. Sekolah mana saya belajar, saya memberi sumbangan atas permintaan guru besar dan sumbangan itu diberikan pelajar-pelajar yang ada pelajarnya daripada PAS, daripada UMNO, daripada itu dan ini dan saya pun tidak terlibat dengan pengagihan bantuan-bantuan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Maka adakah itu dianggap, minta sedikit Tuan Yang di-Pertua, dianggap sebagai orang kata membeli pengaruh politik untuk menjadi ketua bahagian, ini tidak betul. Apa yang betulnya, saya hendak beritahu Dato' Seri Anwar Ibrahim pada masa hendak bertanding Timbalan Presiden UMNO...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Banyak duit RM6 juta, menderma.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...dia belanja begitu banyak sekali...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ..untuk memenangi jawatan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi, dengan sebab itu...

Tuan N. Gobal Krishnan [Padang Serai]: Ini tuduhan liar, ini tidak berasas, tidak bermoral.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Betul..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai duduklah. Yang Berhormat Padang Serai, duduklah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi, selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sedikit saja lagi iaitu berhubung dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah. Sekarang gulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, sekarang saya hendak gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, gulunglah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dengan sebab itu kesimpulannya sekarang ini, apa yang berlaku ini jangan dipanggil tsunami politik kepada Barisan Nasional. Saya ingin mengingatkan pada masa-masa yang lalu parti pembangkang juga mengalami kekalahan...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bukan tsunami, taufan Nargis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit sahaja lagi saya hendak menggulung. Saya cuma...orang kata...

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai...tolonglah ya

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya mengambil kesempatan ini...sedikit sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Salak sila gulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit sahaja lagi iaitu saya memberikan pendirian yang jelas. Tuan-tuan parti pembangkang telah menang. Buat kerja! Buat kerja baik! Tak perlu nak *condemn* UMNO *condemn* Barisan Nasional, kata orang itu...kata orang ini...buat kerja!

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Pasir Salak, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Rakyat akan menilai sama ada tuan-tuan dan puan-puan boleh memerintah lebih baik daripada apa yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Akan tetapi jika tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, nanti rakyat akan menghukum.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Pasir Salak. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, duduk dahulu. Nanti saya tidak panggil siapa yang berucap selepas ini.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini menggulunglah Tuan Yang di-Pertua...menggulung ya? Jadi dengan sebab itu...

■1650

Tuan Yang di-Pertua: Berapa kali sudah menggulung? Menggulung satu kali sahaja.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit sahaja, baru nak gulung, baru nak gulung. Jadi dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan hak pihak parti pembangkang untuk memerintah negeri yang mereka telah menang dan kita di Kerajaan Persekutuan, jangan dipertikaikan hak kita untuk menjalankan kerja sebagai kerajaan yang memerintah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita membuktikan bahawa selama ini, selama 62 tahun...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...semua kita, tuan-tuan yang berada di sana, tidak akan duduk di sana kalau tidak dengan perjuangan yang dibawa oleh UMNO dan Barisan Nasional selama 62 tahun.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Baru sikit, sudah menangislah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Seorang Ahli: ... tidak ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Semua sudah berdiri tetapi saya tidak panggil sesiapa. Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila kita diberi masa tempoh 20 minit, ceritanya 20 minitlah. Kerana apabila ambil masa teman, dia pun akan berucap nanti lebih 20 minit. Jadi elakkan untuk berucap yang Yang Berhormat anggap, fikir akan mendapat tentangan daripada teman sama ada daripada kiri ke, kanan ke supaya menjimatkan masa. Sekarang ini saya bingung, mahu panggil siapa pun saya tidak tahu. Yang Berhormat dari Titiwangsa.

4.51 ptg.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain duduk bersabar dulu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya mohon berucap Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, hari-hari awal saya menjejakkan kaki ke bangunan Parlimen ini, saya mengalami satu kejutan budaya yang tidak saya sangkakan akan berlaku di dalam bangunan Parlimen, di mana saya dapati Ahli-ahli Parlimen bebas merokok di dalam kawasan kafeteria dan sekitarnya sedangkan kawasan untuk merokok telah disediakan. *[Dewan tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, Peraturan Kawalan Tembakau dan Hasil Tembakau 2004 di bawah Akta Makanan Bahagian 4 Peraturan 11(1) antaranya menyebut premis-premis kerajaan adalah kawasan larangan merokok. Jadi jelas di sini Parlimen adalah kawasan larangan merokok dan tiada imuniti terhadap peraturan tersebut. Tujuan utama peraturan ini bukan untuk melindungi atau menghalang perokok-perokok untuk merokok, tetapi untuk melindungi perokok-perokok pasif yang secara tanpa rela terpaksa...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: *[Bangun]*

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli Yang Berhormat yang berdiri.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Nanti dulu, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, Ahli Yang Berhormat, duduk dulu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Yang terpaksa menghirup udara yang tercemar dengan rokok. Perokok-perokok pasif yang dipaksa menyedut 4,000 bahan toksik dalam asap rokok, di mana 37 di antaranya adalah penyebab kanser.

Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar perubatan, Royal College of Physicians, UK telah menyatakan nikotin yang terdapat di dalam rokok adalah dadah yang berbahaya yang setanding dengan dadah heroin dan kokain. Kalau kita bermati-matian mengatakan dadah adalah musuh negara, maka sebenarnya rokok juga adalah musuh negara. Sedarkah Yang Berhormat-Yang Berhormat semua 4.6 juta perokok Malaysia membakar hampir RM3 juta satu hari, RM3 juta satu hari yang bersamaan dengan RM90 juta sebulan. Sedangkan kita bercakap tentang rakyat miskin di Semenanjung dan juga lebih-lebih lagi rakyat miskin di Sabah dan Sarawak yang begitu terhimpit keadaannya sekarang, tetapi kita menjadi contoh teladan kepada rakyat untuk terus menghisap rokok.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: *[Bangun]*

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Minta penjelasan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Sekejap. Sedarkah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setiap hari antara 50 hingga 60 remaja menjadi perokok baru. 50 hingga 60 menjadi perokok baru.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua minta laluan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Sekejap. Jadi saya merayu agar Ahli Yang Berhormat menjadi contoh teladan yang baik kepada para remaja dan orang-orang muda dengan merokok di kawasan yang telah disediakan dan tinggalkan kawasan lain untuk kami yang bukan perokok ini. Saya ingin memberikan satu contoh ...ya, sikit sahaja.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, apabila kita sedar rokok membawa padah, adakah Yang Berhormat cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua mengeluarkan satu arahan rasmi supaya semua ahli tidak boleh merokok di dalam bangunan Parlimen ini.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Nanti nak sampai situlah tu, insya-Allah. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh penghormatan kepada keluarga Tan Sri Nasimuddin, Allahyarham tiga minggu sebelum meninggal dunia kerana sakit kanser paru-paru yang 90%nya disebabkan oleh kesan daripada merokok telah menasihatkan sahabat baiknya Kalimullah Hassan supaya berhenti merokok dan menjaga kesihatan.

Di sini saya menyerulah kepada semua Ahli Yang Berhormat sama ada daripada Barisan Nasional, mahupun daripada Pakatan Rakyat, mahupun yang Bebas bahawa saya sayangkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian selaku pemimpin-pemimpin negara. Oleh itu, sayangilah diri sendiri, janganlah melakukan langkah-langkah, yang doktor kata *suicidal steps*. Minta maaf, itu kalau keterlaluan saya mohon maaf.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Mahu kasi laluan?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ha ini saya kena bagilah sebab doktor juga.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Asyik bagi geng sendiri sahaja.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa. Terus kepada soalan, bukannya Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang disebutkan tadi Bahagian 4 menyebut tentang bangunan kerajaan termasuklah Parlimen ini adalah kawasan larangan merokok, adalah peraturan yang termasuk dalam akta yang dirangka oleh Dewan ini sendiri, oleh kita semua. Jadi kalau kita sendiri buat undang-undang, kita tak ikut undang-undang, apa maknanya itu wahai Yang Berhormat Titiwangsa?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, macam kita semua tidak ikut peraturan mesyuarat. Sila Yang Berhormat Titiwangsa. [Dewan ketawa]

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Sekali Yang Berhormat. Boleh jawab sekali?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya bagi tadi, Yang Berhormat Tenggara tadi bangun, saya bagi sikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Elok sangat berjempit-jempit Yang Berhormat Tenggara, sila.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Titiwangsa. Saya cuma nak tanya adakah contoh teladan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah contoh teladan yang tidak baik, ini juga dilakukan oleh Yang Berhormat daripada pembangkang? Dan adakah Yang Berhormat rasa tidak selamat apabila berada bersama-sama dengan mereka dalam kedudukan yang sedemikian?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya cakap tadi dua-dua, Barisan Nasional dan juga Pakatan Rakyat. Untuk orang-orang PAS ini, salah satu syarat untuk menjadi calon pilihan raya adalah tidak merokok. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Wah, hebat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya pergi ke perkara seterusnya iaitu tentang bagaimana baru-baru ini berlaku satu penangkapan kepada seorang doktor ataupun pengamal perubatan, iaitu pada bulan Januari yang lalu di bawah Akta Kemudahan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta iaitu Akta 586 yang digazetkan pada 1 Mei 2006. Akta ini telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006. Menteri Kesihatan dulu yang tidak mengamalkan cara hidup sihat, itu saya kena sebut itu.

Menteri Kesihatan dulu yang tidak mengamalkan cara hidup sihat telah berjanji tidak akan *criminalized* doktor dalam majlis-majlis taklimat tentang akta ini, tetapi doktor ini telah ditangkap dan dikatakan menjalankan klinik tanpa didaftarkan sedangkan akta ini baru sahaja digazetkan. Sepatutnya doktor ini yang telah beroperasi 10 tahun dan tidak pernah pun diperingatkan tentang tiadanya pendaftaran dipanggil dan diberi amaran serta diminta patuh, bukannya ditangkap seperti penjenayah dan didenda beratus ribu menyebabkan dia tidak mampu membayar dan terpaksa meringkuk di dalam penjara sebagai seorang penjenayah.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin menyebut tentang hospital swasta termasuk juga hospital-hospital bersalin yang bersaiz kecil. Hospital-hospital ini juga tertakluk di bawah akta baru ini telah terpaksa menepati beberapa kehendak akta yang sangat ketat. Antaranya menyediakan *hepa filter air-cond* untuk dewan bedah yang menelan belanja lebih RM100 ribu untuk menyediakannya tanpa menafikan keselamatan dan juga perkhidmatan yang terbaik untuk pesakit-pesakit. Saya menyatakan peraturan-peraturan ini mungkin boleh diberi sedikit kelonggaran ataupun sedikit alternatif kepada hospital-hospital swasta atau *maternity home*, dengan izin yang bersaiz kecil, yang selama ini telah banyak berjasa terutama kepada populasi penduduk yang berpendapatan sederhana. Jadi di sini saya mencadangkanlah supaya Kementerian Kesihatan menyemak balik tentang kelonggaran yang saya nyatakan sebentar tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masih lagi dalam perkara hospital ini.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Minta maaf ini kali pertama, biasa berucap ceramah Tuan Yang di-Pertua, maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, biasanya kalau ucapan julung kali itu tidak payah diganggu oleh orang lain, tapi dari tadi diganggu juga. Tolonglah...*in the middle of speech*. Sila teruskan doktor.

■1700

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Baik. saya dapati...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: ...Masalah tentang tempat letak kereta di Hospital Kuala Lumpur yang menjadi rungutan ramai daripada pengunjung-pengunjung hospital, di mana sudahlah kena *charge parking* hospital, apabila masuk ke dalam didapati tidak ada ruang untuk meletak kenderaan.

Namun begitu, saya difahamkan bahawa telah ada satu program atau perancangan untuk menambah tempat *parking* hospital di Kuala Lumpur ini. Saya berharap agar projek ini berjalan dengan baik dan juga tender yang akan ditawarkan adalah tender terbuka dan juga pemantauan dijalankan dengan bersungguh-sungguh, untuk memastikan projek ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan juga dengan izin, *cost effective*.

Tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat,... *[Dewan riuh][Ketawa]*
Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Ya, sila.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ucapan tahniah juga saya sampaikan kepada DBKL, di atas kesungguhan mereka menubuhkan Unit Integriti. Saya kira ini adalah satu respons yang positif, dari desakan yang dibuat oleh 10 orang Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat yang menguasai 10 daripada 11 kawasan Parlimen di Kuala Lumpur ini. Dikatakan Unit Integriti ini akan mengendalikan kursus-kursus integriti kepada 12,000 orang kakitangan DBKL.

Saya bersetuju dengan pendapat Dr. Koo Keh Peng dalam *New Straits Times* pada 6 Mei yang lepas, yang mengatakan tidak berapa yakin dengan langkah DBKL dalam mewujudkan Unit Integriti kerana tiada *check and balance*. Sudah pastilah unit ini yang merupakan hanya satu unit tidak mampu mengkursuskan datuk bandar, tidak mampu mengkursuskan ketua pengarah dan juga pegawai-pegawai tinggi tentang integriti sedangkan ia hanyalah sebuah unit. Sepatutnya DBKL mewujudkan unit ini di bawah satu jawatankuasa khas di bawah Parlimen ataupun melantik satu badan bebas untuk mengendalikan kursus-kursus integriti ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini adalah kerana persepsi daripada masyarakat ataupun orang ramai di mana yang saya mengatakan DBKL dan sebahagian besar daripada rakan-rakan saya yang menjadi Ahli-ahli Parlimen Kuala Lumpur iaitu DBKL dilihat sinonim dengan rasuah. Ini bukan bermakna kita mengatakan seluruh organisasi DBKL itu rasuah. Ini adalah persepsi rakyat.

Saya kira adalah menjadi tanggungjawab saya dan juga Ahli-ahli Parlimen yang lain, menegur tentang masalah rasuah ini supaya tidak berleluasa ataupun kita kena letakkan satu noktah terakhir, untuk memastikan selepas ini imej DBKL akan melonjak kembali sebagai sebuah badan kerajaan 'NGC'. Kerajaan yang kalau tidak pun rasuah sifar ya, tidak dilihat sinonim dengan rasuah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin menyebut di sini tentang masalah pembangunan di Chow Kit. Bagaimana saya sebagai seorang pelajar perubatan pada tahun 1976 hingga 1983 yang lalu, melihat pada masa itu menjadikan Chow Kit sebagai tempat lepak kami. Dengan izin, sekiranya boleh digunakan perkataan itu, tapi tidak pergi *dating*. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga sekarang sudah hampir 30 tahun saya meninggalkan Chow Kit sebagai seorang pelajar. Keadaan Chow Kit dan saya masuk ke Chow Kit sebagai seorang Ahli Parlimen dan saya lihat tidak banyak perbezaan.

Saya tidak menafikan beberapa perbezaan seperti adanya stesen-stesen LRT dan sebagainya, tetapi Pasar Chow Kit itu sendiri, masih dalam keadaan yang daif dan orang kata masih dalam keadaan yang tidak jauh daripada pembangunan di sekelilingnya di mana kita semua tahu *Twin Tower*, Menara Kuala Lumpur berdekatan dengan Chow Kit, tetapi keadaan Chow Kit seolah-olah keadaan pasar sebelum merdeka.

Jadi, saya di sini ingin mengemukakan persoalan, apakah susahanya, apakah sangat susahanya membangunkan Chow Kit ini sehingga dalam masa 30 tahun tidak ada satu perubahan yang besar di dalam pembangunan Pasar Chow Kit itu sendiri? Seheinggakan sekarang ini, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Chow Kit, kita pun sedar telah pun orang kata "dijajah oleh penjaja-penjaja asing". Memenuhi setiap ruang. Bukan saja ruang-ruang penjaja, tetapi juga setiap siar kaki seheinggakan kita rakyat Malaysia dan juga pengguna-pengguna jalan, pejalan kaki telah terpaksa mengambil risiko berjalan di tepi-tepi ataupun di atas jalan raya itu sendiri, oleh sebab telah dipenuhi oleh penjaja-penjaja asing. Bagaimana penjaja-penjaja asing ini boleh menguasai Chow Kit? Di manakah penguatkuasaan? Sekali lagi Dewan Bandar Raya dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang sangat mendukacitakan sehingga sekarang DBKL masih tidak mampu lagi mengatasi permasalahan ini. Saya

kira, saya tidak menyalahkan DBKL semata-mata, tetapi juga menyalahkan juga orang kita yang memegang lesen perniagaan, tetapi mengalibabakan kepada penjaja-penjaja asing ini.

Jadi inilah sebabnya apabila misalnya DBKL membuat penguatkuasaan, mereka ini akan muncul dengan serta-merta mempertahankan bahawa ini adalah gerai mereka dan orang-orang asing ini hanyalah pembantu-pembantu mereka, sedangkan dalam peraturan ataupun syarat lesen kepada penjaja-penjaja kecil, pembantu-pembantu hanyalah boleh terdiri daripada orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Empat minit lagi Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya. Saya sebenarnya tidak mahu bercakap banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa itu adalah antara beberapa perkara yang ingin saya kemukakan.

Di sini saya mengambil kesempatan sempena Hari Ibu yang berlangsung, baru saja selesai untuk mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua ibu-ibu yang telah pun berkorban untuk membesarkan anak-anaknya, terutama kepada ibu-ibu tunggal yang masih lagi belum mendapat pembelaan sepenuhnya, seperti yang dilaporkan dalam akhbar. Saya ingat dalam akhbar dalam beberapa hari yang lepas. Bukan di kawasan Parlimen saya. Saya masih lagi mengumpul data-data ibu tunggal di kawasan Parlimen saya.

Jadi kawasan DUN Ulu Klang saja ada 500 orang ibu-ibu tunggal. Sebahagian besar daripada mereka ini masih lagi belum mendapat pembelaan. Jadi di sini sempena Hari Ibu, jadikanlah satu hadiah yang berharga daripada kementerian yang berkenaan untuk memastikan pembelaan kepada ibu-ibu tunggal yang begitu terhimpit, di dalam membesarkan anak-anak mereka. Memberi pelajaran dan juga makan pakai dan sebagainya.

Saya juga di sini mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Guru kepada guru-guru yang akan menyambut Hari Guru tidak lama lagi. Dan juga tidak saya lupakan juga di mana ini mungkin ramai orang tidak tahu para jururawat juga menyambut Hari Jururawat pada bulan Mei ini, di mana mereka adalah rakyat Malaysia yang telah banyak berjasa kepada kita. Semoga mereka ini dapat terus berjasa dan meningkatkan tahap perkhidmatan kita kepada rakyat. Sekian saja. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Tawau.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang bagi saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ingin saya menarik perhatian menteri-menteri berkenaan kepada beberapa isu yang disuarakan oleh rakyat dari Tawau dan Sabah.

Isu pertama, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Saya berharap Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dapat memberi perhatian segera kepada isu pencukaian dua kali yang dikenakan kepada peladang-peladang kelapa sawit di Sabah, yang sudah lama dibangkitkan sejak tahun lepas. Menteri telah menjawab pada 7 Mei dengan sebutan, "kementerian sedang mengkaji semula pelaksanaan kos dengan izin, *cooking oil subsidy scheme* dari pelbagai aspek termasuk kadar kutipan ses dari sektor peladang".

Saya berasa langsung tidak puas hati dengan jawapan itu. Kerajaan hanya akan mengkaji semula isu ini, walaupun ia sudah wujud sejak tahun lepas. Saya ingin terus menyerahkan pandangan rakyat dan peladang-peladang di Sabah, khususnya di Tawau, supaya menegaskan betapa pentingnya isu ini di hati semua rakyat Sabah.

■1710

Peladang-peladang kelapa sawit Sabah berasa Sabah telah dibebankan secara tidak adil dengan pencukaian dua kali atas minyak kelapa sawit dalam bentuk pembayaran subsidi minyak masak ses sejak Jun 2007. Peladang-peladang Sabah dikenakan cukai sebanyak 7.5% oleh kerajaan negeri dan pembayaran ses oleh Kerajaan Persekutuan pula. Orang ramai secara umum tidak peduli sama ada ia urusan kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan, tetapi pencukaian dua kali itu diperlihatkan secara tidak adil semata-matanya terhadap peladang-peladang Sabah.

Mengikut satu anggaran, Sabah telah menyumbangkan lebih kurang 2/3 daripada jumlah levi daripada RM1 bilion ses yang dibayar oleh peladang-peladang kelapa sawit seluruh Malaysia kepada Kerajaan Persekutuan. Ini bermaksud 10% daripada populasi Malaysia di Sabah memberi subsidi bagi 70% daripada penggunaan minyak masak seluruh Malaysia. Secara perbandingan 2 kilo minyak masak kelapa sawit berharga RM7.20 di Semenanjung Malaysia dan RM7.90 di Tawau, Sabah.

Pendek kata rakyat Sabah bukan sahaja tidak menikmati sebarang kebaikan, tetapi sebenarnya membayar harga lebih tinggi walaupun menyumbangkan lebih daripada 70% daripada jumlah subsidi minyak masak atau ses seluruh Malaysia. Peladang-peladang kelapa sawit di Tawau khasnya dan Sabah amnya berhak diberi satu penjelasan terperinci berkenaan jumlah ses yang telah dikutip setakat ini, jumlah ses yang telah dibelanjakan dan di mana perbelanjaan berlaku mengikut negeri. Tuan Yang di-Pertua, dunia sedang menghadapi krisis kekurangan makanan sekarang. Kerajaan Malaysia telah mula memberikan keutamaan atas sektor pengeluaran makanan terutama sekali penanaman padi dengan subsidi besar RM4 bilion.

Oleh kerana krisis ini kerajaan patut berterima kasih kepada peladang-peladang kelapa sawit Sabah yang telah menyediakan keperluan makanan asas ini kepada rakyat Malaysia, bukan lagi mengenakan mereka denda pembayaran ses bertujuan subsidi

yang tidak adil langsung. Mengikut *argument* yang sama, Sabah tidak menikmati sebarang faedah yang disumbangkan oleh kawasan-kawasan pengeluaran beras yang lain di Malaysia. Rakyat Sabah membeli beras pada harga yang jauh lebih tinggi berbanding dengan harga di Semenanjung Malaysia. Saya sekali lagi berharap menteri dapat mendengar suara rakyat Sabah dan peladang-peladang dari Tawau dan Lahad Datu yang inginkan pemansuhan ses waktu satu tahun ini akan tamat esok iaitu 13 Mei kerana pembayaran ses ini adalah bercanggah dengan kepentingan negara dan patut diperbetulkan tanpa sebarang penangguhan lagi.

Saya juga berharap wang cukai yang telah dikutip dapat dikembalikan secara cukai *rebate* kepada peladang-peladang kelapa sawit yang berkaitan jika pemansuhan ses dapat diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua Kementerian Pelajaran. Saya ingin menarik perhatian Menteri Pelajaran terhadap isu peruntukan bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan di Sabah. Ingin saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran atas pemberian peruntukan kementerian sebanyak RM30 juta kepada semua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau SJK(C) di semenanjung Malaysia dan RM15 juta kepada semua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Sarawak pada awal tahun ini.

Namun semua SJK(C) di Sabah masih menunggu lagi ketibaan berita baik yang patut atas prinsip adil saksama untuk semua. Untuk maklumat menteri, kebanyakan sekolah SJK(C) di Sabah boleh dianggap sebagai sekolah-sekolah wawasan kerana penuntut-penuntut sekolah itu terdiri daripada budak-budak pelbagai kaum di Sabah. Sekolah-sekolah itu memerlukan peruntukan untuk memperbaiki alat bantuan pengajaran dan membina lebih banyak bilik kelas untuk menampung keperluan yang kian meningkat. Walaupun sebahagian sekolah itu telah menerima peruntukan untuk penyelenggaraan pada tahun lepas, ia adalah sangat kurang bernasib baik kerana peruntukan itu telah diterima dalam bentuk waranti sahaja.

Itu adalah tidak berguna langsung untuk sebahagian sekolah yang telah melaksanakan kerja pembaikan atas sebab kerumitan atau kecemasan pada masa berkenaan itu. Saya berharap menteri dapat memperbetulkan situasi ini secepat mungkin. Saya juga berharap bahawa peruntukan tahunan akan diberikan kepada semua sekolah bantuan kerajaan termasuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah menengah persendirian Cina dan sekolah-sekolah misi agama dalam bentuk peruntukan tahunan di Sabah dan Sarawak khasnya dan di seluruh Malaysia amnya. Memandangkan kepentingan ICT untuk persaingan global saya ingin mencadangkan subjek pembelajaran komputer dapat dimasukkan di dalam kurikulum semua sekolah bantuan kerajaan. Bolehkah Kementerian Pelajaran meninjau keperluan pendidikan jenis itu?

Pada masa sekarang kebanyakan sekolah menjalankan pembelajaran komputer di luar jadual waktu biasa dan pembayaran kos tuisyen tambahan sangat membebankan ramai ibu bapa di Sabah dan Tawau. Saya membawa rayuan bagi pihak semua sekolah bantuan kerajaan terutama sekali sekolah misi agama dari Tawau yang kekurangan kemudahan komputer untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran penuntut berbilang kaum supaya mereka tidak dinafikan pembelajaran komputer yang begitu penting dalam zaman maklumat ini.

Oleh kerana perkara ini sangat rumit, saya berharap menteri dapat bertindak atas rayuan ini secepat mungkin. Saya juga ingin membawa satu isu daripada golongan guru Sabah yang mengajar di kawasan yang sukar seperti di pulau dan luar bandar. Telah dimaklumkan bahawa guru-guru yang berkaitan layak menerima elaun kritikal atau *hardship allowance* dengan izin. Pengumuman ini telah dibuat sempena perasmian SK Pulau Bum Bum pada tahun 2005. Kenapakah sekolah SK Pulau Bum Bum tidak menerima elaun kritikal seperti yang telah dijanjikan sejak 2005. Bolehkah menteri menjelaskan kesulitan golongan guru yang berkaitan? Adakah masalah ini merupakan kes tunggal yang berlaku? Boleh menteri memberikan satu rumusan bilangan guru yang telah menerima elaun kritikal dan jumlah elaun yang terbayar bagi setiap kawasan negeri Sabah khususnya di Tawau bagi tahun 2006 dan 2007. Saya berharap menteri boleh bertindak secepat mungkin supaya boleh memberi ganjaran yang berpatutan kepada guru-guru yang sudi berkhidmat di kawasan terpencil dan sukar.

■ 1720

Isu yang ketiga, Kementerian Dalam Negeri. Saya meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah pelan tindakan kementerian untuk menyelesaikan situasi pendatang tanpa izin atau PTI di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin adalah punca semua ancaman atau *mother of threat*. Pendatang tanpa izin di Sabah termasuk yang memegang MyKad keluaran sindiket dokumen palsu dan dokumen lain yang diragui merupakan satu masalah yang serius yang lama terlewat ditangani di Sabah.

Masalah ini telah menghabiskan banyak sumber negeri dan pendatang tanpa izin adalah dikait dengan penambahan jenayah, ancaman kesihatan, meningkat berlakunya *specially tuberculosis* dan HIV AIDS. Peningkatan import dadah, yang melintasi sempadan dan banyak lagi.

Satu lagi impak serius yang berpunca daripada pendatang tanpa izin, adalah lelaki tempatan bersama perempuan pendatang tanpa izin telah melahirkan anak yang tidak bernegara atau *stateless children* dengan izin.

Golongan anak-anak ini, tidak pergi ke sekolah dan akhirnya menjadi budak-budak asing jalanan atau *street kids* yang menimbulkan masalah sosial. Sebaliknya

terhadap perempuan tempatan pula yang ditinggalkan sebagai ibu tunggal oleh suami mereka yang merupakan pendatang tanpa izin. Ini juga menimbulkan keluarga bermasalah dalam masyarakat Sabah dan Tawau.

Tambahan pula, budak-budak asing jalanan di Sabah dan Tawau khasnya sudah menjadi ibu bapa kepada budak-budak asing jalanan generasi yang kedua. Mengikut satu anggaran terdapat seramai beberapa ribu orang budak-budak asing jalanan dan anak-anak tidak bernegara di Tawau.

Bilangan itu belum ambil kira lagi yang didapati di bandar-bandar lain di Sabah. Masalah ini adalah mimpi ngeri bagi kerajaan sekarang dan kerajaan masa depan. Isu kritikal ini yang menyebabkan kesengsaraan adalah berpunca daripada persekitaran sosial.

Memandangkan impak serius dan kritikal pada masyarakat kita, saya berharap menteri baru akan campur tangan secara langsung supaya mencegah kemasukan lanjut pendatang tanpa izin serta menjalankan operasi terhadap golongan ini.

Kerajaan mesti memulakan satu tindakan segera untuk menyelesaikan sindiket MyKad palsu dan merangkakan serta melaksanakan dasar-dasar terhadap budak-budak yang tidak bernegara dan budak-budak asing jalanan sebelum negeri Sabah dibebankan secara kewangan oleh pendatang tanpa izin buat selama-lamanya.

Saya mendesak kerajaan supaya mempertimbangkan penubuhan sebuah Kementerian Hal Ehwal Khas untuk Sabah dan Sarawak *Ministry of Special Affairs for Sabah and Sarawak*, untuk memerangi masalah serius ini secara jangka masa panjang dan bukan sahaja secara operasi-operasi *ad hoc* sahaja.

Isu yang keempat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tawau mempunyai tanah seluas 127,000 hektar yang ditanam dengan kelapa sawit, koko, getah dan kelapa. Sebahagian ladang dimiliki peladang-peladang kecil di Ulu Kalempang yang terletak lebih kurang 70 kilometer dari Tawau tanah seluas 8000 ekar telah ditanami dengan kelapa sawit oleh 500 orang peladang kecil. Peladang-peladang di sana telah menghadapi keadaan jalan yang sangat teruk sejak 10 tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Saya sendiri pernah turun padang untuk menyaksikan dan melihat apa yang berlaku di sana dan kita berharap kementerian akan mengambil tindakan dan memberi peruntukan untuk menyelesaikan masalah ini.

Isu yang kelima, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walaupun pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Sabah adalah di bawah Kerajaan Negeri Sabah.

Saya ingin membawa suara rakyat Tawau untuk perhatian menteri berkaitan banyak isu serius yang memerlukan perhatian dan tindakan segera. Keadaan sampah

sarap yang dibiarkan di atas jalan atau di tepi jalan, di taman-taman perumahan dan di mana-mana sahaja menimbulkan masalah kesihatan dan kebersihan di Tawau.

Satu masalah yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran Tawau adalah kekurangan tapak-tapak pengisian tanah atau *land tune side*. Justeru itu saya ingin memohon bantuan kementerian supaya dapat mencari teknologi yang berkesan untuk mengatasi masalah sampah sarap yang sudah lama terlewat ditangani. Masalah lain yang dihadapi rakyat Tawau adalah masalah longkang dan parit yang tidak diselenggarakan selama lebih daripada 30 tahun.

Bantuan dan peruntukan kementerian adalah diperlukan untuk menjalankan kerja pembersihan dan pembinaan semula banyak longkang dan parit untuk memperbaiki perairan Tawau dan kementerian mentadbirkan kehidupan harian rakyat.

Oleh itu, selaras dengan seruan Yang Amat berhormat Perdana Menteri terhadap perkhidmatan berpusat rakyat atau *people centre service*. Saya merayu kepada menteri dan kementerian agar dapat melawat Tawau untuk melihat sendiri bagaimana buruk keadaan di sana perlu ditangani dan diselesaikan. Walaupun setiap majlis perbandaran mempunyai autonomi pentadbiran, saya berharap kementerian dapat menjalankan kerja untuk memantau atau menyelia kecekapan Majlis Perbandaran Tawau dalam menjalankan tugas-tugas menjaga kebersihan di Tawau dengan lebih berkesan.

Saya juga berharap kementerian dapat memberi bantuan dan peruntukan yang sesuai kepada Majlis Perbandaran Tawau untuk menaikkan taraf semua bidang perkhidmatan demi kebaikan rakyat tempatan. Dengan itu saya mohon menyokong, sekian.

Beberapa ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor.

5.28 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya Dzulkefly Ahmad dari kawasan Parlimen Kuala Selangor bangun untuk turut berucap menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, agak lama juga saya bangun, duduk, bangun, duduk sebagai orang baru tentunya saya gemuruh. Apa pun alhamdulillah, diberi laluan juga di penghujung ini oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Seperti ada yang menyebutkan *better never late* ataupun *better late than never* tapi saya lebih takut, kalau boleh kita tukar hari ini kepada *the better never late*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang telah disebutkan tentang Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu dan sebutan ini pun mencetuskan rasa alergi, rasa ribut dan benci. Yang Berhormat Pasir salak masih ada lagi, Yang Berhormat Rembau pun mungkin sudah pergi. Namun saya akan dapat dengan izin meneruskan, saya cuba untuk meneruskan perdebatan lanjutan senario politik pasca ke-12 kerana ada perkara-perkara yang perlu kita fahami bersama.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, tak apalah BN tidak kalah dan pembangkang pun, Pakatan Rakyat tidak menang. Memang pun kerana undi protes sahaja yang menyebabkan Pakatan Rakyat menang tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita terus-terusan berada terus dalam penafian ini dan BN khususnya tidak mahu menerima akan hakikat realiti perkara telah berlaku dalam apa yang dikatakan tsunami politik yang melanda Kerajaan Barisan Nasional baru-baru ini, maka kita takuti bahawa sesiapa pun yang menongkah arus kebangkitan rakyat akan terbenam dalam arus ombak tsunami ini termasuk juga Pakatan Rakyat ataupun pakatan pembangkang.

Walau apa pun huraian pencetus ataupun penyebab kepada zon terbenam atau api *centre* tsunami ini. Apa yang jelas ia merupakan satu pencerminan pencetus kekecewaan seluruh rakyat yang menunjukkan protes yang jelas dan bantahan dan penentangan kepada apa jua yang mereka telah alami dan sekaligus membawa gelombang kebangkitan rakyat secara raksasa yang melepasi prestasi, yang melepasi keputusan pilihan raya yang paling buruk yang dialami Perikatan dalam tahun 1969 mahupun 1999. Dalam pilihan raya yang lalu, rakyat seolah-olah mengisytiharkan telah berlalu dan terkubur politik perkauman sempit yang memangsakan mereka dan menjadikan mereka bidak-bidak politik yang sentiasa diperjudikan oleh elit-elit politik perkauman BN. Meneliti secara lebih terperinci akan menginsafkan pimpinan politik sama ada kerajaan mahupun pembangkang, bahawa rakyat dan pengundi di negara ini telah meninggalkan politik perkauman usang dan lapuk dengan mereka gantikan dengan satu politik baru, *the new politic* dengan izin. Politik merentasi kaum yang berpaksikan keadilan untuk semua yang mahukan sebuah kerajaan yang mengamalkan *good governance* dengan izin yang bebas rasuah, punya kredibiliti, maruah dan pertanggungjawaban kepada seluruh rakyat dan negara.

Pembelaan dan perlindungan tanpa perhitungan kaum atau ras, pegangan agama atau budaya bahkan pegangan fahaman politik itu pun adalah hak asasi rakyat dan pengundi. Kesemua ini mereka lakukan dalam semangat mendukung Perlembagaan Persekutuan dan asas-asas persefahaman yang telah termeterai dalam kontrak sosial yang didukung bersama sejak sekian lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita saksikan dalam tsunami politik 8 Mac, bukanlah kemenangan besar tiga politik pembangkang yang hari ini dipanggil dengan jolokan Pakatan Rakyat. Itu adalah natijahnya. Rakyat dan pengundi juga bukan derhaka atau tidak mengenang jasa baik Kerajaan Barisan Nasional ataupun yang disebutkan oleh Ahli Parlimen Ledang, tidak beriman kononnya. Apa yang sebenarnya telah berlaku adalah pakatan tiga komponen kaum terbesar di negara ini yang sepakat yang mengisytiharkan bahawa berdasarkan maklumat yang mereka terima dan capai dalam media baru dan alternatif yang pelbagai bentuk sama ada *print* elektronik, maya blog dan *web site*, mereka telah merdeka dan keluar daripada kongkongan media perdana yang telah memperbodohkan mereka untuk sekian lamanya.

Dalam suasana krisis berpanjangan dan kemelut yang tidak berujung ini, sama ada kereputan institusi-institusi penting seperti *judiciary* yang diperkosa, kos dan saraan kehidupan yang semakin menghimpit dan mendera mereka, rasuah yang parah dan membarah, peningkatan jenayah yang menegaskan, yang memangsakan golongan lemah kanak-kanak perempuan dan wanita, pertentangan agama dan kaum yang tidak ada tidak ada kehendak politik untuk meleraikannya. Kecacatan sosial yang mengancam kesinambungan negara bangsa ini. Peminggiran golongan yang lemah, jurang kaya dan miskin yang semakin lebar yang saya sendiri menyaksikan di kawasan Parlimen saya khususnya di estet dan di kampung-kampung di Kuala Selangor. Di negeri terkaya di Persekutuan yang telah pun diisytiharkan sebagai negeri maju pada tahun 2005.

Penghakisan hak asasi mereka dan hak mendapat maklumat dan hak ekspresi, penerusan undang-undang *draconian*, seluruhnya menuntut dan menantikan penyelesaian yang tidak kunjung tiba. Sementara retorik dan mantera kosong terus didendangkan saban hari oleh pimpinan tertinggi Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kini mereka telah menghantar mesej yang cukup jelas kepada seluruh negara yang mereka lakukan adalah tindakan kemuncak patriotisme ataupun kemuncak kasih sayang dan menzahirkan kasih sayang mereka terhadap negara dan tanah air tercinta dengan memenuhi kata-kata hikmat seorang pujangga barat yang berbunyi dengan izin bahasa terjemahannya, "Seorang patriot, seorang yang kasih dan pencinta negaranya, mesti bersedia membela negaranya dengan menentang kerajaannya bagi membela negaranya atau dengan izin "*a patriot must always be ready to defend his country against his government.*" Kini mereka benar-benar membawa dan menghayati kata-kata golongan pujangga perundangan ketika kezaliman menjadi undang-undang, penentangan adalah kewajipan. *When injustice becomes law, defense is a responsibility.*

Tuan Yang di-Pertua, kalau sebelum pilihan raya, BERSIH membawa kempen berbau amalan demokrasi, rakyat, pengundi adalah tuan, bos dan majikan dalam

amalan sebuah negara amalan demokrasi. Ketika saya dan kawan-kawan memberi keterangan di atas pentas pembangkang, terkebil-kebil mata rakyat dan pengundi kerana mereka tidak faham bahawa mereka adalah bos dan majikan dalam sebuah amalan negara demokrasi, tetapi kini setelah berlalunya dan berlakunya tsunami politik yang melanda UMNO, Barisan Nasional, kita dapati bahawa buat julung-julung kalinya rakyat dimerdekakan dan baru kini baru mereka faham bahawa merekalah bos, majikan dan tuan dalam sesebuah negara demokrasi ini. Kini dalam apa yang mereka angkat sebagai kuasa rakyat slogan *Makkal Sakthi* itu, memberikan mereka dan mengangkat mereka yang mereka mahu sebagai kerajaan dan menurunkan mana-mana parti atau calon sebagai pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kini bermulanya satu era baru, politik baru dan andainya tsunami politik ini tidak difahami, maka akan berlaku terus-terusan perubahan yang lebih besar daripada hanya perkara yang dianggap sebagai undi protes untuk Pakatan Rakyat. Sebenarnya apa yang mereka lakukan Tuan Yang di-Pertua, adalah sebenar-sebenarnya kunci resipi dan formula kemenangan yang akan terus membawa arus kebangkitan rakyat kerana kalau dengan izin saya di izin sebutkan, inilah yang dimaksudkan dalam tuntutan, dalam Al-Quran di mana Allah s.w.t menyebutkan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Seandainya Allah tidak izinkan kezaliman dan keterlanjuran segolongan manusia itu, ditolak dan disemak imbang oleh golongan yang lain, seluruh muka alam ini akan musnah, tetapi apa yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu, kita dapati pakatan dan gandingan tiga kaum terbesar membawa semak imbang ini kepada realiti yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan inilah yang dikatakan semak imbang yang diperlukan untuk membawa negara ini ke tahap yang lebih maju dan melonjakkan negara ini untuk berada di persaingan global di mana kita punya daya saing. Apa yang ingin saya sebutkan seterusnya dalam keadaan masa yang cukup cemburu dan diburu waktu ini yang melekat kelancaran ucapan saya ini, saya hanya mahu menyinggung satu lagi aspek, yakni yang kerap disebut-sebutkan tentang urusan ekonomi dan pengurusan korporat. Kita masih ingat dan saya sendiri pernah menyebutkan di beberapa tempat yang lain.

■1740

Saya masih ingat bagaimana seorang pakar ekonomi daripada Morgan Stanley, pada seawal bulan April 2002 dalam majalah *The Edge* menyebutkan bahawa dalam 22 tahun pemerintahan Tun Dr. Mahathir, negara ini kehangusan, ketirisan, kebocoran 3% daripada KDNK GDP atau kurang lebih 100 bilion Dolar Amerika bersamaan dengan RM340 bilion. Hangus kerana amalan rasuah, amalan kronisme, amalan penyalahgunaan kuasa dalam pelbagai bentuk yang membawa kehancuran kepada

pengurusan ekonomi negara ini. Malangnya setelah menang besar pada PRU ke-11, 2004, 21 Mac 4 tahun yang lalu dengan kemenangan yang dicapai atas agenda untuk memerangi rasuah dan memberikan kesejahteraan dan amalan yang terbaik dalam negara ini, kita dapati keadaan pada takuk yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak faham angka-angka besar yang disebutkan untuk memberikan keyakinan kepada mereka tentang pertumbuhan setinggi 62%, tentang dagangan yang mencecah RM1 trilion. Tentang *reserve* asing atau *foreign reserve* yang mampu menanggung 10 bulan, import tertanggung, komposit indeks yang terus meningkat dan segala angka ajaib yang mereka kurang faham. Apa yang mereka tahu barang naik, yang mereka tahu anak mereka yang keluar universiti tidak dapat kerja, yang mereka tahu ada di sana 40,000 penganggur-penganggur atau graduan menganggur. Hutang PTPTN masih perlu dibayar, kos saraan hidup mereka terus meningkat, kos tambang anak-anak sekolah mereka juga begitu. Tarif api, takrif air naik dan kalau mereka di lebuhraya mereka terpaksa membayar tol yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai waktunya kerajaan negara ini membuktikan bahawa semua angka-angka ini adalah bermakna dan mendatangkan kehidupan yang lebih selesa, kehidupan yang lebih baik, kehidupan yang lebih bermaruah untuk seluruh lapisan rakyat dari segi kualiti hidup yang sesuai dengan dakwaan kita yang sudah menghampiri status negara maju. Kita suka negara maju tapi kita mahu dibuktikan dengan memberikan satu kualiti hidup yang bermaruah kepada rakyat. Jangan sampai kita dipersoalkan tentang pengurusan kekayaan ekonomi negara ini, sejauh mana mampunya kita. Jangan ingat kita saja yang faham dan tahu untuk mengurus kalau inilah cara dan natijahnya dalam memacu polisi mikroekonomi negara jelas kita gagal mengekalkan keseimbangan antara pertumbuhan inflasi dan *employment*.

Tahun lalu pengarah *Malaysian Institute of Economic Research* dengan izin membuat satu pengisytiharan tentang apa yang beliau ungkapkan sebagai perkara pelik atau *anomaly* dengan izin yang disebutkan sebagai *the jobless growth* atau pun pertumbuhan tidak menjana pekerjaan. Pelik tapi benar dengan pertumbuhan 6.2% tahun 2007 kerajaan gagal menjana 200,000 pekerjaan. Sebabnya kita tanya kerajaan, tanya menteri. Apa yang silap sehingga *mismatch* atau ketidaksejajaran ini antara pelaburan dan keperluan *human resources* mungkin sehingga kalau kita hanya memacu pertumbuhan dalam sektor harta tanah dan *construction*. Maka tentunya kita akan dibanjiri pekerja asing seramai 1 juta yang berdaftar dan sekali ganda lagi yang tidak berdaftar.

Namun graduan-graduan kita, graduan IT kita, graduan sains kita, graduan LLB kita bekerja hanya sekadar sebagai penjual insurans atau pun takaful dan tidak benar-benar dapat dimanfaatkan bidang-bidang pengkhususan mereka. Apakah ini semua

menunjukkan bahawa kita tidak efisien dalam memacu pertumbuhan sehingga mengikut statistik laporan RMK-9 dahulu saya memerhatikan keefisienan output setelah input dibuat pelaburan kita masih jauh rendah. Kalau boleh dengan izin saya sebutkan *incremental capital output ratio icon* nya adalah jauh daripada yang berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau betul negara ini sudah punya dan menghampiri status negara maju seumpama negara-negara *emerging* yang lain buktikan dengan petunjuk sebenar. Sebagai contoh kalau saya boleh bawa satu yang lebih jauh ke depan atau pun *the high end of the corporate finance*. Perlu diwujudkan seumpama negara-negara ini apa yang disebutkan sebagai *sovereign-wealth fund*, dana kekayaan kedaulatan negara bagi membuktikan bahawa kita punya status yang menghampiri negara maju.

Contohnya yang kita perhatikan dalam krisis sub-prima yang berlaku di Amerika Syarikat. Tahukah kita bahawa peluang untuk melonjak sebagai *an immediate global player* terbuka luas kepada sesiapa pun yang bersedia. Namun kita sama ada terleka, terlepas pandang, tertidur atau pun tidak bersedia. Kita juga punya kekayaan, kita juga punya seperti Petronas yang mempunyai jumlah *turnover* tahun lalu sahaja sebanyak RM184 bilion dengan keuntungan bersih RM76 bilion. Krisis pinjaman gadai janji sub-prima ini kerugian dalam sekuriti di sokong gadai janji atau *mortgage backed security* (MGS) dengan izin, telah meletakkan banyak institusi-institusi kewangan di Amerika Syarikat dan barat mengalami kerugian yang besar. Dalam suasana ini negara seharusnya mengambil *position* membeli ekuiti ke dalam syarikat-syarikat gergasi seumpama ini seperti yang dilakukan oleh negara-negara yang punya *sovereign fund* yang kukuh untuk mengambil *position* dalam institusi kewangan seperti *The City Group, Merrill Lynch, UBS, Union Bank of Switzerland* dan sebagainya. Akan tetapi di mana kita, kita yang bercakap Dewan yang mulia ini oleh menteri-menteri dan terutama kepada rakyat menyebutkan angka-angka ajaib yang mereka tidak fahami.

Sepatutnya kita juga punya keupayaan untuk mengambil peluang dalam hal krisis seumpama ini. Contohnya Temasik membeli Temasik kepunyaan Singapura, membeli *sovereign fund* mereka itu. Membeli daripada Merrill Lynch membeli USD4.4 bilion dan the Government of Singapore Investment Corporation membeli ekuiti dengan pelaburan USD11 bilion ke dalam *Swiss bank* terbesar UBS. Abu Dhabi *invest cooperation* melabur USD7.5 bilion ke dalam *City Group*, sementara China mengambil 10% *stake* dalam Morgan Stanley yang kehilangan USD9.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, andainya kita juga punya *sovereign fund* yang berwibawa dan bersedia, kita boleh melonjatkan negara ini ke pentas antarabangsa yang cukup memberikan keyakinan kepada dunia dan rakyat di negara ini. Malangnya hanya yang mampu kita beli seperti yang dikatakan tempoh hari oleh seorang Yang Berhormat

daripada Gombak. Kita hanya mampu membeli Bank of Indonesia itu pun dengan harga tiga empat kali lebih tinggi harga pasaran.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji. Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **memepengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini meletakkan kita dalam satu keadaan di mana dakwaan kehebatan yang pernah kita saksikan yang dilakukan oleh anak watan negara ini dengan *the morning rate* yang dilakukan di London dalam awal tahun 90-an.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Satu lagi, sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dakwaan kehebatan itu tidak dapat kita ulangi dan telah pun dilakukan sedikit waktu dahulu. Mana pergi kekuatan kita, sementara kita mendabik dada, menyatakan tentang angka-angka yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Apa yang kita berhadapan dengan kenyataan adalah perlakuan-perlakuan salah laku sumbang yang seperti mana yang pernah dihadapkan kepada *Public Account Committee* di mana sedikit waktu lalu persoalan tentang *merger and acquisition* seorang tokoh korporat muda yang membeli daripada syarikatnya sendiri ECM Libra dan lantas menimbulkan pelbagai tanda tanya dan pertikaian.

■1750

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya rumuskan, Tuan Yang di-Pertua. Paling malang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggulah, Yang Berhormat, masa menteri menggulunglah boleh tanya lagi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak apa, rumusan seminit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Justeru kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, apakah kita akan dapat keluar atau sebelum daripada itu, apakah kita akan belajar daripada tsunami politik yang berlaku dan melanda, khususnya Barisan Nasional. Apakah kita akan benar-benar mendapat pengajaran daripada ini, lalu keseluruhan Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengambil pengajaran daripada itu

bahawa rakyat hari ini sudah merdeka dengan maklumat. Rakyat bersedia untuk membuat perubahan yang lebih besar daripada apa yang kita mampu berikan.

Justeru kerana itu, tsunami politik ini bukan satu jolokan nama untuk sesuka hati sesiapa pun. Ini merupakan satu menyingsingnya fajar baru dalam politik baru di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dengan itu kita harapkan bahawa apa yang terbaik dan untuk kebaikan negara ini, sama-sama kita, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini sama ada di bawah Pakatan Rakyat mahupun kerajaan supaya bertanggungjawab kepada rakyat dan memberikan segala pertanggungjawaban dan kepentingan rakyat yang perlu dibela. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sibuti.

5.51 ptg.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta menjunjung kasih menyokong usul penghargaan dan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan pada Hari Perasmian Persidangan Parlimen Malaysia Penggal Ke-12, tahun 2008.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Peter Chin Fah Kui, dengan izin, kerana kawasan saya dahulu adalah di bawah kawasan beliau dan sekarang saya meneruskan kerjanya. Melalui kesempatan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala pandangan dan nasihat yang terkandung dalam Titah Ucapan Baginda itu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh tentang perpaduan. Dengan ingatan, perpaduan ini amatlah penting. Kalau perpaduan tidak dipelihara, maka kucar-kacirlah masyarakat kita dan pudarlah kepercayaan dari satu kaum ke satu kaum dan hilanglah rasa hormat-menghormati antara satu sama lain. Ini sangat-sangat tidak diingini sebab Malaysia terdiri daripada berbilang kaum dan mengharapkan segala usaha mesti dipertingkatkan yang boleh membawa perpaduan yang kukuh dan unggul sebuah bangsa Malaysia. Saya yakin bahawa Program Latihan Khidmat Negara yang terdiri daripada berbilang kaum, maka nilai murni akan terjalin daripada remaja yang terdidik dalam program itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa hanya untuk bercakap di kawasan saya, Sibuti sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda juga menyentuh tentang keselamatan. Kita mesti mengucapkan terima kasih kepada pihak polis, tentera darat, laut dan udara kerana dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna, berkesan dan tenteram. Pihak polis sentiasa menambah anggota pasukannya dan sentiasa membuat rondaan yang sangat berkesan dan menyambut baik ketenteraman awam.

Rondaan menggunakan helikopter dari kawasan Bandar raya Kuala Lumpur ke Kuching sangat berkesan dan mempercepatkan penangkapan penjenayah-penjenayah. Saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar rondaan menggunakan helikopter itu diperluaskan ke kawasan Miri, Lambir, Bekenu dan Niah sebab kerap kali rompakan bersenjata berlaku di kawasan-kawasan yang tersebut. Kita juga memohon dan mencadangkan supaya anggota-anggota keselamatan ditambah untuk menjaga ketenteraman dan keselamatan penduduk-penduduk yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Dengan yang demikian, saya mencadangkan dan memohon supaya pondok-pondok polis disediakan dan juga pondok-pondok telefon untuk mereka berkomunikasi semasa kecemasan di kawasan yang tersebut.

Kemudahan asas – saya berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah banyak menjayakan projek-projek di luar bandar seperti kawasan saya di Sibuti, contohnya, jalan-jalan kampung walaupun masih ada dalam proses. Begitu juga bekalan elektrik kepada sekolah-sekolah yang telah hampir 80% siap dengan bantuan bekalan mesin generator jana kuasa elektrik. Walaupun rancangan air bersih masih dalam proses, kerajaan telah pun membekal tangki-tangki air di kampung-kampung luar bandar dan di rumah-rumah panjang di kawasan ini. Diharapkan kampung-kampung dan rumah panjang yang masih memerlukan kemudahan asas di kawasan Sibuti dipercepatkan.

Dengan yang demikian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dipohon memberi perhatian. Kawasan saya Sibuti juga adalah satu kawasan tarikan pelancong di mana Gua Niah dan juga air terjun, pantai-pantai yang indah di Kuala Sibuti, Kuala Niah, di Pantai Bekam adalah satu tempat pelancongan mengambil udara yang bersih dengan tiupan angin bersiul-siulan dan indah pantainya sehingga banyak pelancong luar negeri datang ke kawasan saya.

Menyentuh tentang pertanian, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Sibuti pada satu masa dahulu terkenal dengan Beras Sibuti dan ada dua buah kawasan yang telah dibuat tali air untuk penanam padi dua kali setahun. Memandangkan sekarang ini kekurangan beras, saya mencadangkan dengan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membaik pulih tali air dan menggiatkan kembali pesawah-pesawah di kawasan ini

untuk kembali bertanam padi. Penanam padi diberhentikan disebabkan harga padi ketika itu sangat murah dan mereka bertukar kepada penanam jagung sebab pada masa itu harga jagung naik dari RM2 untuk tiga biji kepada RM5 untuk tiga biji.

Dengan jentera moden dan pertanian secara sistematik, mampu menjana keluaran produk berkualiti dan meningkatkan kualiti dan kuantiti. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghulur bantuan kewangan secukup-cukupnya serta khidmat nasihat supaya penduduk-penduduk boleh kembali bertanam padi dan secara tidak langsung dapat menyahut seruan kerajaan iaitu '*Sarawak is another Rice Bowl of Malaysia*', dengan izin.

■1800

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Sibuti juga terkenal sebagai salah sebuah kawasan ladang sawit yang besar di negeri Sarawak. Pekebun-pekebun kecil dan perseorangan mendapat hasil yang lumayan dan buah-buahan yang bermusim juga memberi hasil yang lumayan seperti buah durian, langsung, tembikai, jagung dan lain-lain.

Dari laut juga nelayan-nelayan di kawasan saya mendapat hasil yang banyak dan mencukupi. Masalahnya hanyalah nelayan laut dalam selalunya dicerobohi pendarang-pendarang yang mengambil hasil laut, mengikis hasil-hasil laut daripada yang sekecil-kecil ikan bilis sehinggalah ikan yang besar-besar dan berharga. Dengan itu kita mengharapkan pihak keselamatan marin untuk mencegah, melihat di mana keberkesannya menjaga pantai kita agar perolehan kita daripada laut tidak terhalang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap banyak dan tidak bercakap panjang, kerana masa dan memberi peluang kepada kawan-kawan kita yang lain daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat ini yang ingin bercakap memperkatakan mengenai keperluan di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya juga memohon agar kawasan saya di Sibuti itu diberi pertimbangan untuk mengadakan perkhidmatan perbankan, di mana di Pekan Bekenu belum ada bank dan juga di pekan kecilnya untuk ditambah lagi bank yang ada pada masa ini. Dengan kemudahan-kemudahan yang demikian petani-petani yang mendapat hasil daripada jualan buah-buahan, hasil daripada sawit dan hasil penangkapan ikan daripada laut dapatlah dengan mudah disimpan dalam bank dengan selamat. Disebabkan mereka menjual hasil mereka dengan bayaran tunai dan dapat dipandang oleh sesiapa sahaja, maka ini akan membawa kepada mereka senang dirompak. Oleh yang demikian, saya mencadangkan pihak-pihak yang berkenaan agar mengadakan bank-bank di kawasan saya.

Akhir kata dalam ucapan saya yang pendek ini, saya berdoa kepada Allah S.W.T. agar kita semua dalam Dewan yang mulia ini dapat bersatu padu, bekerjasama, berganding bahu agar berjaya meneruskan kejayaan bangsa kita dan juga kemajuan

negara kita Malaysia yang kita kasihi. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Masih ramai yang berminat. Yang Berhormat Selayang.

6.04 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas dan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya juga mengucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan Yang Berhormat. Saya juga mengucap tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas kejayaan mereka dalam Pilihan Raya Umum Ke-12.

Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 bukan sahaja politik tsunami, ia merupakan politik kesedaran. Rakyat sedar dan bangkit untuk memecah rantai politik perkauman. Politik ketakutan telah digantikan dengan politik kesedaran.

Tuan Yang di-Pertua, di Selayang, di kampung-kampung dalam kawasan saya di Kuang mengalami banjir setiap kali hujan. Kerajaan telah memberi kontrak bernilai beratus-ratus ribu untuk membina parit dan memulihkan keadaan sungai akan tetapi masih juga banjir. Mengikut cara pembinaan yang biasa, parit kecil dibina untuk mengalirkan air dari parit kecil ke dalam parit besar. Kontraktor ini telah membina parit kecil di bawah bukit dan parit besar di atas bukit sehingga air boleh mengalir ke atas bukit dengan sendiri. Projek itu tidak berkesan.

Kontraktor ini telah membuat kesilapan. Wang telah dibazirkan. Peristiwa di mana kerja kontrak dikehendaki untuk dibaiki atau dipulihkan bukan sahaja berlaku di kawasan Selayang, tetapi di semua lapisan pentadbiran negeri dan negara. Rakyat mengetahui bahawa banyak kontrak telah diberikan kepada kontraktor yang tidak layak dan berjuta-juta ringgit telah dibazirkan untuk pemulihan. Contohnya adalah seperti berikut:

- (i) Kos asal MRR2 ialah RM120 juta, kerja pemulihan kos tambahan sebanyak RM70 juta.
- (ii) Kos asal bangunan MATRADE ialah RM167 juta, tetapi kos selepas disiapkan ialah RM287 juta.
- (iii) Projek untuk membina jambatan baru dari Johor Bahru ke Singapura telah dibatalkan dan pampasan sebanyak RM360 juta dibayar.
- (iv) Projek *incinerator* di Broga telah dibatalkan dan pampasan sebanyak RM500 juta dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak puas hati dengan pembaziran wang yang banyak ini. Soalan yang timbul bagaimana kontrak boleh diberikan kepada kontraktor yang tidak boleh membuat kerja. Mengapa kontrak diberikan bukan dengan cara tender terbuka, tetapi dengan cara tender tertutup. Kontrak-kontrak ini menimbulkan kecurigaan, rasuah, menyalahgunakan kuasa dan penyelewengan mungkin telah berlaku. Rakyat telah sedar pembaziran ini tidak harus berlaku. Rakyat mahukan pentadbiran yang baik, berketelusan dan bertanggungjawab, dengan izin *governance transparency and accountability*.

Satu isu yang lain, Tuan Yang di-Pertua ialah setiap tahun ibu bapa pelajar yang bukan bumiputera mengalami penderitaan dan kesengsaraan oleh sebab anak mereka yang memperoleh 9A atau 10A tidak dapat memasuki universiti. Sebahagian daripada mereka adalah daripada golongan miskin. Mereka bergantung harapan agar anak mereka mendapat ijazah di universiti untuk mengatasi kemiskinan, tetapi harapan ini hancur oleh sebab dasar-dasar yang tertentu. Di negara-negara lain anak-anak yang berbakat dan cerdas ini akan dialu-alukan memasuki ke universiti di negara-negara itu. Ini adalah sebab mereka akan menjadi aset kepada negara dan akan dapat memainkan peranan penting untuk meningkatkan produktiviti negara tersebut.

■1810

Malaysia sahaja, negara yang tidak mahu menggunakan bakat dan aset kesemua rakyatnya. Mengapa bantuan tidak boleh diberikan kepada semua rakyat yang memerlukannya?

Oleh yang demikian, kita tidak boleh bincang perihal modal insan selagi ada dasar di mana, sebahagian rakyat kita dihalang untuk mendapatkan pencapaian mengikut bakat dan kecerdikan mereka. Selagi kesan daya persaingan kita ketinggalan, ia taraf hidup rakyat negara kita. Kita seharusnya sama rata dengan Singapura, Taiwan dan Korea Selatan.

Perkembangan ekonomi negara itu pada tahun 70-an adalah sama dengan Malaysia. Daya persaingan kita kurang bila dibandingkan dengan negara-negara ini. Ini menjadi ketara apabila kita bandingkan jumlah pelaburan langsung asing ataupun FDI dengan izin, dengan negara-negara lain di rantau ini. Menurut Laporan Pelaburan Sedunia pada tahun 2007, *World Investment Report 2007*, bertarikh 16 Oktober 2007, kaedah kenaikan pada tahun 2006, berbanding dengan purata untuk tahun 1990 hingga 2000 adalah seperti di bawah:

- (i) FDI yang masuk ke Malaysia tahun 2006 - USD6.1 bilion berbanding dengan purata FDI sebanyak USD 4.7 bilion. Kadar kenaikan 28%;

- (ii) untuk Indonesia, jumlah FDI tahun 2006 - USD5.6 bilion berbanding dengan purata FDI USD1.5 bilion. Kadar kenaikan ialah 273%;
- (iii) untuk Thailand, FDI tahun 2006 - USD9.8 bilion berbanding dengan purata FDI USD3.2 bilion. Kadar kenaikan ialah 206%; dan
- (iv) untuk Singapura, FDI tahun 2006 - USD24.2 bilion berbanding dengan purata FDI sebanyak USD9.2 bilion. Kadar kenaikan ialah 163%.

Ternyata jumlah USD6.1 bilion yang diperoleh oleh Malaysia, malap sekali jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Ini adalah petunjuk jelas bahawa negara kita telah ketinggalan.

Satu kesan yang lain, menunjukkan kekurangan kesan daya persaingan kita ialah apabila membandingkan pendapatan kita dengan negara-negara ini. Menurut kajian yang diperoleh dalam *World Bank, World Development Indicators 2005*, pendapatan per kapita di Malaysia ialah RM21,500.00. Pendapatan per kapita di Singapura ialah RM106,000.00. Lima kali ganda daripada pendapatan rakyat Malaysia. Pendapatan per kapita di Korea Selatan dan Taiwan pula tiga kali lebih tinggi daripada kita.

Tidak ada alasan munasabah bahawa negara kita adalah negara yang mempunyai lebih sumber semula jadi daripada Singapura, tidak dapat mencapai pendapatan yang lebih. Oleh yang demikian, pendapatan kita sebenar harus lima kali ganda daripada apa yang sedia ada, jikalau kita mengambil pendekatan yang baru. Rakyat telah sedar bahawa mereka boleh meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka jika ada perubahan. Hanya dengan satu agenda, ekonomi Malaysia dengan pendekatan baru, dapatlah kita mencapai matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, Tenaga Nasional Berhad bercadang membina pencawang-pencawang elektrik bervoltan tinggi, 275 kilowatt merentasi sebuah kampung di Rawang, di kawasan saya. Penduduk seramai 3,000 orang membantah kerana membahayakan kesihatan dan memberi ancaman terhadap nyawa. Kajian telah menunjukkan voltan tinggi akan menyebabkan penyakit kanser. Terdapat satu laluan alternatif yang boleh digunakan oleh TNB, tetapi TNB enggan bersetuju berbuat demikian. Di antara sebabnya ialah, laluan ini akan menggunakan perbelanjaan besar dan masa yang lebih. Peristiwa ini menunjukkan kesan buruk ke atas penswastaan.

Penswastaan telah mengutamakan perolehan keuntungan daripada kepentingan rakyat. Sejak negara menswastakan lebuhraya kepada United Engineers Sdn. Bhd. pada tahun 1987, maka bekalan elektrik, air dan setiap kemudahan dan perkhidmatan

awam termasuk pengutipan sampah sarap telah diswastakan. Pemegang-pemegang konsesi mendapat monopoli, untuk menjual barang atau perkhidmatan keperluan demi mengaut keuntungan. Penswastaan perkhidmatan awam menjadi beban kepada rakyat jelata. Rakyat tidak mendapat manfaat oleh sebab keuntungan hanya dinikmati oleh golongan yang tertentu.

Akibat dasar-dasar ini, wujudlah sekumpulan kecil yang berkepentingan peribadi dan berjaya menguasai kepentingan-kepentingan ekonomi dan sosial dalam negara, demi keuntungan peribadi mereka. Golongan yang miskin dan serba kekurangan pula, tidak berpeluang berkongsi keuntungan-keuntungan ini. Matlamat dasar-dasar yang sedia ada, adalah untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat supaya jurang perbezaan ekonomi antara kaum dapat disamaratakan.

Akan tetapi, dasar penswastaan yang kononnya dilaksanakan untuk manfaat golongan yang miskin dan serba kekurangan tidak mengagihkan manfaat itu kepada golongan sasaran, melainkan kepada golongan yang berkepentingan. Penswastaan mengakibatkan peningkatan aras ketidaksamaan sosial dan ekonomi di kalangan rakyat. Maka itu, golongan termiskin tetap diabaikan.

Mengikut satu kenyataan media bertarikh 11 Disember 2007, yang dikeluarkan oleh *The Joint United Nations Development Programs, Economic Planning Unit*, dengan izin, tajuknya, *Malaysia Measuring and Monitoring Poverty and Equality*, melaporkan kadar kemiskinan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun adalah seperti berikut:

- (i) Sabah merupakan yang tertinggi dengan kadar 41.6% diikuti oleh;
- (ii) Terengganu dengan kadar 25.9%;
- (iii) Kelantan dengan kadar 18.5%; dan
- (iv) Sarawak dengan kadar 14.9%.

Ini dibandingkan dengan 0.8% di Pulau Pinang dan 2.6% di Selangor. Kajian ini sungguh menyedihkan kerana Sabah, Terengganu dan Kelantan adalah negeri yang kaya dengan sumber semula jadi seperti minyak dan balak. Akan tetapi mereka adalah negeri yang termiskin.

Juga mengikut laporan ini, angka *genuine coefficient* di Malaysia, iaitu satu sukatan bagi kesamarataan pendapatan di mana 0 menunjukkan kesamarataan sempurna atau dengan izin, *perfect equality* dan 1.0 menunjukkan ketidaksamaan sempurna atau dengan izin, *perfect inequality* adalah di sekitar 0.46. Ini untuk Malaysia.

■1820

Angka ini adalah yang paling tinggi di rantau ini. Angka ini menunjukkan di Malaysia terdapat ketidaksamaan yang lebih tinggi berbanding di negara-negara lain

yang miskin seperti Indonesia (0.32), Vietnam (0.36), dan Laos (0.37). Kita juga lebih tinggi daripada Thailand (0.41).

Tuan Yang di-Pertua, keluasan jurang ketidaksamaan di antara golongan yang berada dan tidak berada itu menegaskan bahawa pertumbuhan ekonomi semata-mata terutama apabila manfaat tidak dikongsi secara saksama tidaklah mencukupi untuk mencapai kemajuan yang bermakna dengan mengurangkan kadar kemiskinan. Kemudahan dan perkhidmatan awam tidak sepatutnya diwastakan. Rakyat sedar bahawa reformasi perlu dilaksanakan untuk mengembalikan kemudahan awam kepada rakyat dan bukan digunakan untuk memberi monopoli kepada golongan yang tertentu secara penswastan.

Satu tajuk yang lain Tuan Yang di-Pertua, negara kita masih mengalami tekanan kenaikan harga pusingan pertama yang diakibatkan oleh kenaikan harga petrol pada tahun 2006. Ada tanda-tanda yang menunjukkan pusingan baru kenaikan harga petrol, tol, dan barang-barang akan melanda kita. Golongan yang makan gaji dan para petani akan menderita pukulan hebat kenaikan harga ini. Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah termasuk menetapkan harga dan simpanan stok barangan yang perlu.

Setiap kali pihak berkuasa meluluskan undang-undang dan menghendaki pemilik atau pembekal sesuatu barang menjual barang itu di bawah harga pasaran, kekurangan barangan itu pasti berlaku. Inilah hukum ekonomi. Bercanggah dengan kepercayaan pegawai-pegawai kerajaan, tidak ada sebuah kerajaan pun yang boleh menghapuskan hukum ekonomi seperti mana yang tidak boleh menghapuskan hukum graviti. Harga rendah yang palsu yang tidak mengikut harga pasaran membawa dua kesan yang bersangkutan. Ia menyebabkan bekalan ditarik balik dari pasaran dan ia menjemput para pengguna menggunakan barangan itu lebih daripada jumlah yang benar-benar diperlukan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan. Boleh minta laluan Yang Berhormat?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Oleh sebab masa yang singkat, duduk, saya sedikit sahaja habiskan dahulu. Kekurangan minyak masak dan tepung yang berlaku baru-baru ini adalah contoh bagi cubaan mengawal harga barangan. Dalam situasi itu, kawalan harga berkesan hanya untuk jangka pendek. Manfaat itu hanya menundakan hari-hari perhitungan atau *the day of recommend* dengan izin.

Sebaik sahaja kawalan ditarik balik atau tidak dapat dikekalkan, maka kesan sepenuh kenaikan harga itu akan dirasai dengan satu pukulan sahaja. Oleh itu, kawalan harga lebih merupakan ubat *pain killer*. Itu hanya ubat *panadol* bukan ubat penyembuh. Langkah itu digunakan untuk meminjам masa supaya langkah-langkah penyembuh yang

lebih baik dikemukakan dan dilaksanakan. Amatlah penting bagi kerajaan menumpukan perhatian mencari penyembuhnya sebelum ubat *panadol* itu kehabisan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya. Tindakan-tindakan yang dicadangkan yang hendak disediakan, tidak harus ada kenaikan harga petrol, tidak harus ada kenaikan kadar tol lebuhraya, subsidi-subsidi bagi barangan yang perlu harus dikekalkan, manakala program-program jangka panjang dilaksanakan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan sedikit bolehkah?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Jikalau subsidi petrol diambil dan diguna untuk subsidi makanan dan harga minyak dinaikkan, kenaikan harga semua barangan yang lain akan menghapuskan kesan positif dengan mengekalkan harga hanya satu, dua barang dan mengakibatkan lebih kesusahan. Pekerja-pekerja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat sudah habis ya.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya, tinggal satu minit lagi ya. Pekerja-pekerja juga akan didesak. Rumusannya, rakyat sudah sedar tentang hak mereka, rakyat juga sedar tentang isu-isu yang timbul, rakyat tidak mahu pemimpin yang beretorik. Rakyat mahu satu harapan baru, harapan yang dapat merealisasikan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Kami Pakatan Rakyat tidak mahu dan tidak akan membina mahligai atau banglo. Kami akan membina sesuatu yang dapat melindungi semua dan memberikan ruang kepada semua dengan kesaksamaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Saya menggesa semua ahli Yang Berhormat untuk menyokong perubahan yang perlu selaras dengan aspirasi rakyat yang berkehendakkan demokrasi, kebebasan dan kesaksamaan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat bagi Lipis.

6.27 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas bagi menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Titah Ucapan Baginda menyentuh pelbagai perkara merangkumi antaranya politik, dan kepimpinan negara, keistimewaan Parlimen, 50 tahun fasa kedua kemerdekaan,

generasi muda, misi nasional, modal insan, ekonomi, sektor perkhidmatan, sukan, sektor pertanian dan dasar luar negara.

Bercakap tentang modal insan, Tuan Yang di-Pertua, jadi untuk merealisasikan erti pembangunan modal insan ini kita harus menyerlah pengisian modal insan dalam bentuk amalan. Banyak cara untuk kita berbakti dan membuat pengorbanan besar untuk bangsa, masyarakat dan negara. Umpamanya, pasukan keselamatan mereka terpaksa mempertaruhkan nyawa bagi memastikan negara aman dan tenteram. Kakitangan sektor awam menggunakan pelbagai kemahiran untuk memastikan negara terus maju. Tahniah kepada mereka kerana mendapat hadiah besar daripada kerajaan minggu lalu.

Manakala, sektor swasta pula memacu pembangunan ekonomi negara dengan projek-projek yang berdaya maju. Tuan Yang di-Pertua, modal insan dijana menerusi sistem pendidikan yang mantap. Ia tidak terhad kepada pengajian formal dan pengijazahan sahaja. Modal insan yang harus dikembangkan merangkumi pelbagai peringkat dan usia. Peringkat profesional dan pengurusan memerlukan pendidikan formal yang baik dan berkualiti di Institusi Pengajian Tinggi yang juga bermutu dan berprestij.

Golongan separa profesional dan pekerja am perlu dibangunkan dari segi kemahiran, sikap dan kesungguhan mereka. Jadi atas faktor itu, sesebuah negara yang maju sebenarnya bukan hanya didukung oleh profesional yang berdaya saing dan mempunyai sikap yang pro-aktif malah ditunjangi oleh pekerja yang separa profesional dan pekerja am yang berkualiti dan berjiwa besar. Mereka bangga melakukan apa sahaja untuk kemajuan diri sendiri, keluarga, bangsa dan negara.

Jika mereka berkhidmat sebagai petani, mereka berusaha menjadi petani yang berdaya maju dan inovatif, menggunakan pelbagai pengetahuan dan teknologi moden untuk mempertingkatkan produktiviti. Tuan Yang di-Pertua, di manakah tahap petani-petani kita pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, tamadun baru yang berlaku dalam dunia masa ini disebabkan pengaruh pengetahuan baru dalam pelbagai bidang. Pengetahuan merupakan kuasa perubahan sosial dan ekonomi dengan berpandukan kepada teknologi maklumat, teknologi digital, teknologi media massa yang serba canggih dan hebat, pengetahuan sudah dapat disebarkan dengan lebih luas dan berkesan. Di jari-jari kita sekarang sudah boleh mendapat maklumat dengan pantas dan terkini. Telefon bimbit yang di bawa oleh kita sudah boleh memainkan peranan maklumat yang penuh dengan pengetahuan dan juga adang-kadang fitnah dan sebagainya.

■ 1830

Era telefon bimbit sudah boleh menyalurkan maklumat internet, pesanan ringkas SMS, MMS, perbualan video serta menonton siaran TV dengan teknologi 3G. Tidak

ketinggalan blog-blog di internet yang tumbuh merata seperti cendawan tumbuh. Terpuhlumlah kepada kita semua adakah teknologi ini memberi manfaat kepada kita atau sebaliknya. Pengawasan yang keterlaluan oleh pihak kerajaan mungkin boleh menghalang minda rakyat ini. Pembentukan masyarakat berpengetahuan Tuan Yang di-Pertua, harus menekankan proses pembelajaran yang berterusan dan menjadi slogan *Learning Organization* sebagai satu pendekatan membentuk masyarakat berpengetahuan.

Inilah yang dicanang-canangkan supaya setiap warga Malaysia sentiasa *up-to-date*. Tak kiralah peringkat usia mana pun. Seorang pemimpin boleh mengemaskinikan mindanya bagi memacu hala tuju negara. Seorang naib canselor perlu mempunyai idea dan visinya supaya universitinya berada dalam ranking yang terbaik. Manakala golongan mahasiswa harus mempunyai minda yang pesat supaya kelak nanti negara mempunyai golongan pelapis yang memiliki minda kelas pertama.

Kita harus mengeksport ilmu pendidikan ala Malaysia keluar negara Tuan Yang di-Pertua. Saya mengesyorkan kita menggunakan keupayaan institusi pengajian tinggi awam atau IPTA mengembangkan sayap mereka keluar negara terutamanya ke negara kedua dan ketiga seperti Indonesia, Kemboja, Vietnam, Brunei, negara-negara di Afrika dan negara-negara di Timur Tengah.

Saya melihat sudah ada institut pengajian tinggi swasta di negara ini telah mengembangkan sayap mereka keluar negara seperti Kolej Universiti Lim Kok Wing. Mengapa tidak IPTA kita yang mendahuluinya? Mengapa kita masih takut-takut? Universiti Nottingham dan Monash antaranya sudah pun membuka cawangan mereka di sini. Mengapa UKM dan UM sendiri tidak sedemikian mengembangkan sayap cawangan ke luar negara. Penerokaan angkasa lepas baru-baru ini seharusnya dapat menyuntik satu dimensi baru terhadap mata pelajaran ini dan kajian-kajian di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya betapa ramainya pelajar Indonesia daripada pelosok pulau datang mencari ilmu di UKM di peringkat sarjana. Mengapa tidak naib canselor melihat betapa untung dan manfaat sekiranya dibuka cawangan UKM di Pulau Sulawesi atau Sumatera sendiri. Inilah yang kita mahu melangkah jauh ke depan. Kita harus mengetahui bahawa modal insan berbeza sifatnya yakni semakin banyak digunakan semakin baik dan semakin banyak jadinya. Modal insan bersifat dengan izin *indigenous* ia tidak terhakis dan ia adalah milik semua. Perkongsian ilmu tidak seperti perkongsian sumber asli yang mengehadkan penggunaan pemilik asal.

Profesor Lucas penerima anugerah Nobel Ekonomi 1995 menyifatkan modal insan sebagai satu elemen penting bagi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Model pertemuan ekonomi terkini meletakkan modal insan sebagai faktor pengaruh yang perlu diutamakan oleh pembuat dasar. Modal insan boleh digilap dan dipupuk. Ia tiada had.

Agenda misi nasional yang menampilkan modal insan memberi ruang untuk semua memupuk dan menggilap tahap pengetahuan masing-masing bilakah agaknya kita boleh memperoleh anugerah Nobel, Tuan Yang di-Pertua.

Penjenamaan semula kolej komuniti dan peningkatan abnomen Universiti Teknologi Mara UTM, UiTM kepada 200,000 pelajar menjelang 2010 sebagai contohnya adalah langkah besar Kementerian Pengajian Tinggi bagi membolehkan seramai mungkin modal insan digilap. Sejak ia diperkenalkan tahun 2000 kolej komuniti di seluruh negara sudah melatih 41,307 orang pelajar berkemahiran yang sebahagian besarnya lepasan SPM. Dengan konsep pendidikan bersepadu dwi sistem iaitu kuliah dan latihan industri yang mengutamakan *hands on*, prestasi lepasan kolej komuniti boleh dibanggakan dengan hampir 60% lekasannya mendapat pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian dan 90% daripadanya bekerja di sektor swasta.

Saya mohon agar Kementerian Pengajian Tinggi dapat menubuhkan kolej komuniti di kawasan Parlimen Lipis secepat mungkin seperti yang dijanjikan. Ini untuk memberi peluang dan ruang kepada masyarakat Lipis dan kawasan sekitarnya menikmati pembelajaran peringkat tinggi di tempat sendiri. Kini tidak ada satu pun IPT di Lipis. Itu di peringkat pengajian tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Pada peringkat pendidikan menengah pula melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, PIPP berdasarkan laporan kad kemajuan Kementerian Pelajaran banyak pembangunan serta perkembangan dari segi fizikal berupaya dilaksanakan bermula tahun 2005 hingga 2008. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan nanti perlu ada asas kesinambungan kursus untuk membantu penduduk di kawasan luar bandar. Saya berharap peruntukan bagi projek-projek mega yang tidak perlu yang dibatalkan dari segi dilaksanakan perlulah disalurkan ke kawasan-kawasan luar bandar yang masih daif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah diraja, Baginda meminta KPM lebih menitikberatkan soal latihan serta pembelajaran murid daripada awal iaitu prasekolah lagi. Kita tidak mahu pelajar-pelajar kita ketinggalan dan tidak boleh bersaing di masa hadapan. Menyentuh PPSMI pula kita perlu memberi peluang kepada KPM untuk membuat penilaian yang lebih teliti secara menyeluruh pada penghujung tahun 2008 ini. saya yakin kita akan mendapat produk PPSMI iaitu tahun enam sekolah rendah yang akan menduduki peperiksaan UPSR hujung tahun ini.

Berkenaan bantuan untuk sekolah dan pelajar luar bandar saya mohon KPM atau Kementerian Pelajaran menjelaskan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan dari tahun 2005 hingga tahun 2008 dan mengapakah...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: ...ada beberapa projek kementerian...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Mohon penjelasan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: ...tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Okey, sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Pengalaman Yang Berhormat Lipis di kawasan Lipis sendirilah tentang pembelajaran dan pelajaran dalam PPSMI ini adakah masyarakat atau pelajar-pelajar kita dapat menguasai mata pelajaran sains dan matematik di dalam bahasa Inggeris dan peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi menyerlah apabila diajar dalam bahasa Inggeris atau semakin kurang menyerlah apabila diajar dalam bahasa Inggeris. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Krau. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembelajaran ini bagi saya boleh dibuat di mana-mana dan dalam bahasa apa pun tapi apa yang penting ialah proses pengajaran dan pembelajaran itu dilaksanakan betul dengan kaedah betul dan para pelajar dapat menguasai apa yang diajar.

Jadi kalau kita melihat sekarang PPSMI masih di peringkat percubaan. Jadi kita berilah peluang kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya mereka dapat menilai semua apa yang dipelajari kerana bagi saya kita membuat andaian secara rambang tapi biarlah pihak profesional menjalankan tugas mereka dan kita beri peluang kepada kementerian.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Lipis, sekali lagi. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Lipis telah menghadiri banyak perasmian Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Pasti pengalaman-pengalaman Yang Berhormat Lipis merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru mendapat maklumat-maklumat sama ada daripada laporan pengetua, laporan daripada guru besar atau laporan daripada PIBG sendiri tentang kelemahan dan kekurangan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar khususnya masyarakat Melayu di luar bandar apabila sains dan matematik ini diajar dalam bahasa Inggeris. Saya mohon penjelasan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Sebenarnya rasa saya kita pun sama Yang Berhormat Kuala Krau, Tuan Yang di-Pertua. Akan tapi itulah saya kata ada yang bersetuju ada yang tidak bersetuju. Ada yang saya tengok pelajar luar bandar mendapat 10A. Mereka pandai berbahasa Inggeris dan sebagainya. Sebab itulah bagi saya kemahiran berbahasa dan sebagainya boleh diajar dan boleh dipelajari di peringkat mana pun tapi apa yang penting bagi saya ialah kesediaan pelajar dan kesediaan guru yang mengajar itu sangat penting.

■1840

Jadi kita harap pihak kementerian membuat penambahbaikan di mana yang kurang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, begitu juga apakah bentuk pemantauan yang dibuat terhadap kantin-kantin sekolah supaya kantin sekolah ini sentiasa bersih. Jadi saya mohon penjelasan kerana banyak kejadian keracunan berlaku sejak akhir-akhir ini dan kita berharap kejadian keracunan ini tidak berlaku lagi di sekolah. Jadi begitulah nilai-nilai yang ada dalam modal insan hendaklah hadir dalam elemen kerja pasukan. Okey, sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis, terima kasih banyak. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Lipis berhubung satu perkara iaitu kita bercakap program modal insan dari bawah sampai ke menengah sehingga ke pengajian tinggi dan macam-macam program kita buat, secara akademik, secara ikhtisas dan sebagainya.

Namun kita dapati kebanyakan keluaran daripada universiti, maktab, institut latihan dan sebagainya, mereka ini banyak bergantung untuk mendapatkan kerja, mencari pekerjaan, tak boleh hendak berdikari, dan ini mengakibatkan kita tengok banyak pengangguran berlaku apabila tiada peluang pekerjaan.

Apa masalahnya dalam sistem pembelajaran, sistem latihan yang ada itu yang menyebabkan mereka berkeadaan begitu lemah? Kita tengok banyak pengangguran berlaku apabila tiada peluang pekerjaan. Setuju atau tidak Yang Berhormat kalau saya cadangkan supaya program ataupun pengajian berhubung dengan keusahawanan dijadikan wajib kepada pelajar-pelajar kerana pengajian keusahawanan ini menjadikan mereka boleh berdikari?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Pasir Salak dan saya mohon supaya pandangan tersebut dimasukkan ke dalam ucapan saya. Jadi, seperti yang saya kata tadi, antara elemen yang perlu dalam modal insan ini ialah nilai *caring*, kerja berpasukan, dari segi aspek sosiologi, psikologi, moral dan sebagainya dan begitulah berorganisasi dan juga menjadi *role model*.

Jadi bagi saya untuk memastikan semua ini tercapai, para pelajar kita harus diajar dengan keupayaan memilih dan bagi saya ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua. Keupayaan memilih antara yang baik dengan yang tidak baik, dan keupayaan memilih antara yang baik dengan yang terbaik kerana kini sumber maklumat dapat dicapai oleh setiap individu dengan jari mereka sahaja, kesan daripada kepesatan ekonomi dan penipuan SMS kini semakin menjadi-jadi.

Fitnah-memfitnah melalui SMS pun semakin menjadi-jadi. Jadi, di sini saya mohon penjelasan daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, sejauh manakah

tindakan untuk membanteras perkara ini dilaksanakan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, seterusnya saya hendak menyentuh sedikit soal ekonomi negara. Memandangkan ekonomi negara terus pesat, apalagi pada tahun 2008, saya percaya pertumbuhan KDNK sebenar dijangka berkembang kepada lebih 6.3%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada satu minit saja lagi.

Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]: Jadi, apa yang saya harapkan, Tuan Yang di-Pertua, GLC kita, kalau dulu mereka beroperasi di Malaysia sahaja yang saya anggap sebagai jaguh kampung walaupun sebenarnya 50 GLC yang ada yang kita ada tersenarai dalam Bursa Saham Malaysia.

Jadi kita harap GLC ini terus mengorak langkah pergi ke luar supaya menjadi MNC kerana kita lihat ada beberapa MNC dalam negara kita yang sangat menyerlah dan sebagainya. Kita lihat contoh Proton, Petronas di mana kadang-kadang semua orang bertumpu kepada Petronas dan sebagainya dan apa yang saya harapkan juga GLC-GLC kita ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar kita yang menganggur.

Jadi, saya hendak menyentuh satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini dari segi soal kemiskinan. Apa yang saya harapkan ialah pihak yang bertanggungjawab memikirkan bagaimanakah kita hendak memudahkan sistem perbankan kita supaya pinjaman kredit mikro ini dapat dilaksanakan dengan cara licin, mungkin kita boleh buat secara wakaf dan juga wakaf ini menjadi penjamin ataupun jaminan kepada peminjam-peminjam.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya di sini hendak menyarankan kepada Kementerian Pertahanan agar menjadikan keris sebagai satu daripada pakaian rasmi semasa tentera kita terutama lain-lain pangkat dalam pakaian istiadat kerana bagi saya keris ini merupakan satu lambang bagi orang Melayu dan lambang kepahlawanan dan kalaulah rasa saya, Rejimen Askar Melayu Diraja menggunakan keris ini dengan bersampin, pakai baju putih dia dengan seluar putihnya dan bersampin hijau dan diselitkan keris, bagi saya amat segak nampaknya. Saya percaya tidak ada orang yang terbunuh atau tidak ada orang cedera dengan pemakaian keris ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]: Kalau kita lihat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]: ...Selepas ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat Arab Yaman sendiri pun, pisau belati yang bengkok itu pun digunakan sebagai satu daripada alat kebesaran mereka.

Beberapa Ahli: Oman.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Oman. Jadi tidak ada siapa pun yang terbunuh dan sebagainya dan sebab itulah bagi saya pemakaian keris ini perlu kita jadikan terutamanya di Kementerian Pertahanan sebagai satu alat untuk melahirkan rasa kebanggaan, kepahlawanan dan sebagainya. Jadi untuk itu, saya mengharap bahawa di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung. Sekian, saya mahu menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sepanggar.

6.48 ptg.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyertai untuk mengucapkan tahniah kepada kita semua oleh kerana kemenangan kita untuk mendapat kerusi di Dewan yang mulia ini. Tidak dinafikan bahawa kerajaan Barisan Nasional yang agak stabil ini telah membenarkan, sebenarnya membuktikan sokongan dan sumbangan rakyat Sabah dan Sarawak yang tidak berbelah bagi bukan sahaja sebagai hanya tambahan untuk mendapat 2/3 majoriti di dalam Dewan ini yang selalunya diperkatakan dahulu termasuklah mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa di Labuan yang mengatakan bahawa Sabah dan Sarawak ini, Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak ini hanya sebagai tambahan untuk 2/3 tetapi bukti pada ketika ini bahawa Sarawak dan Sabah lah yang telah menentukan kemenangan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Apa yang sedih adalah rakyat kita di Sabah dan Sarawak selepas 45 tahun merdeka masih berperasaan tidak berpuas hati terhadap kekurangannya perwakilan dari Sabah dalam pentadbiran Persekutuan. Kita harap suara-suara keluhan dari Sabah ini tidaklah disalah tafsirkan sebagai sekadar untuk merebut jawatan Kabinet dalam Kerajaan Persekutuan. Apa yang lebih membimbangkan rakyat di Sabah ialah isu-isu penting yang dihadapi oleh Sabah serta rakyatnya yang telah dan sedang diketengahkan dalam Dewan yang mulia ini.

■1850

Sangat menyedihkan apabila berlakunya spekulasi liar parti pembangkang kononnya Ahli-ahli Parlimen akan bertukar rumah maka pasukan pengintip dari ibu pejabat pula diarah untuk meninjau seolah-olah memperkuatkan kebenaran spekulasi itu. Apakah ini layanan yang kita dapat? Adakah sepanjang ini ahli-ahli tiada kejujuran terhadap Kerajaan Pusat?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan, autonomi politik haruslah dipertingkatkan supaya Sabah dapat meneruskan hal ehwalnya sendiri termasuklah pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah, Rancangan Malaysia Kesembilan dan perkhidmatan awam. Banyak yang telah diperkatakan bahawa Koridor Pembangunan Sabah seperti cadangan Lembaga Pembangunan Wilayah akan melibatkan penyerahan kuasa-kuasa kerajaan negeri ke atas tanah dan kerajaan tempatan kepada Pihak Berkuasa Persekutuan. Keraguan inilah yang harus diperjelaskan dengan lebih terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah memerlukan tambahan dalam bidang anggota perwakilan dalam aliran utama nasional, dalam bidang politik, pentadbiran, perkhidmatan awam, serta dalam aspek ekonomi dan sosial negara. Satu langkah bijak adalah untuk mengembalikan semula Kementerian Hal Ehwal bagi Sabah dan Sarawak supaya kepentingan kedua-dua negeri ini dapat diberi tumpuan dan perhatian yang utama. Rakyat Malaysia dari Sabah yang mempunyai kelayakan bersesuaian haruslah dilantik atau dinaikkan pangkat untuk menjawat ketua-ketua dalam jabatan-jabatan persekutuan di Sabah serta misi diplomat luar negara.

Kita sememangnya mengambil berat tentang laporan berita di mana pengambilan seramai 30 orang pegawai rendah RTM Sabah semuanya bukan terdiri daripada rakyat Sabah. Bukankah ini merupakan di antara kebimbangan masa kini? Kita harus menjurus kepada satu pendekatan bersifat bukan perkauman ke arah perpaduan nasional dan memberi kuasa kepada golongan minoriti juga adalah penting dalam proses bina negara. Kita mesti lebih berusaha untuk menyekat perpecahan kaum dan kelompok agama dalam negara. Sabah merupakan model yang berjaya untuk menunjukkan keharmonian masyarakat berbilang kaum. Kebelakangan ini perpecahan kaum dan agama di negeri-negeri lain telah dibawa masuk ke Sabah. Perpecahan inilah yang harus dibendung dan dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus menyerahkan pelan tindakan utama untuk menyelesaikan keadaan pendatang tanpa izin, PTI di Sabah termasuk sindiket MyKad dan lain-lain dokumen yang berkaitan yang meragukan dan membawa punca ketidaksenangan di kalangan rakyat Sabah terhadap pendatang asing. Ibarat ibu kepada semua ancaman. Kerajaan tidak mengambil terhadap isu ini yang boleh mengancam kepada kedaulatan dan juga keselamatan negara kita. Contohnya pada November yang lalu, saya telah menyuarakan tentang MyKad di mana seorang *Filipino*, seorang *Philippine* yang bernama Jerome Manuel telah ditukar dan mempunyai kad pengenalan bernama Jerome Majimbun iaitu bapa saya sendiri.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Nombor kad pengenalnya ialah 560930-12-5739 dan mempunyai kad pengenalan yang lama H0540992 dan tercatat di dalam kad pengenalan itu sama dengan kampung yang saya duduki pada ketika ini. Bagaimana ini terjadi? Saya sebenarnya telah pun menulis surat pada 4 Oktober tahun lalu kepada KSU Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan salinan Ketua Polis Negara tetapi hingga sekarang ini kita tidak ada dapat sebarang respons daripada kedua-dua pihak itu.

Satu contoh lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai bancian penduduk. Pada tahun 1970, Sarawak mempunyai bancian penduduk ialah 976,269 orang, pada tahun 2000 Sarawak mempunyai penduduk 2.1 juta yang kenaikannya lebih kurang 106%. Malahan di Sabah, pada tahun 1970 kita mempunyai 636,431 orang penduduk dan kenaikannya ialah 2,449,389 orang. Ini bermakna kenaikan sehingga 285%. Sedangkan di seluruh Malaysia, peratus kenaikan ialah hanya 113%. Di manakah lebih kurang 150% itu yang kita dapat orang-orang rakyat yang masih diragui di Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak jalanan atau *street children*. Pendatang asing di Sabah akan menjadi ibu bapa kepada anak-anak generasi kedua anak-anak jalanan ini. Lelaki tempatan akan menjadi bapa kepada anak-anak yang tidak bernegeri ataupun *stateless*, hasil perhubungan mereka dengan wanita asing begitu juga wanita tempatan ditinggalkan menjadi ibu tunggal oleh lelaki asing. Kita sedang menyaksikan generasi anak-anak jalanan tanpa negeri yang berkeliaran di seluruh pelosok Sabah. Bukankah ini akan membimbangkan keselamatan serta sosial ekonomi masa depan kita? Di samping kesengsaraan yang terpaksa dihadapi hasil suasana sosial sedemikian.

Kalau kes Linggam boleh disegerakan, yang penubuhan Suruhanjaya Diraja, apakah kes pendatang tanpa izin serta proses pemilikan kad pengenalan serta dokumen-dokumen berkaitan oleh orang asing ini yang menggugat keselamatan negara kita tidak boleh diambil tindakan serupa? Kita mohon kes ini diberi tumpuan segera dan diselesaikan dalam masa dua tahun atau terpaksa kita menghadapi mandat rakyat, *the silent majority*.

Kadar pengangkutan laut dan udara yang tinggi, tiket kapal terbang yang terlalu mahal, kenaikan kos sara hidup, perkhidmatan *internet broadband* yang tidak efisien, kerosakan penjana kuasa elektrik dan banyak lagi kepentingan yang menjadi begitu kukuh yang membimbangkan kita.

■1900

Monopoli oleh BERNAS, harga kereta PROTON, harga surat khabar yang begitu melambung tinggi. KLIA menentang dasar ruang udara terbuka, semua ini telah mengetepikan kepentingan kedudukan Sabah. Keputusan-keputusan perniagaan oleh syarikat-syarikat utama seperti bank-bank dibuat di Kuala Lumpur. Contohnya, untuk

penguasaan sebuah buku cek ataupun untuk mendapat sijil kelulusan CIDB bagi mengimport mangkuk tandas perlu dirujuk ke ibu pejabat di Kuala Lumpur.

Dengan terdapat asas yang tidak keseimbangan membuat negeri ini kurang berdaya saing dan akan menjadi kita harus bergantung sepenuhnya dengan bantuan-bantuan daripada Persekutuan. Terdapat banyak contoh-contoh lain. Malahan siaran TV3 pun tidak terdapat di beberapa kawasan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kecuaiian yang nyata Persekutuan ialah pelaksanaan secara tergesa-gesa. Akta Pinjaman Peminjam-peminjam Wang 1951 ataupun *Money Lender Act 1951(Act 400)* dengan izin ke Sabah pada 1 Februari 2008. Ini adalah mekanisme yang sedia ada untuk mentadbir undang-undang baru tersebut. Ini telah menimbul banyak kekeliruan, kerugian wang dan kemungkinan perbalahan undang-undang di Sabah. Bagaimana perkara ini dibiarkan berlaku. Bagaimana boleh Ordinan Peminjam-peminjam Wang 1901 ataupun '*Sabah Chapter 81*' dengan izin diketepikan begitu sahaja. Perlukah untuk mengubah pentadbiran ordinan pinjaman-pinjaman peminjam-peminjam wang Sabah yang telah berfungsi selama satu abad.

Sekarang Sabah harus menanggung akibat kerugiannya. Pihak kami juga mencadangkan supaya pembayaran ganti rugi pendapatan kepada Sabah di bawah *Part IV depends on Schedule of* Perlembagaan Persekutuan dan sumber-sumber penambahan pendapatan Negeri-negeri Borneo oleh Perbendaharaan Persekutuan dibuat segera sah di sisi undang-undang. Ini berkaitan dengan cukai import dan eksais saiz ke atas produk petroleum di Sabah dan Sarawak.

Pindaan yang dibuat oleh Parlimen ke atas Akta Jualan 1972 pada 1999 telah mengakibatkan kerugian pendapatan oleh Sabah dan Sarawak berjumlah RM200 juta setahun bagi setiap satu negeri. Kementerian Kewangan Persekutuan berjanji pada Parlimen untuk membayar ganti rugi sepenuhnya kepada Sabah dan Sarawak di atas kerugian yang dialami. Namun mendapat pembayaran sepenuhnya bagi Sabah bukanlah satu perkara yang mudah. *Mode* pengiraan jumlah kerugian juga tertakluk kepada pertikaian di antara Persekutuan dan negeri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dengan itu, adalah perlu untuk menjadikan pembayaran ganti rugi tahunan oleh Perbendaharaan Persekutuan sah dari segi undang-undang. Ini sekadar menuntut apa yang sepatutnya diberi kepada Sabah. Tuan Yang di-Pertua, keistimewaan status Mahkamah Tinggi Sabah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Kimanis bangun Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ya.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Adakah Yang Berhormat daripada Sepanggar setuju sekiranya FELDA mengamalkan skim peneroka di negeri Sabah dan matlamat asal kerajaan negeri Sabah memberi tanah kepada FELDA itu, maka kalau skim ini dilaksanakan ramai di antara atau peratusan yang begitu tinggi rakyat negeri Sabah dalam kemiskinan tegar dapat dikurangkan. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Tentu sekali kita bersetuju untuk kebaikan negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan. Keistimewaan status Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di bawah *Article 121* Perlembagaan Persekutuan perlu diambil perhatian. Pindaan-pindaan ke atas *Sabah Advocates Ordinance 1953* seperti dicadangkan oleh *Sabah Law Association* sudah terlalu lewat untuk dijadikan Undang-Undang Persekutuan. Ini adalah supaya *Legal Profession Act* dengan izin, tidak perlu dipanjang ke Sabah dan Sarawak agar tidak akan tersisih daripada perubahan positif yang dilakukan terhadap profesion perundangan dan kehakiman seperti mana yang di cadang oleh 'Menteri Undang-Undang' baru-baru ini.

Lebih penting lagi, perubahan-perubahan yang di cadang tidak akan melemahkan profesion perundangan dan kehakiman di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, pihak kami juga mencadangkan agar jambatan perhubungan Pulau Labuan dengan Tanah Negeri Sabah dapat dilaksanakan dengan diterajui oleh pihak...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Puchong bangun Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Minta maaf saya akan pergi...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sedikit saja penjelasan.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Sekejap lagi, sekejap lagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Akan diterajui oleh pihak Petronas demi untuk mempercepatkan pembangunan Wilayah Labuan dan Tanah Negeri Sabah. Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyentuh isu berkenaan dengan peguam dan juga Akta Profesion ataupun *Legal Profession Act* di Sabah dan Sarawak. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa ada lebih baik sekiranya kelonggaran diberikan kepada peguam-peguam daripada keseluruhan Malaysia supaya dapat beramal secara aktif dan cergas di kedua-dua Sabah dan Sarawak.

Ini supaya dapatlah Sabah dan Sarawak juga *gain* dari segi menerima *expertise* daripada peguam-peguam daripada Semenanjung Malaysia. Sebaliknya juga, di mana peguam-peguam daripada Sabah dan Sarawak juga dalam keadaan yang sama beramal di sini dan juga memberikan kepada kami sekiranya ada pengalaman-pengalaman mereka dan *expertise* mereka daripada Sabah dan Sarawak.

So, soalan saya. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa sekiranya kelonggaran diberikan supaya semua peguam negara ini dapat beramal di semua tempat. Semua negara tempat ini. Maka itu menjadi satu perkara yang baik untuk kepentingan kedua-dua pihak iaitu Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Yang Berhormat Sepanggar boleh gulung.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya tidak setuju, oleh sebab ini akan melibatkan keistimewaan bagi peguam-peguam di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada isu-isu.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Labuan bangun.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih. Saya akan terus gulung ini. Saya ingin juga mengetengahkan mengenai isu-isu perkara mengenai nelayan di perairan Sabah yang kita dapati pada ketika ini layanan itu tidak setimpal dengan perkhidmatan mereka untuk mempertingkatkan hasil tangkapan ikan. Contohnya, pihak Marin mengambil alih tugas Jabatan Perikanan Sabah, di mana lesen-lesen bot nelayan pada dahulunya adalah tertakluk kepada Ordinan Perikanan Sabah dan muatan kuasa kuda bot tersebut telah pun dilulus dengan lesen mengikut ordinan tersebut tetapi...

■1910

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung, Yang Berhormat, gulung, Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: ...tetapi saya difahamkan bahawa bila pelesenan ini diambil alih oleh Jabatan Maritim, mereka pada ketika ini dengan sewenang-wenangnya merubah pengukuran dan muatan bot sehingga ada yang tidak dapat lagi lesen mengikut undang-undang perikanan yang dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung, Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Maka itu sebab saya ingin merayu supaya kerajaan menjalankan pelesenan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Yusoff Haji Mahal [Labuan]: *[Bangun]*

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: ...seperti yang telah pun diberi kelulusan dahulu. Sekiranya bot yang baru, maka haruslah diguna dengan peraturan yang baru. Yang Berhormat Ranau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak ada masa, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Putatan.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Putatan, Putatan.

Datuk Haji Yusoff Haji Mahal [Labuan]: Labuan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Putatan. Minta maaf sahabat, sabar dulu, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sepanggar. Soal nelayan ini memanglah beberapa kali sudah kita timbulkan masalah pencerobohan nelayan dari luar negeri di perairan negeri Sabah, di perairan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun menyuarakan masalah ini. Baru dua hari yang lalu ada nelayan-nelayan yang kecil di Pantai Putatan di persekitaran perairan Kota Kinabalu itu habis pukut-pukatnya dihancurkan oleh nelayan-nelayan dari luar.

Jawapan dari pihak kementerian bahawa tangkapan telah pun dibuat. Pemantauan telah pun dilaksanakan, tetapi masih lagi berlaku. Jadi sampai bilakah Yang Berhormat, perkara ini masih berlaku lagi. Saya minta penjelasan, pandangan daripada Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup, cukup, Sepanggar.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...apakah pihak kementerian ini serius dalam menangani masalah pencerobohan ini.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Itu sebab, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Sambung ya?

Datuk Haji Yusoff Haji Mahal [Labuan]: *[Bangun]*

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Itu sebab kita minta supaya kerajaan betul-betul mengambil perhatian dan juga bertindak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup masa, Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Labuan.

Datuk Haji Yusoff Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi menyatakan supaya jambatan antara Labuan dan

tanah besar Sabah dapat dipertimbangkan. Setujukah Yang Berhormat supaya jambatan ini dapat kita percepatkan memandangkan status Labuan itu sudah hampir 25 tahun menjadi wilayah. Jadi janganlah cuma statusnya sebagai wilayah, tetapi keadaan Labuan itu sendiri masih terumbang-ambing memandangkan semua sistem *transportation*, dengan izin, antara Labuan dan tanah besar Sabah begitu daif sekali, umpamanya macam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, baik.

Datuk Haji Yusoff Haji Mahal [Labuan]: Umpamanya macam *ferry service* yang ada antara Labuan dan Sabah cuma satu buah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi diharapkan proses pembinaan jambatan dapat dipercepatkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sepanggar, gulung, Sepanggar.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labuan. Itu masuk di dalam ucapan saya juga. Saya sangat-sangat bersetuju supaya dipercepatkan. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Arau minta laluan, penjelasan.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung ucapan saya ini, saya ingin juga mengambil satu perhatian di sini supaya pengimport-pengimport daging makanan beku di Sabah ini dikaji semula. Tarifnya dikaji semula. Contohnya, di Sabah, pada tahun 2007, kita telah mengimport sayap ayam, *parts* daripada ayam ini, 15,875 metrik tan. Harga kita tahu memang sayap ayam yang dibekukan ini begitu laris, laku di Sabah oleh kerana ramai penduduk yang kurang mampu untuk membeli ayam. Maka sebab itu kita minta supaya kerajaan serius menangani ini, disebabkan kalau kita kira dengan pukul rata, setahun dengan 15,875 metrik tan yang diimport di Sabah ini, kalau sekiranya tarif 20% yang dikenakan, lebih kurang kita akan membayar RM24.3 juta setahun.

Ini semuanya akan dibebankan kepada rakyat yang miskin ini. Maka itu sebab saya minta supaya kerajaan betul-betul mengambil perhatian ini. Saya juga ingin mengetengahkan di sini oleh kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, gulung, Yang Berhormat.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Okey, ya, gulung, gulung. *Target* bagi seluruh Malaysia untuk mengimport daging *parts* ataupun seperti sayap ayam inilah 4,663 metrik tan pada tahun 1985, sedangkan kita di Sabah sudah mengimport 15,000 tan. So sebenarnya *target* ini tidak lagi perlu bagi kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ampang.

7.16 mlm.

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang bangkit memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat dan memberi peluang dan kepercayaan kepada 81 wakil rakyat Keadilan, PAS, DAP untuk membawa isi hati nurani rakyat yang selama ini terpendam dan tidak terbela.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Pasir Mas, Pasir Mas.

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Insya-Allah kami akan melakukan sebaik mungkin untuk membela nasib rakyat Malaysia melalui Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Walaupun Malaysia telah merdeka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Dia tidak bagi jalan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Hendak tanya, Pasir Mas tidak dikira ke?

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Walaupun Malaysia telah merdeka kali ke-50, namun pada keseluruhannya kualiti hidup rakyat Malaysia masih tidak mencerminkan pencapaian tersebut terutamanya di kalangan orang perempuan. Walaupun 50% daripada penduduk Malaysia adalah wanita, namun kedudukan wanita Malaysia tidak terletak di tahap yang memuaskan. Ibu tunggal terbiar, pelaksanaan undang-undang syariah lemah, rogol, ragut, rompak dan banyak macam lagi, membuktikan kebajikan wanita Malaysia tidak diberikan keutamaan dalam negeri yang mengamalkan Islam Hadhari dan kononnya 50 tahun merdeka.

Saya juga ingin mengungkap satu peristiwa, saya rasa ketika itu Ustazah Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa sekiranya terdesak, boleh melacur. Saya tidak faham seorang ustazah mempunyai latar belakang ilmu agama mengeluarkan fakta sedemikian untuk orang perempuan di negeri Islam Hadhari. Ketika itu patutnya beliau merangka satu pelan kerja untuk mengumpulkan ibu-ibu ataupun wanita-wanita yang dalam keadaan sedemikian, satu program pemulihan dan memberikan mereka latihan untuk... *for the livelihood*, untuk menyara hidup mereka.

Jadi ketika itu saya sungguh kesal dan sedih sekiranya seorang ustazah boleh memberikan fatwa sedemikian, maka porak-perandalah nasib orang perempuan di Malaysia ini. *[Disampuk]*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon laluan. Hendak tahu ustazah itu siapa dia?

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Sendiri mesti tahu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Sendiri mesti tahu ya, Yang Berhormat. Jadi di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Minta laluan.

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Di sini, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya ingin membawakan satu cadangan kepada Dewan ini agar memikirkan tentang kebajikan wanita Malaysia sejajar dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: Sejajar dengan kedudukan kita yang dikatakan negara maju dan mengamalkan Islam Hadhari. Di mana kedudukan orang perempuan? Tidak ada keistimewaan langsung di negara ini. Sudah tiba masanya kalau kita mengatakan kita mengamalkan Islam Hadhari, kedudukan orang perempuan itu harus diletakkan di tempat yang istimewa, lebih elok dan saksama, tetapi apa yang terjadi di Malaysia ini, wanita dipinggirkan dan tidak diberikan keutamaan langsung. Jadi di sini saya meminta agar Kerajaan Malaysia memikirkan dan merancang satu pelan ataupun mewujudkan satu dana konsep elaun suri rumah tangga...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Minta laluan.

Puan Zuraida Kamarudin [Ampang]: ...yang mana telah diamalkan di negara maju seperti Ireland, Sweden dan Amerika.

■1920

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pontian bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Pontian kenapa susah hati pasal wanita Yang Berhormat Pontian? Biar saya cakap dahulu, saya habis cakap nanti boleh cakap hal wanita.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Sebab tidak tepat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah tiba masa untuk kita, wanita di Malaysia diberikan keistimewaan ini kerana pekerjaan suri rumah tangga itu harus diberikan pengiktirafan ekonomi, kerana buat kerja di dalam rumah bukan satu hobi. Menggosok, memasak, menyapu, orang

lelaki buat saya tahu memang hobi, kalau orang perempuan buat itu adalah satu tanggungjawab. Yang tadi Yang Berhormat Pontian mungkin suka sapu rumah, mungkin saya boleh berikan kerja itu sebagai hobi.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Itu kalau jadi suami.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa ke sini tentang bagaimana nasib orang perempuan di dunia pekerjaan

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapit bangun Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Bagilah, bagilah...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Another five minutes, I give you another five minutes. Let me speak for...*

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *Time pertama.*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *My time is taken out. I got a lot of things to say, sorry, dengan izin. Okey. Wanita Malaysia di dunia pekerjaan tidak juga diberikan keistimewaan, Tuan Yang di-Pertua.*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang mana orang perempuan kalau kita kata mereka datang dari negara maju maka memberi pilihan untuk...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon penjelasan fasal wanita Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat Arau.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Untuk wanita yang bekerja di Malaysia diberikan pilihan untuk memilih waktu kerja. Cuba lihat sekarang di plaza-plaza tol, pukul dua, tiga, empat pagi siapa yang menjaga tol? Anak-anak gadis, anak-anak dara, yang mana hidup mereka ataupun nasib mereka tidak terjaga. Keselamatan mereka, apa-apa sahaja boleh terjadi ketika itu pukul tiga, empat pagi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Penjelasan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti dan harus menjaga keselamatan orang perempuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sahaja dia orang mengacau saya ini...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kita hendak tanya fasal tol, tol.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Di Kapit tidak banyak tol. Tidak payah cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat Kota Belud.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Di Kota Belud pun tidak ada tol. Tidak payah cakap.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Di Kapit tiada tol, ada benda lain.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ada belut. *[Ketawa]* Tidak payah cakap.

Lagi satu perkara yang ingin saya bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, wanita memainkan peranan penting sebagai tunjang pembangunan insan. Merekalah di belakang pembangunan negara. Merekalah yang mengandung, merekalah yang melahirkan, merekalah yang menyusukan, merekalah yang bangun malam untuk menjaga anak...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Laki-laki yang mengandungkah?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Maka sudah tiba masanya mereka harus diberikan keistimewaan ini. Itulah sebabnya...

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Tidak payah mengandung. Fitrah manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tolong diam Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *Astaghfirullah. [Ketawa]*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *Natures.*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Tuan Yang di-Pertua, kita minta agar wanita itu diberikan hak istimewa di negeri kita yang dikatakan mengamalkan Islam Hadhari. Satu lagi yang saya ingin perkatakan di sini, tentang modal insan yang diperkatakan oleh Kerajaan BN...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Modal insan itu bermula seawal-awalnya di peringkat pra sekolah, di mana anak-anak kita harus diberikan

foundation yang mantap. Kalau modal insan yang ada sekarang sebab itu kita ada peragut, perasuah, perompak dalam Dewan ini...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Semua wanita dihargai pada Hari Wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat, dia tidak bagi.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Keselamatan orang perempuan juga tidak terjaga di negara ini. Cuba lihat keadaan rogol yang telah disebutkan oleh teman saya...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Silam bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Tadi Yang Berhormat bagi Kuantan...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin [Beauford]: Yang Berhormat selamat atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Hampir lapan kes rogol terjadi setiap hari Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau anggota keselamatan awam itu diagihkan kerja mereka dengan sepatutnya, perkara ini akan dapat kita kurangkan. Kalau mereka ini FRU-FRU yang turun di perhimpunan-perhimpunan aman kami, diletakkan di Chow Kit tempat yang berisiko tinggi dan berlegar-legar di kawasan Chow Kit.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kakak, bagi jalan kakak.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Bagi jalan kakak.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Saya pasti dan yakin, kadar rogol, kadar ragut dan rompak akan turun, kalau mereka ini ditugaskan tempat-tempat yang sewajarnya. Jadi inilah kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Ahli-ahli Dewan yang lelaki di sini, saya pasti mempunyai isteri, tiada isteri ada anak perempuan mungkin, ibu, nenek, kakak, mak cik dan juga mereka ini orang perempuan, jadi harus dipertimbangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat? Ahli-ahli Berhormat dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Tentang keselamatan mereka ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kak, bagi jalan kak. *[Ketawa]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Saya juga difahamkan KEMAS, tadi saya menceritakan tentang pra sekolah, perlunya satu sistem pra sekolah yang lebih mantap dan berkualiti.

Kerajaan BN yang ada 50 tahun dari dulu KEMAS, sampai sekarang KEMAS juga, tiada apa perbezaan standard 50 tahun dulu, sampai sekarang. RMK-9 yang lepas memperuntukkan RM100 juta untuk meningkatkan mutu...

Seorang Ahli: Akak, boleh tumpang? Bagilah ruang sedikit.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...pembelajaran kanak-kanak di KEMAS ini. Kalau dulu cakap lagu dia, 'Selamat Pagi Cikgu, sekarang pun lagu itu juga. Tidak ada...

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Mana boleh jadi wanita kalau...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Tidak ada kenaikan taraf, tidak ada kenaikan mutu dari segi *syllabus* dan juga dari segi mutu guru-guru yang ada di sekolah tadika-tadika KEMAS. Jadi ini harus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak bagi jalan. Sila duduk.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...*Let me*, kasi saya habis dahulu. *You jot down*, nanti *you* boleh cakap. Kalau ada masa, nasiblah tu. *[Ketawa]*

Jadi dengar dulu saya cakap, *because you* tidak dengar saya cakap, nanti *you* tidak tahu hendak jawab macam mana? Dengar betul-betul. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian tentang perancangan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, kononnya mewujudkan *One Stop Crisis Centre* di setiap hospital. Ketika ini hanya tiga buah sahaja *One Stop Crisis Centre* yang telah diadakan di seluruh negara, tetapi dalam laporan mengatakan ada 100 *One Stop Crisis Centre*.

Saya mengendalikan kes-kes *home violence* yang mana saya sendiri mengalami bagaimana rumit dan payahnya untuk mendapatkan khidmat *One Stop Crisis Centre* ini. Yang mana seorang wanita yang telah dianiaya harus pergi ke doktor, lepas itu pergi ke peguam, pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi dia kata *One Stop Crisis Centre*. *The crisis is there, but not to service the people*, dengan izin. Jadi inilah perkara-perkara yang harus kita mengambil kira dan memberikan tumpuan, agar nasib orang perempuan di Malaysia ini terbela Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kalau Yang Berhormat seorang yang begitu prihatin, bagilah saya berucap.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Reformasi, Undang-undang Syariah, seperti yang telah saya sebut tadi. Pelaksanaan Undang-undang Syariah yang lemah, membuatkan kaum wanita susah untuk mendapatkan pelaksanaan Undang-undang Syariah, agar mereka dapat dibela dengan sempurna. Hidup mereka naik tangga, turun tangga, pergi sini, pergi sana untuk mendapatkan nafkah daripada tuntutan penceraian. Memang menyulitkan ketika ini, kerana pelaksanaannya yang tidak sempurna dan tidak berkesan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi Kota Belud bangun lagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Undang-undang Syariah ini harus diberikan tekanan agar ianya lebih efektif. Seajar dengan itu, saya ingin menyeru kepada negara kita terutama Perdana Menteri yang mengatakan bahawa kita mengamalkan Islam Hadhari.

Sudah 50 tahun mengatakan bahawa Agama Islam adalah agama rasmi, namun sampai ketika ini juga masih gagal untuk menyelaraskan Undang-undang Syariah dari Perlis sampai ke Johor. Kenapa tidak pernah difikirkan tentang kepentingan penyelarasan Undang-undang Syariah ini di seluruh negara. Mungkin kerana mereka tidak kena nasib yang sedemikian, sebagaimana orang perempuan mengalaminya.

Penjagaan kesihatan Tuan Yang di-Pertua, juga satu bidang yang harus diberikan tumpuan ketika ini. Di mana kembalikan perkhidmatan kesihatan ibu dan bayi di setiap kawasan. Ketika ini hospital yang ada di negara maju, yang dikatakan Malaysia ini, masih tidak cukup katil, masih tidak cukup doktor, masih tidak cukup ubat. Siapakah mereka yang selalu pergi ke hospital-hospital ini, kalau bukan kaum hawa untuk membawa anak mereka, untuk menguruskan hal kelahiran, untuk menguruskan segala penyakit yang ada di rumah.

Jadi, itulah yang saya fikir yang harus Kerajaan BN yang ada sekarang ini, memberikan tumpuan sekiranya tidak ada kepakaran untuk merancang kebajikan kaum wanita di Malaysia ini, kami bersedia untuk memberikan *consultation* agar dapat memberikan jalan dan pelan tindakan yang lebih hebat dan lebih efektif, kerana kita adalah kerajaan menunggu. *[Dewan riuh]*

Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meng*highlight* satu perkara mengenai bencana alam di Nargis. Saya menyebutkan di sini kerana dana tabung yang selama ini saya faham dikendalikan oleh pihak kerajaan. Saya mengungkap balik tentang peristiwa tsunami, di mana Tabung Tsunami telah diselewengkan dan laporan yang dibuat pada 1 September 2006 oleh *Accountant General* mengatakan bahawa ada

penyelewengan dengan wang Tabung Tsunami, tetapi sampai sekarang kita tidak dapat lagi, apa-apa penjelasan.

■1930

Mungkin Ahli Majlis nak dengar cerita sedikit, waktu saya ke Aceh, saya pergi ke kem Angkatan Tentera Malaysia ketika itu. Saya pun kata lucu betul orang Malaysia ini. Lucu orang Malaysia ke orang UMNO ke orang BN. Dia angkatan tentera berkata sama saya, Timbalan Perdana Menteri hendak turun, hendak memberikan sumbangan kepada anak-anak yatim, tetapi masanya sangat singkat, tidak boleh keluar dari Aceh.

Jadi maka apa akan kita buat, mereka sendiri ceritakan kepada saya, mengumpulkan anak-anak di kampung berdekatan dengan kem itu dan panggil Timbalan Perdana Menteri untuk menyampaikan sumbangan, masuk dalam TV, masuk dalam berita. Saya tidak tahu siapa bodohkan siapa, angkatan tentera bodohkan Timbalan Perdana Menteri, atau Timbalan Perdana Menteri bodohkan angkatan tentera.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: *You* pergi ke negara yang tidak maju.

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Itu yang terjadi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, pasal Aceh minta laluan.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cakap perlahan sedikit.

Seorang Ahli: *[Sampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan agar Tabung Bencana Alam harus diagihkan harus diagih-agihkan kepada NGO-NGO yang berwibawa untuk mereka membawa ke tempat-tempat bencana. Mereka harus laporkan kepada badan... *[Masalah rakaman]*... bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: ... dia *handsome*... *[Ketawa]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Berkenaan dengan Tabung Bantuan Tsunami. Seperti soalan yang tidak terjawab pagi tadi, jawapan bertulis telah

dikemukakan kepada saya, mengatakan jumlah peruntukan kerajaan bernilai lebih daripada RM50 juta, tetapi saya mendapat satu maklumat secara *personal info*, atau maklumat saya sendiri, Perdana Menteri pada tahun 2005 memaklumkan bahawa ada tambahan RM100 juta peruntukan untuk tabung ini, tetapi tidak ada jawapan yang dikemukakan kepada saya. Saya mohon Yang Berhormat memasukkan data ini di dalam ucapan beliau. Boleh? Terima kasih.

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih kerana ingatkan saya tentang fakta ini ya. Tolong masukkan dalam Handsard.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin bangkitkan di sini tentang nasib orang Melayu. UMNO memperjuangkan nasib orang Melayu. Cuba tengok tanah-tanah *reserve* yang diambil demi di atas kemajuan dan pembangunan. Wilayah Iskandar mengambil tanah 130 orang Melayu di situ dan menafikan penglibatan ekonomi mereka di Wilayah Iskandar di situ. Sekarang masih ada lagi 30 keluarga yang masih mempertahankan hak mereka di situ.

Apa kebanggaannya dengan IKS di situ dan sebagainya sekiranya nasib orang Melayu tidak mereka fikirkan langsung. Sekurang-kurangnya inilah yang diperkatakan oleh penduduk Tebing Runtuh kepada saya. "*Puan Zuraida, kami tidak kiralah sekiranya anak kami jadi tukang sapu sampah sahaja di bangunan itu cukuplah*". Begitu hina sekali orang Melayu meletakkan kedudukan mereka di Kerajaan Barisan Nasional UMNO.

Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique [Tenggara]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi Tenggara bangun Yang Berhormat.

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Barisan Nasional: [Bersorak]

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak bagi Tuan Yang di-Pertua, nanti, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *My last point.* Satu lagi perkara yang saya hendak *highlight*, janganlah kita lakukan pembaziran dan sebagainya di atas dengan SUHAKAM. Perbelanjaan SUHAKAM, hak asasi manusia. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, pihak kerajaan telah menubuhkan SUHAKAM, setiap pesuruhjaya mempunyai kontrak selama dua tahun. Setiap pesuruhjaya dibayar RM7000 sebagai gaji dan elaun dan mereka diberikan kereta dan sebagainya.

Dalam kontrak mereka, tidak dikatakan itu adalah kerja sambilan. Mereka-mereka pesuruhjaya ini semuanya ada kerja tetap, atau kerja yang lain yang lebih penting daripada dia menjalankan tugas sebagai pesuruhjaya.

Contohnya Datuk Mohamed Shafie, Datuk Choo, Prof. Khoo, Datin Zaiton, Datuk Raj Karim, sentiasa sebuk dengan kerja masing-masing tetapi memegang jawatan tertinggi di luar dan tidak dapat memberikan komitmen dalam SUHAKAM. Sampai sekarang kalau kita tengok siapa yang membuat *press conference*, siapa yang menangani isu-isu SUHAKAM, Datuk Siva, itu sahaja yang ke hadapan untuk bertemu dengan orang ramai. Jadi ini adalah satu pembaziran Tuan Yang di-Pertua. Peruntukannya melantik mereka dengan 16 orang pesuruhjaya belanjanya RM1.34 juta setahun.

Jadi tugas ini yang telah diamanatkan, telah dikhianati. Selain daripada itu mereka juga diberikan kereta dan didapati kereta-kereta mereka itu digunakan oleh ahli keluarga mereka dan bukannya pesuruhjaya itu sendiri untuk menggunakan kereta itu untuk kerja harian mereka. Saya beri laluan kepada Yang Berhormat bagi Tenggara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi Tenggara, ya.

Seorang Ahli: Perempuan dengan perempuan.

Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique [Tenggara]: Bukan perempuan minta maaf, ya. Wanita.

Seorang Ahli: Wanita, wanita.

Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique [Tenggara]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari kawasan...

Beberapa Ahli: Ampang.

Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique [Tenggara]: ...Ampang tadi tentang kenyataan yang berkaitan dengan Wilayah Pembangunan Iskandar ini. Adakah Yang Berhormat sedar tentang perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang ditunjangi ini UMNO di Negeri Johor ini. Tentang agenda Melayu membela kepentingan Melayu untuk dibawa bersama dalam pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar.

Saya hendak menasihatkan Yang Berhormat bagi Ampang sebelum bercakap tentang sesuatu perkara semak dahulu tentang faktanya dan pastikan ia benar kerana saya datang daripada Kerajaan Negeri Johor dan saya tahu apa kerajaan saya buat. Terima kasih. *[Tepuk]*

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya tahu Yang Berhormat bagi Tenggara datang dari Johor tetapi Yang Berhormat bagi Tenggara tidak tinggal di Tebing Runtuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohamed. Sadique [Tenggara]: Saya hendak bagi tahu, bahawa saya terlibat sama dengan keputusan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung apa yang saya perkatakan tadi, pihak-pihak yang berkenaan tolong ambil tindakan demi nasib rakyat Malaysia bukan demi kepentingan Ahli-ahli Dewan yang berada di sini dan saya minta sokongan dengan ucapan titah saya. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang.

7.37 mlm.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta maaf, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul untuk Menjunjung Kasih Titah Diraja di hadapan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa isu keselamatan adalah semakin serius dalam negara kita. Kes-kes jenayah yang bertambah sebanyak 9.7% dan 11.3% pada tahun 2006 dan 2007 masing-masing. Anggota-anggota polis yang tidak mencukupi telah dikatakan sebagai salah satu faktor yang menyebabkan kes-kes jenayah semakin meningkat di Malaysia.

Walau bagaimanapun, pada hari Rabu dan Khamis yang lepas, Polis Diraja Malaysia telah menghantar lebih kurang 200 anggota polis termasuk Unit Simpanan Persekutuan, anggota polis berpakaian biasa dan satu trak meriam air, tujuh trak Unit Simpanan Persekutuan dan menembak empat kali gas pemedih mata untuk membantu Syarikat Konsesi Tol iaitu Grand Saga Sdn. Bhd. untuk membina semula tembok berhalangan di Bandar Mahkota Cheras. Pihak polis telah mengambil keputusan untuk menghantar anggota-anggota yang begitu ramai untuk melindungi kepentingan sesebuah syarikat konsesi tol sampai tahap menembak empat kali gas pemedih mata dan meriam air terhadap penduduk-penduduk Mahkota Cheras.

Di sini saya ada gas pemedih mata yang telah digunakan pada hari itu. *[Sambil menunjukkan gas pemedih mata tersebut].* Saya meminta satu penjelasan daripada Menteri Dalam Negeri kenapa kepada seluruh rakyat jelata dasar keputusan itu untuk

menghantar hampir 200 anggota polis ke Bandar Mahkota Cheras dan menembak sebanyak empat kali gas pemedih mata dan meriam air kepada penduduk-penduduk Bandar Mahkota Cheras yang tidak ada jentera...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat dan Yang Berhormat bagi Maran bangun Yang Berhormat. Hendak bagi mana Yang Berhormat?

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Saya orang Batu Pahat mesti bagi.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Yang Berhormat bagi Serdang baik.

■ 1940

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Yang Berhormat Serdang yang baik hati. Saya sebenarnya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Sebenarnya isu yang berbangkit ialah isu keselamatan. Apabila kita menggunakan kuasa sendiri untuk mengambil sesuatu tindakan iaitu undang-undang di tangan kita sudah tentulah memerlukan kawalan. Oleh sebab itu apabila dibangkitkan soal jenayah yang tinggi kerana polis dihantar begitu ramai ke satu tempat ini berpunca apabila kita menggunakan undang-undang secara sendiri.

Oleh sebab itu kalau boleh janganlah kita hendak runtuhkan sendiri tembok tersebut yang boleh menimbulkan lebih banyak kekecohan dan menggugat keselamatan awam ketika itu. Oleh sebab itu saya harap rasional sikitlah maksudnya kalau hendak dikaitkan dengan jenayah yang tinggi sampai polis tidak cukup kerana dihantar ke satu tempat. Saya nampak macam tidak rasional hujah tersebut. Mohon penjelasan.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Pahat. Mesej yang ingin saya sampaikan kepada menteri ataupun Kerajaan Pusat di negara kita adalah begini. Sejak saya dipilih sebagai Ahli Parlimen Serdang saya telah banyak menerima aduan daripada penduduk-penduduk bahawa mereka membuat satu laporan di balai polis tetapi laporan mereka tidak dihiraukan oleh anggota-anggota polis di sana. Saya perlu mengambil masa untuk menjelaskan kepada penduduk-penduduk Serdang bahawa mungkin ada sesuatu sebab mengapa aduan tidak dihiraukan kerana di Malaysia kita memang tidak ada anggota-anggota polis yang cukup.

Dalam beberapa ceramah saya menggalakkan pemuda-pemudi daripada kaum Cina untuk menyertai anggota polis supaya meningkatkan jumlah anggota polis di dalam negara kita. Soalan saya pada hari ini kepada Menteri Dalam Negeri ialah adakah apabila selepas pemuda-pemudi kita menyertai pasukan polis mereka diperalatkan, dipergunakan untuk melindungi satu syarikat peribadi sahaja ataupun tugas mereka

adalah untuk menjaga keselamatan negara dan hak harta benda rakyat jelata seluruh negara.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Serdang, boleh saya mencelah?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Berdiri*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Maran.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jangan, jangan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Maran bagus sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya tidak bagi kerana masa saya yang singkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi. Dia ikut cakap Yang Berhormat Seputeh kata tidak bagi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Seputeh kata tidak bagi tetapi dia kata bagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma tanya satu soalan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan, Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, pada hari yang sama Kerajaan Selangor juga telah meminta bantuan ataupun pertolongan daripada pihak polis untuk melindungi hartanah mereka iaitu menghalang Grand Saga untuk membina tembok halangan di tanah tersebut yang telah disahkan bahawa adalah dimiliki oleh Kerajaan Selangor. Namun Kerajaan Selangor diarahkan oleh Ketua Polis Selangor iaitu Datuk Khalid untuk mendapat satu injunksi daripada mahkamah.

Soalan saya ialah mengapa pihak polis tidak meminta Grand Saga untuk mendapatkan satu injunksi daripada mahkamah sebelum pihak polis menghantar anggota polis yang begitu banyak. Pihak polis yang sepatutnya berkecuali telah dilihat memihak kepada Grand Saga dan telah menggunakan satu *double standard* dengan izin, yang begitu mengecewakan. Apakah rasional pihak polis dalam perkara ini?

Adalah hasrat kerajaan kita untuk menjadikan Polis Diraja Malaysia sebagai sebuah pasukan terunggul tetapi nampaknya daripada kejadian ini perjalanan adalah masih panjang. Kerajaan Pusat sehingga hari ini tidak mengambil apa-apa tindakan untuk mengatasi masalah yang telah berlaku di Bandar Mahkota Cheras.

Pada hari Rabu yang lalu, Menteri Kerja Raya berjanji di Dewan ini bahawa beliau akan memastikan tidak ada seorang rakyat jelata yang akan menanggung sebarang beban yang diakibatkan oleh kontrak konsesi. Di Bandar Mahkota Cheras

terdapat seramai 37,500 orang penduduk yang sekarang terpaksa memandu sejauh 6 km dan membayar tol sebanyak 60 sen kepada Grand Saga sekiranya tembok halangan itu dibina. Saya meminta Menteri Kerja Raya, tolonglah mereka. Tolonglah penduduk-penduduk di Mahkota Cheras. Mereka telah mengalami kesulitan selama dua tahun. Tolonglah mereka, tunaikan janji menteri dalam Dewan ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu kepentingan rakyat...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya belum beri laluan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri laluan, Yang Berhormat?

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ikut peraturan, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Yang Berhormat Serdang. Kita memang kena bela nasib orang ramai terutamanya dalam kes Bandar Mahkota Cheras ini. Cuma yang saya katakan tadi, kalau semua orang melaksanakan undang-undang sendiri, maksudnya kita wakil rakyat pun sama-sama hendak robohkan gerai, roboh itu, roboh ini, maka rosaklah sistem undang-undang negara.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Nampaknya Ahli Yang Berhormat Batu Pahat tidak bersetuju bahawa rakyat ataupun penduduk-penduduk di Bandar Mahkota Cheras mempunyai hak mereka untuk menggunakan satu jalan yang telah dibina dengan wang mereka.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Yang Berhormat Serdang. Tuan Yang di-Pertua, mengapakah penduduk sekarang berani merobohkan tembok yang diadakan di jalan keluar dari kawasan kediaman mereka? Ini adalah kerana mengikut Jabatan Ukur Tanah bahawa tembok itu terletak di kawasan tanah Kerajaan Negeri Selangor. Mereka kata bahawa tembok itu telah salah letak. Apabila mereka membeli rumah mereka tengok pelan itu ada menjanjikan ada jalan keluar untuk mengelak daripada pembayaran tol, tetapi selepas mereka berpindah tembok itu wujud yang telah dibina oleh Grand Saga. Ini tidak patut. Ini memang adalah hak bagi penduduk di kawasan itu merobohkan tembok tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jadi...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Bersetujukah? *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bersetujukah, Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi, kawan baik Tuan Yang di-Pertua, dulu Yang Berhormat Hulu Langat, Dato' Markiman, dia kalah kerana penduduk di sana semuanya tumbangkan dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat susah hatikah dia kalah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu sebagai satu protes terhadap Barisan Nasional. Jadi, kalau Barisan Nasional masih membenarkan Grand Saga mengutip wang dan menyalahgunakan kuasa mereka nanti seluruh Barisan Nasional akan ditumbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang sudah tidak sabar, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, ini adalah pilihan raya tsunami politik. Saya mintalah Kerajaan BN kena jaga-jagalah sikit. Ini satu perkara yang kecil di satu kawasan tetapi boleh merebak menjadi satu ombak yang besar. Mungkin Tuan Yang di-Pertua pun tidak boleh dapat duduk lama di kerusi sana. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah pandangan Yang Berhormat Serdang?

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya bersetuju dengan Ahli Parlimen Seputeh.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Satu minit.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Satu ayat sahaja. Adakah Yang Berhormat Serdang bersetuju bahawa kalau dikatakan bahawa pihak polis tidak dapat mempertahankan hak kita, hak-hak rakyat Malaysia perlulah rakyat Malaysia mempertahankan hak dia sendiri?

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat Petaling Utara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: PJ Utara.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: PJ Utara. Minta maaf. Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Pengarah Eksekutif Grand Saga Sdn. Bhd iaitu Zainal Abidin Ali telah didengar menjerit kepada penduduk-penduduk Bandar Mahkota Cheras dalam bahasa Inggeris iaitu, dengan izin saya *quote*: “*If you don’t want to pay the toll then go back to China*”

■ 1950

Soalan saya kepada Kerajaan Pusat pada hari ini ialah sama ada Zainal Abidin itu akan didakwa di bawah Akta Hasutan 1948? [*Tepuk meja*] Jangan mendakwa Raja Petra Kamaruddin kerana beliau menulis satu artikel yang bertajuk ‘*Let’s send Altantuya’s murderer to hell*’ dengan izin. Janganlah memperalatkan wanita-wanita...

Dato’ Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: ...untuk manfaat sendiri, atau manfaat parti sahaja. Minta maaf, saya hanya ada 10 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat Bintulu.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya terus dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada 8 minit Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: 8 minit? Saya teruskan lagi. Hak pendidikan adalah satu hak asasi. Setiap manusia berhak untuk menuntut pelajaran dalam bahasa ibunda. Dalam negara ini, hak untuk menuntut pelajaran dalam bahasa ibunda adalah sampai tahap sekolah rendah sahaja. Saya boleh menerima alasan Kerajaan Pusat kerana mungkin Kerajaan Pusat tidak mempunyai peruntukan ataupun kewangan yang mencukupi untuk membekal pendidikan dalam bahasa ibunda di sekolah menengah ataupun universiti.

Sebagai hakikatnya, saya juga rasa bangga dan gembira atas pencapaian masyarakat Cina yang sanggup mendirikan 60 buah sekolah menengah Cina swasta di seluruh Malaysia. Adalah satu hakikat yang tidak dinafikan oleh sesiapapun bahawa kualiti pendidikan yang diberikan oleh 60 buah sekolah menengah Cina swasta itu adalah setanding dengan kualiti pendidikan yang dibekalkan oleh sekolah menengah kebangsaan.

Kita ada doktor, peguam, *engineer* daripada sekolah menengah Cina swasta dan sekarang kita juga ada Ahli Parlimen yang pernah menerima pendidikan di sekolah menengah Cina swasta iaitu saya sendiri. Sijil peperiksaan bersama sekolah-sekolah menengah persendirian Cina Malaysia iaitu UEC telah diterima untuk memasuki universiti-universiti luar negeri adalah amat mengecewakan bahawa Kerajaan Pusat kita

sampai hari ini tidak menerima sijil tersebut sebagai salah satu syarat untuk memasuki universiti-universiti tempatan.

Kerajaan Pusat mestilah memberikan satu alasan yang munasabah. Pemimpin-pemimpin negara kita suka bertanyakan soalan ini, sama ada kita, yang pada pendapat saya terutamanya kaum India ataupun Cina, cintakah negara ini? Pada pendapat saya, pemimpin-pemimpin tersebut harus bertanyakan diri sendiri sama ada mereka mencintai rakyat jelita? *[Ketawa]* Memanglah semua penduduk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Rakyat jelata Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Memanglah semua penduduk Malaysia mencintai negara ini. Apa yang rakyat jelata benci, adalah sebuah kerajaan yang tidak mencintai mereka. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Papar. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia sudah habis Yang Berhormat.

7.53 mlm.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Bismillah hirrahman nirrahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk turut membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana saya ingin menyentuh beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Tuanku, Baginda menyatakan bahawa modal insan yang berkualiti di kalangan belia akan terus dipertingkatkan. Kerajaan memperakui kepentingan belia dan mahu semua pihak menyokong apa jua usaha ke arah melahirkan belia yang mempunyai nilai murni, jati diri kukuh, berintegriti dan daya juang yang tinggi agar dapat diterjemahkan ke dalam dengan izin *talent pool* modal insan negara.

Dari segi anugerah belia, Malaysia mendahului negara lain dan beberapa negara lain meniru konsep kita. Pengiktirafan terhadap belia bukan sahaja berlaku bagi pertubuhan belia, bahkan pelajar juga. Sebenarnya bagi belia, termasuk remaja dan juga pelajar, pengiktirafan hakiki yang diminta bukanlah dalam bentuk anugerah. Apa yang benar-benar diminta ialah untuk suara mereka didengar, dapat mengambil bahagian secara penuh dan berkesan melalui pendekatan pengakupayaan atau *empowerment* dengan izin sehingga ke peringkat membuat keputusan bagi seluruh hal ehwal kehidupan dan masa hadapannya.

Oleh itu amat penting kita memahami permintaan belia, remaja dan pelajar bersedia meraikannya dan menggunakan pendekatan yang sesuai, barulah mereka puas kerana suara mereka benar-benar didengar. Faktor utama mengapa sebahagian kita tidak mendengar suara belia ialah kerana kita tidak mengiktiraf kepimpinannya. Kalau kita mengiktiraf pun, kita menganggap mereka sebagai pemimpin masa hadapan sahaja.

Hakikatnya ialah pada hari ini, golongan belia adalah pemimpin dalam tiga keadaan iaitu sebagai pemimpin angkatan yang lebih muda daripadanya, kedua sebagai pemimpin angkatan yang sebaya dengannya dan ketiga sebagai rakan kepimpinan dengan kita yang lebih tua daripadanya. Kerana itu, belia tidak boleh hanya dilihat sebagai peserta sesuatu dasar dan program tetapi hendaklah dilihat sebagai pemimpin atau pemimpin bersama dasar dan program itu.

Pasca pilihan raya menuntut lebih ramai perwakilan belia di Dewan Parlimen sama ada di Dewan Negara mahupun Dewan Rakyat. Belia mahukan dengan izin, *the towering and incredible youth* sebagai wakil suara mereka. Hari ini lebih 75% penduduk Malaysia berada di bawah umur 40 tahun. Manakala 11.8 juta atau lebih 40% pula boleh dikategorikan sebagai belia mengikut garis panduan Dasar Belia Negara iaitu 15 tahun hingga 40 tahun.

Kesimpulan daripada perangkaan ini, menunjukkan hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang rata-ratanya berwargakan anak muda yang sarat dengan tenaga serta potensi bagi menerajui proses pembangunan serta kemajuan negara bagi pusingan seterusnya. Mengiktiraf belia sebagai pemimpin sebenarnya antara matlamat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menjadi Ketua Pengarah Belia apabila beliau mencadangkan penubuhan Majlis Perundingan Belia Negara atau MPBN pada tahun 1972. Maka sudah tibalah masanya, kerajaan memberikan saluran dan struktur...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Pohon laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau bangun, Yang Berhormat.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: ...kepada tenaga, idea dan idealisme belia agar masyarakat dan negara dapat memanfaatkannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau bangun Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Biarkan saya habiskan dahulu Yang Berhormat, nanti saya akan beri ruang.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Ya, terima kasih.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Penubuhan Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan Belia yang selari dengan struktur

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau JKKK misalnya boleh diwujudkan. Ada baiknya penubuhan jawatankuasa ini diperluaskan lagi ke semua peringkat kemasyarakatan termasuklah di taman-taman perumahan, di peringkat mukim dan pihak berkuasa tempatan (PBT) agar suara serta pendapat akar umbi belia akan lebih banyak saluran untuk disampaikan dan seterusnya didengar oleh pihak berkuasa. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Papar. Saya ingin bertanya penjelasan Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan saya ataupun tidak? Kelesuan yang berlaku dalam belia ini akibat terlalu lama kita bergantung pada pemimpin belia yang melebihi umur. Sampai umur 60 tahun lebih pun ada. Sebelum Akta Belia ini digubal. Jadi, disebabkan terlalu lama dan baru-baru inilah baru kita menggubal akta ini, barulah had umur itu dibuat kepada pemimpin belia.

Jadi adakah sebab ini merupakan antara sebab utama? Menteri Belia kena dengar benda ini yang menyebabkan kelesuan yang berlaku di dalam kepimpinan belia yang begitu lama yang memerlukan tindakan pembaharuan dibuat oleh pihak kerajaan?

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju bahawasanya ini merupakan salah satu faktor yang begitu penting menyebabkan keresahan di kalangan kaum belia ditambah lagi dengan peningkatan had umur persaraan ke 58 tahun ini, pun memberikan keresahan kepada kaum belia kerana peluang mereka untuk berkhidmat agak terhad kerana kerajaan memberikan lebih ruang kepada mereka-mereka yang berkhidmat sehingga berumur 58 tahun.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Minta laluan.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Saya mohon teruskan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Laluan sikit Yang Berhormat.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Dalam Titah Tuanku, Baginda menyeru agar kerajaan terus memajukan. Minta maaf Yang Berhormat, saya ingin teruskan. Memajukan sektor pertanian melalui satu transformasi daripada pertanian tradisional kepada entiti komersial.

Saranan Tuanku bertepatan sekali terutama sekali apabila dunia sedang menghadapi krisis makanan yang agak serius. Malaysia tidak terkecuali mula merasai kesan kenaikan harga beras global apabila beras di pasaran tempatan telah meningkat lebih 20% baru-baru ini, terutama sekali harga beras import. Negara ini masih mengimport kira-kira 30% daripada keperluan berasnya ataupun kira-kira 700,000 tan

metrik setahun daripada Thailand dan juga Vietnam. Tuan Yang di-Pertua, BERNAS adalah merupakan pengimport beras tunggal negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Namun tindak-tanduknya sentiasa tertakluk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung esok.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.